Badai Semalam

BADAI SEMALAM

Khadijah Hashim

K Publishing Sdn. Bhd. (144639-U)

Shah Alam 2011

NOTA PENERBIT
BAB 1
BAB 2
BAB 3
BAB 4
BAB 5
BAB 6
BAB 7
BAB 8
BAB 9
BAB 10
BAB 11
BAB 12
BAB 13
BAB 14
BAB 15
BAB 16
BAB 17
BAB 18
BAB 19
BAB 20

NOTA PENERBIT

Terbitan:
'K' PUBLISHING SDN. BHD.
No. 53, Jalan Nilam 1/2,
Subang Hi-Tech Industrial Park,
Batu Tiga, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-5637 6775
Faks: 03-5637 4775
E-mel: info@k-publishing.com.my

© 'K' Publishing Sdn. Bhd. (144639-U) 2011

Badai Semalam

ISBN: 978-983-852-545-9

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, dalam cara yang boleh digunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dalam cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada 'K' Publishing Sdn. Bhd. (144639-U)

Muka Taip Teks: Cochin Regular
Saiz Taip Teks: 11 / 13

Pengedar tunggal:
CERDIK PUBLICATIONS SDN. BHD. (203370-D)
Tel: 03-5637 9044
Faks: 03-5637 9043
E-mel: inquiry@cerdik.com.my

Dicetak oleh:
BS PRINT (M) SDN. BHD.
No. 10, Jalan Indrahana 1,
Off Jalan Kuchai Lama,
58100 Kuala Lumpur

BAB 1

Loceng besar Maktab Melayu berbunyi lantang, memecah ketenangan seluruh kawasan di sekitarnya. Sebentar kemudian, terburailah putera-puteri dari perut bangunan indah ini. Masing-masing dengan pakaian seragamnya. Lelaki berkemeja dan berseluar warna hijau dan bertali leher hijau. Yang perempuannya berblaus dan berskirt hijau juga bertali leher hijau.

Suasana di perkarangan maktab sudah bertukar corak. Riuh dengan bunyi enjen kereta, bas sekolah, dan motosikal yang mengambil putera-puteri hartawan di bandar Tanjung Puteri ini. Yang berjalan kaki terus berjalan pantas menuju ke pondok menunggu bas tidak jauh dari maktab ini.

Dalam kesibukan kereta-kereta keluar ke kawasan maktab ini, kelihatan seorang gadis bertubuh lampai berjalan pantas tanpa menoleh ke kiri atau ke kanan. Langkahnya pendek-pendek tapi kemas, senang mata memandang. Wajahnya cemas seperti ada perkara yang besar membimbangkan hatinya. Dia berjalan lagi. Langkahnya bertambah cepat.

“Hai, kenapa pantas benar berjalan tu, Mazni?” tegur satu suara.

Mazni yang disapa menoleh ke arah suara nyaring itu. Seorang gadis comel tersenyum. Kepalanya terjengul keluar dari tingkap kereta Volvo kelabu. Mazni membalas senyuman. Kereta besar berjalan laju meninggalkan Mazni tanpa menghiraukan gadis yang berwajah suram ini.

Mazni terburu-buru untuk lekas sampai ke pondok bas yang terletak di Jalan Tebrau. Di sana sudah ramai manusia yang mahu merebut bas tengah hari. Dia menunggu resah bersama kawan-kawan dan orang lain. Bunyi deru kereta, bas, lori-lori yang melintasi Jalan Tebrau ini tidak didengarinya lagi. Segala hati dan matanya sudah lama tersangkut di rumah, di bilik tidurnya. ‘Hai, lekaslah bas!’ keluhnya tidak sabar.

Bas merah putih datang. Belum pun bas itu berhenti betul, ia sudah diterkami oleh penumpang-penumpang yang sudah tidak sabar lagi ini. Mazni turut berasak-asak merebut, mencapai besi di tangga bas. Dia mahu segera pulang. Hanya satu yang sedang difikirkannya sekarang, dia mesti sampai ke rumah segera. Dia perlu melihat ibunya.

Bas mula bergerak. Berat saja bunyinya. Penumpang di dalam perut bas sudah tidak peduli dengan keadaan yang sesak begitu. Masing-

masing mengerti dengan keadaan bas pada tengah hari begini. Semua mahu cepat pulang. Anak-anak sekolah mahu pulang. Pekerja pejabat pun mahu pulang.

Mazni bergayut di palang bas bersama penumpang-penumpang lain. Jalan demi jalan dilepasi.

Tiba di Jalan Kenangan, loceng ditekan. Mazni turun sambil menyinggung orang di kiri kanannya.

Bas terus berlalu. Gadis manis itu menyeberang pantas menuju ke Jalan Kenangan. Wajah ibunya sudah terbayang-bayang di ruang matanya. 'Mak….' keluhnya sendiri. Tidak sedar langkahnya bertambah cepat.

"Hai, kenapa pantas benar? Kena kejar pontianak ke?" tegur seorang pemuda tampan. Pemuda berseluar ketat batang paip, berambut panjang melepasi tengkuk, memang selalu mengusik anak-anak gadis pulang dari sekolah. Mazni yang sudah biasa benar dengan kelakuan pemuda liar ini tidak mempedulikan langsung tegurannya. Dia berjalan terus. Pemuda lain pula menyampuk.

"Kalau tak cukup dua kaki, tambah dua lagi, cik adik," usik pemuda bermisai nipis, berbaju panas belang-belang putih hitam. Namun usikan itu tidak mendapat perhatian daripada Mazni. Pemuda-pemuda hidup belang kehampaan.

Sampai di hadapan sebuah rumah batu dua tingkat, bercat campur-campur merah muda, putih kelabu, Mazni membelok. Dia berlari-lari anak melintasi pekarangan indah rumah tuan pengarah syarikat kayu balak yang terkenL di bandar Tanjung Puteri.

Sebuah kereta Jaguar putih tersadai di anak tangga rumah; kereta Encik Haris, tuan rumah. Ruang tamu kelihatan lengang sahaja kerana Encik Haris dan isterinya, Puan Rohana sedang makan di bilik makan di tengah rumah.

Mazni masuk ke dapur menerusi pintu belakang. Tergesa-gesa dia melangkah masuk dengan keluh panjangnya, kemudian menyeru nama ibu yang sangat dikasihinya itu.

"Mak! Mazni balik, mak!" serunya bertalu-talu.

Ibu tuanya yang terbaring di atas katil usang di bilik belakang rumah Encik Haris ini membuka mata, tetapi tidak berkata apa-apa. Lesu.

"Mak … mak demam lagi?" tanya Mazni sambil menyentuh kepala ibunya.

"Oh, mak …," rintih Mazni. Kesal. Sungguh kesal.

"Demam sikit," sahut ibu tua itu lemah. Begitu malas dia membuka

mulut.

“Kita jumpa doktor petang ni, ya mak,” pujuk Mazni manja. Tangan halusnya memicit-micit dahi yang berkulit lembik dan berkedut-kedut itu sambil menanti jawapan ibu yang terlantar sakit sejak dua minggu itu. Mazni menanti jawapan ibunya, tapi ibu itu masih membisu lagi.

“Kita jumpa doktor petang ini, ya mak!” ulang anak yang sedang digodak bimbang cemas melihat wajah ibu yang pucat lesu.

Ibu merenung anak gadis kesayangannya tepat, kemudian bersuara lambat-lambat.

“Tak usahlah susah-susah kerana mak, Mazni. Demam mak ni bukannya berat sangat. Demam air saja. Kau tak perlu bimbang, Mazni.”

“Bukan begitu, mak. Demam air pun mesti jumpa doktor juga. Kalau dibiarkan saja, nanti melarat, susah mak,” balas Mazni.

“Tak. Demam mak ni demam biasa. Petang nanti bolehlah mak bangun. Dah, pergilah kau makan. Nasi dan lauk ada di bawah tudung saji itu. Pergilah, tak usah kau bimbang dengan demam mak ni. Pergilah makan, Mazni,” suruh ibu dengan tujuan Mazni akan melupakan soal jumpa doktor. Perkara yang sangat dibencinya.

Ibu tua ini memang takut untuk menemui doktor. Meskipun sudah puas dipujuk, dirayu oleh Mazni, tetapi dia tetap menolak dengan alasan, demamnya itu tidak berat dan tidak berbahaya. Ini yang membuat Mazni bimbang. Hendak dikeras-keraskan sangat, dia orang tua.

“Mak dah makan?”

“Dah. Makanlah kau seorang,” ibu itu berbohong.

“Mak bangun masak tadi?”

“Tak. Mak Atun kau yang menjerangnya. Lauk itu Puan Rohana yang memberi,” jelas ibu sambil memerhatikan Mazni membuka periuk di atas meja kecil tidak jauh dari katil ibunya.

Mazni menutup semula tudung periuk nasi lalu menoleh ke arah ibunya dengan wajah yang sedih dan kesal. Wajahnya bertambah keruh. Nasi di dalam periuk belum luak apa-apa, tanda ibunya belum makan lagi.

“Mak belum makan lagi, kan?” suara Mazni pecah tiba-tiba.

Ibunya merenung Mazni. Lama. Kemudian tunduk mengalah. Ibu tua itu tahu betapa bimbang hati anak gadisnya melihat dia tidak makan sejak malam tadi.

“Marilah makan sama, mak. Sejak malam tadi mak tak makan,” pujuk Mazni sambil menatap muka ibunya penuh mengharap.

Ibu mengeluh. “Mak kenyang, makanlah kau seorang. Mak kenyang.”

“Mak … mak mesti makan sikit. Badan tu makin lemah kalau tidak makan. Mak … tolonglah, makan sikit,” rayu Mazni seperti mahu menangis.

Ibunya tetap tidak mahu makan tengah hari itu, Mazni kesal. Hilang seleranya untuk makan.

Sudah jerih dia memujuk ibu supaya berubat dengan doktor dan sudah puas dia merayunya supaya makan sesuap dua. Kesal hatinya tidak terkira melihat sikap ibu. Direnung mata ibu yang cengkung ke dalam itu. Urat-urat tangannya timbul berwarna hijau. Bibirnya kering merekah-rekah. Sedih! Sungguh sedih hatinya melihat ibu yang dulunya sihat dan tegap. Malah, ibulah yang menguruskan makan minum tuan rumah yang ditumpanginya ini sejak bertahun-tahun tanpa jemu-jemu. Bergerak lincah dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Tapi kini, badan itu sudah tidak bermaya lagi.

“Kenapa tak makan, Mazni? Makanlah. Tak usah tunggu mak. Mak belum nak makan lagi. Nanti kalau lapar, mak minta,” suruh ibunya bersungguh-sungguh.

Mazni tidak dapat bersuara. Seperti ada batu yang menyekang di kerongkongnya. Air jernih tergenang-genang di kelopak mata kuyunya, kemudian turun tanpa diundang membasahi pipi segarnya. Sedih.

Ibunya memerhatikan saja air jernih mengalir membasahi pipi anak gadisnya. Dia tidak tahu apa yang harus dikatakan untuk memujuk anak kesayangannya. Sudah selalu benar dia membuang air mata sejak di perbaringan ini. Menangis mengenangkan nasib diri yang sakit di rumah Encik Haris yang bukan keluarganya sendiri. Menangis memikirkan nasib Mazni yang sedang bersekolah di Maktab Melayu dalam Tingkatan Enam Atas itu. Menangis mengenangkan keadaan diri yang susah dan tidak berkeluarga untuk mengadu. Dan menangis, terus menangis.

Mazni mengesat air matanya. Dia mengeluh. Lapang sedikit dadanya setelah puas menangis itu. Pada Mazni, menangislah satu-satu ubat untuk melepaskan sesak yang terbuku di dalam dadanya.

“Mak …!” Mazni memecah kesunyian.

Ibunya merenung air mata kuyu yang sudah merah bagai cili masak itu.

“Mak tak sayang Mazni, ya mak?” tanya Mazni tenang.

“Mazni!” sahut ibu penuh perasaan. “Kalau mak tak sayangkan kau dah lama mak mati, Maz!”

“Mak! Jangan cakap begitu,” potong Mazni pantas. Didakapnya ibu tua itu erat-erat dengan tangisan yang menyayat hati. Lama baru dilepaskannya. Sunyi sebentar. Masing-masing dengan perasaan yang susah dimengertikan. Sedih, gelisah, bimbang, dan kasih sayang, becampur aduk.

“Mazni! Kau dah balik?” Mak Atun menjengah pintu bilik Mazni yang terletak di hujung rumah.

“Oh, Mak Atun! Masuklah,” pelawa Mazni.

Mak Atun, orang gaji Encik Haris yang baru bekerja kira-kira dua bulan sebagai menggantikan tempat ibu Mazni itu, terkejut sebentar melihat wajah Mazni yang muram. Mata Mazni merah menyala, tanda baru lepas menangis. Mak Atun cuma bersahaja. Kemudian bertanya lagi.

“Kau dah makan, Mazni?”

“Belum,” jawab Mazni malas.

“Akak dah makan, kak?” Mak Atun bertanya lagi.

“Aku dah kenyang, Atun!” lemah saja bunyi suara itu.

“Belum berkebah-kebah lagi?”

“Belum, Atun.”

“Selalu tu demam malam saja. Siang baik. Hari ini menerus ke petang pulak!” sampuk Mazni kesal.

“Akak dah makan serbuk sakit kepala tu?”

“Dah.”

“Demam dah lama ni tak boleh makan serbuk sakit kepala tu banyak-banyak, Mak Atun. Kita mesti jumpa doktor. Dia tahu akan sakit yang sebenarnya,” jelas Mazni.

“Pergi hospital, kak?” Mak Atun cuba memujuk.

“Ah, tak payahlah! Bukannya aku demam benar. Demam-demam air saja. Tak usahlah kau semua susah-susah,” begitulah jawapan yang sering diberi oleh ibu tua yang takut berjumpa doktor.

“Sementara belum melarat ni kak, baiklah akak jumpa doktor.”

“Alah … bukannya sakit teruk benar, Atun. Cuma demam biasa saja,” ibu tua masih belum mengalah.

“Kita pergi petang ni, ya mak!” Mazni merayu lagi.

“Aku takut diinjek, Mazni!”

Mak Atun tersenyum mendengar jawapan yang lucu itu. Jawapan yang tidak sepatutnya keluar dari mulut seorang dewasa. Dia teringat akan telatah anak kecilnya yang takut disuntik.

“Bukan semua sakit mesti diinjek, kak. Tak usahlah kakak bimbang. Doktor tu lebih tahu akan ubat-ubat setiap penyakit. Pergilah,” pujuk Mak Atun seperti memujuk anak-anak yang takut bergunting rambut saja layaknya.

“Aku takut kena tahan di hospital. Aku tak suka diam di sana. Biarlah aku lentang seorang diri di bilik aku ni. Hatiku senang.” Ibu tua ini melahirkan perasaan yang selalu mengganggu dia untuk menemui doktor selama ini.

“Belum tahu juga, mak! Kalau tak berat sakitnya, mak akan dibenarkan pulang.”

“Betul kata Mazni tu. Pergilah kak. Apa yang hendak ditakutkan sangat?”

“Dah! Aku malas, Mazni. Biar aku lentang di sini saja,” kata ibu tua itu selanjutnya.

“Hah, kalau takut kena tahan doktor di hospital, kita pergi jumpa doktor dekat ni saja,” cadang Mazni dengan penuh harapan.

“Mana duit kau, Mazni? Jumpa doktor itu mesti berduit.”

“Mazni ada duit, mak.”

Ibu mengeluh panjang. Mak Atun meminta diri kerana hendak menguruskan sesuatu. Mungkin ada tamu atau mungkin kuih untuk minum petang nanti.

“Kita pergi, ya mak?” rayu Mazni tidak jemu-jemu.

Ibunya diam lagi. Mungkin berfikir, barangkali ibunya menerima permintaan yang sudah lama dinanti-nantikannya itu.

“Boleh, ya mak?”

“Besok sajalah, Mazni,” putus ibu.

Lapang sedikit dada bila mendengar jawapan itu. Tapi hati kecilnya kesal dengan penangguhan itu. Esok padanya, terlalu lambat untuk melihat ibunya segar semula.

“Hari ini kan lebih baik. Lekas jumpa, lekas baik!”

“Ah, malas aku bangunlah! Sakit. Berat benar kepala aku ni, Mazni. Tolong picitkan kepala ni kuat-kuat sedikit.”

Mazni patuh dengan perintah ibunya. Tangan halus itu semakin lincah

menari-nari di kulit kepala yang berkedut seribu. Sesak dadanya memikirkan keadaan ibu tua yang demam sejak dua minggu ini. Jari-jari halus terus memecal-mecal kulit kepala yang berambut dua warna.

Buat seketika, mata kuyu itu rapat perlahan-lahan dan terus lena. Hilang sebentar penderitaan yang ditanggung.

Mazni melarikan tangan halusnya, kemudian menutup kain selimut ibunya kemas-kemas. Direnungnya dada kecil yang berombak. Dada kecil yang banyak menanggung penderitaan batin mengongkong hidup gembira sejak dia ditinggalkan suami. Wajah ibu yang kuning pucat hidup di dunia yang serba mencabar ini, detiknya.

Mazni bangun menghala ke tingkap yang membuka pandangan ke laut lepas. Hatinya sayu …

BAB 2

“Mak Atun bukan tak suka kau meneruskan pelajaran, Mazni. Tapi, fikirlah baik-baik. Ibu kau perlukan rawatan yang baik. Kau sendiri sudah mendengar nasihat doktor hari tu. Ibu kau perlu banyak berehat, perlu berubat. Penyakit lemah jantungnya itu berbahaya. Kalau kau tak mengambil berat tentang kesihatannya, siapa lagi? Aku takut nanti kau akan menyesal, Mazni,” jelas Mak Atun, orang gaji Encik Haris yang berbadan besar dan kaya dengan budi bahasa itu.

Mazni yang duduk di samping Mak Atun di kerusi panjang di bawah pokok sena belakang rumah besar itu termenung panjang. Tidak ada kalimah yang keluar. Otak gadis berumur lapan belas tahun ini berputar ligat memikirkan persoalan-persoalan hidup yang timbul lepas satu, satu. Otak rebung ini sudah terlalu banyak berfikir. Terlalu! Otak inilah juga bekerja keras dalam menghadapi pelajaran hari-hari. Otak ini juga yang setiap hari memikir soal hidup dan masa depannya. Dan otak ini jugalah yang sedang berfikir keras untuk masa depan ibunya.

Mak Atun masih menanti jawapan yang tegas daripada Mazni. Hatinya bimbang kalau-kalau cadangan dan buah fikirannya mengusik hati kecil anak gadis bermata kuyu itu. Manalah tahu kalau-kalau sikapnya ini dianggap oleh Mazni sebagai manusia yang suka menjaga tepi kain orang atau suka menjadi tanggungjawabnya. Tanggungjawabnya yang sebenar di dalam rumah ini ialah menguruskan makan minum tuan rumah, berkemas, dan membasuh kain baju keluarga Encik Haris yang hanya tiga orang itu.

Mak Atun masih menanti.

“Bagaimana Mazni? Betul tak kata Mak Atun?” tanya Mak Atun ragu.

Mazni memandang muka Mak Atun yang berisi itu, kemudian bersuara lemah.

“Betul, Mak Atun. Terima kasih atas ingatan Mak Atun tu. Maz juga sedar akan hal ini. Tapi …,” suara itu terhenti di situ saja. Tidak dapat disambungnya. Hatinya terharu. Dia tunduk. Rambut hitam yang panjang hingga ke bahu itu jatuh menutupi sebahagian muka bujur sirihnya.

“Tapi apa, nak?” tanya Mak Atun lembut. Dia tahu Mazni sedang memikirkan sesuatu yang berat.

“Maz bukan tak suka bekerja, Mak Atun. Tapi, Maz sudah lama bercita-cita untuk meneruskan pelajaran Maz hingga ke peringkat

universiti. Maz bercadang mahu mengambil jurusan kedoktoran." Mazni meluahkan hasrat dan cita-cita yang terbuku di hati tanpa silu-silu.

"Sungguh baim cita-cita kau tu, Maz. Mak Atun percaya kau boleh menjadi seorang doktor suatu hari nanti. Mak Atun bangga mendengar anak-anak perempuan punya cita-cita yang besar, selain dari tugas untuk mencapai cita-cita itu!"

"Ya, Maz sedar."

"Maz, dalam mengejar kepuasan hati dan cita-cita jangan kau lupa kepentingan-kepentingan orang lain. Terutama sekali ibumu. Ibumu perlu pengorbanan daripada kau, Maz. Dia perlu berehat, perlu ubat dan untuk berubat, makanan yang baik-baik tentu perlukan wang."

"Ya, wang!"

"Kau marah dengan cakap-cakap aku ni?"

"Tidak. Maz sedar akan kedudukan Maz yang serba genting ni. Maz tak ada duit. Maz tak ada keluarga tempat mengadu dan minta tolong. Segala-galanya terpikul di atas bahu Maz sendiri. Maz tahu." Patah-patah yang keluar dari bibir comel ini sungguh menghiris hati Mak Atun.

Hampir-hampir Mak Atun mengalirkan air mata. Dia bersimpati benar dengan penderitaan gadis ini. Tapi apalah dayanya, sekadar bersimpati saja yang dapat diberikan. Wang ringgit memang tidak dapat dilakukan kerana dia sendiri insan yang serba kekurangan. Anaknya juga ramai, masih bersekolah dan suaminya hanya seorang penarik beca roda tiga yang tidak seberapa ringgit dapatnya setiap hari.

"Jadi, apa fikiran Maz sekarang?"

"Saya akan menurut nasihat Mak Atun."

"Baguslah, nak."

"Maz akan bekerja. Maz akan cuba melupakan cita-cita Maz tu buat sementara waktu."

"Kau tak akan menyesal nanti, Maz?"

"Tidak!" sahut Mazni penuh yakin sambil merenung muka Mak Atun.

"Jangan kau sangka Mak Atun sengaja menghalang kau belajar terus." Mak Atun masih bimbang akan cadangannya menyuruh Mazni bekerja.

"Tidak, Mak Atun. Tak usahlah Mak Atun bimbang!" tegas Mazni.

"Syukurlah! Err … kerja apa yang akan kau cari?"

“Belum tahu lagi, Mak Atun. Saya tak kira kerja apa. Asalkan bergaji, sudah! Kerana yang saya perlukan sangat-sangat sekarang, wang … wang, Mak Atun.”

Malam itu Mazni tidak dapat menumpukan seluruh kepalanya pada buku yang dibaca. Dia masih berfikir dengan masalah kerja yang akan dicarinya. Lama dia merenung malam yang sepi itu. Suasana keliling begitu tenteram. Encik Haris suami isteri tentunya sudah lama tidur. Karim, anak muda tuan rumah tentunya belum balik, kerana belum terdengar enjin kereta Volvo sport masuk ke pekarangan rumah. Biasanya pukul satu atau dua pagi baru kereta mewah itu masuk beristirahat di tangga rumah.

Ibunya baru saja melelapkan mata. Sejak berjumpa doktor beberapa hari yang lalu, kesihatannya bertambah baik. Demamnya pun sudah berkurangan. Dan sudah ada selera untuk makan bubur nasi sesuap dua. Apa yang perlu difikirkan sekarang ialah rehatnya. Dan setiap dua hari mesti menemui doktor untuk mendapat rawatan selanjutnya.

Setelah puas merenung malam yang pekat, Mazni menutup jendela kecil yang menghala ke laut lepas itu. Kemudian merenung wajah ibu yang dikasihinya. Hatinya sayu! ‘Mak!’ keluhnya sendiri. ‘Kau sudah banyak berkorban untuk aku. Aku tahu bagaimana deritanya hatimu dalam menjalani hidup yang serba menyekat ini.’ Dari situ, dia berkhayal kisah lama. Kisah hidup ibu dan ayahnya dulu.

Ayahnya sudah lama menemui Tuhan kerana kemalangan jalan raya di Bukit Timah lapan belas tahun dahulu. Tinggallah ibunya seorang memelihara, mendidik, dan membesarkan anak tunggal yang tidak dapat melihat wajah ayahnya itu. Dengan makan gaji di rumah Encik Harislah, ibunya menyekolahkannya hingga ke tingkatan enam atas kini.

Sekarang orang tua yang sudah banyak berkorban untuknya itu sudah tidak bertenaga lagi. Kerjanya di rumah Encik Haris sudah diberhentikan. Dia sudah tidak ada hak untuk tinggal di rumah besar ini. Ke manakah dia harus pergi? Di mana? Sedangkan dia tidak punya keluarga pun di Tanjung Puteri ini. Ayah dan ibunya dulu adalah orang dagang yang menyeludup ke Tanah Melayu waktu perang Jepun dari Tanah Sumatera. Mengenangkan ini semua, tidak disedarinya air jernih mengalir di pipi bersih yang segar itu.

‘Pada siapa harus aku mengadu?’ soalan inilah yang diulang-ulangkannya. Setiap kali otaknya berfikir jawapan yang timbul pasti mengecewakan. Pada Encik Haris? Oh … dia malu, dia malu untuk membuka mulut meminta itu dan ini. Mereka suami isteri sudah

banyak berbudi untuk hidupnya. Bilik belakang ini masih menjadi tempat perlindungan dia dan ibunya di kala hujan, panas, meskipun kehadiran mereka di rumah itu tidak diperlukan lagi, kerana ibunya bukan orang gaji Encik Haris lagi. Kini, tempat ibunya sudah digantikan Mak Atun. Ibunya sudah tidak bertenaga lagi.

Kemudian, terlintas pula persoalan yang mengharu hatinya. Cita-citanya untuk belajar hingga ke universiti terpaksa dilupakan. Terpaksa! 'Apa boleh buat,' keluhnya sendiri. Dia terpaksa melupakannya buat sementara. Tapi hari kecilnya tetap teguh dengan janji. Janji yang sudah dipadu bersama Zaki, teman baiknya bahawa dia akan turut sama ke universiti menuntut ilmu perubatan seperti Zaki, kawan baiknya yang selalu menggalakkannya untuk mencapai cita-cita tinggi itu.

'Ya, aku akan ke universiti di suatu hari nanti,' katanya dalam hati. Tekad itu selalu diulang-ulangkannya. 'Tapi, bila? Ya, bila?' Dia bertanya sendiri. Tidak dapat dia menjawabnya. Hatinya hancur berderai!

BAB 3

Encik Haris suami isteri belum balik dari Pulau Pinang. Mereka berdua ke sana kerana menziarahi anak sulung mereka, Zainah yang berumah tangga di Pulau Mutiara Timur itu. Zainah merupakan anak kesayangan Encik Haris suami isteri, meskipun sudah berumah tangga, kerana Zainah adalah anak perempuan tunggal di dalam keluarga empat adik-beradik itu. Dua daripada anak lelaki Encik Haris sudah pun berumah tangga di Kuala Lumpur. Hanya anak bongsu mereka saja yang masih memburu perempuan di sekitar Tanjung Puteri dan Kota Singa saat ini.

Sudah lima hari rumah batu dua tingkat ini sepi. Karim tidak pernah lekat di rumah, lebih-lebih lagi semasa ayah dan ibunya tiada di rumah. Tidak ada siapa pun yang dimalukannya di rumahnya kini. Dia bebas berbuat apa saja. Tidak ada manusia yang menegah, melarang. Karim bebas berbuat apa saja yang tergerak di hati, termasuklah membawa teman-teman wanitanya ke rumah hingga larut-larut malam baru dihantar pulang. Peluang istimewa!

Mak Atun tetap dengan tugasnya. Tugas menyediakan makan minum anak tuan rumah itu, tugas mengemas rumah dan menjaga orkid Puan Rohana yang ditinggalkan oleh tukang kebun yang menjadi pemandu Encik Haris ke Pulau Pinang.

Petang itu, Mazni menolong Mak Atun menyiram pokok-pokok orkid yang perlu dimandikan setiap pagi dan petang, terutama sekali pada hari terik begini. Terhibur juga hati Mazni melihat kembang-kembang orkid yang indah di taman. Berayun-ayun tangkai-tangkai orkid yang beraneka warna itu dek hembusan angin petang yang bermain-main dari Selat Tebrau. ‘Indah!’ bisik Mazni keriangan. Lupa sebentar akan derita di hati.

Mazni terus menjalankan tugasnya sambil menikmati kembang-kembang orkid Puan Rohana tanpa kekok lagi. Memang Mazni biasa menolong Wak Dolah, tukang kebun yang juga menjadi pemandu Encik Haris itu.

Sedang Mazni dan Mak Atun leka dengan orkid di pekarangan rumah yang berhalaman luas itu, tiba-tiba masuk sebuah kereta sport warna merah jenis Volvo. Enjin kereta itu menjadi lambang kemewahan anak muda zaman moden ini, mengaum-ngaum gagah bagaikan singa lapar. Suasana di sekitar rumah batu ini bingit sebentar dek tekanan minyak yang bertalu-talu oleh pemandu muda itu. Sengaja ditekan begitu untuk menyedarkan tugas Mak Atun barangkali, fikir Mazni.

Mak Atun yang sudah masak dengan tugas hari-hari, cepat-cepat berlalu masuk ke dapur menerusi pintu belakang untuk menyediakan minuman petang. Anak bongsu tuan rumah itu bagaimanapun tidak naik terus ke rumah. Sebaliknya, tubuh kurus tapi kacak itu disandarkannya di belakang kereta merah sambil memain-mainkan anak kunci keretanya. Menanti sesuatu.

Mazni tetap dengan kerjanya. Dan Karim yang memerhatikannya bekerja itu tidak pula menegur. Memang dia tidak berselera untuk mengusik atau berbual-bual dengan anak bekas orang gajinya itu.

Dia hanya bertanyakan sesuatu jika perlu saja. Bagi Mazni begitu juga. Dia tidak pernah bertegur sapa jika tidak ada perkara mustahak yang hendak disampaikannnya. Memang sifatnya tidak suka mengganggu ketenteraman tuan rumah. Dan gadis ini juga sedar akan kedudukannya di dalam rumah itu. Anak orang gaji, tidak lebih dari itu. Tidak pernah terlintas di hatinya mahu bermesra-mesra dengan anak muda ini. Tidak! Malah perasaan yang selalu dipegangnya ialah hormat pada tuan rumah dan keluarganya. Itu saja.

Karim masih tersandar di belakang keretanya. Sebentar kemudian, masuk sebuah kereta Volkswagen berwarna putih susu. Karim yang menunggu tamu ini tersengih-sengih apabila melihat kereta itu. Seketika kemudian, keluar seorang anak muda berkulit hitam manis dan berkaca mata hitam. Kelihatan kacak dan tampan orangnya. Dia memakai seluar biru tua dan berbaju panas jenis lembut warna kelabu asap.

Kedua-dua anak muda itu bertepuk-tepuk bahu antara satu sama lain. Senyum dan tawa melimpah keluar dari bibir masing-masing. Mereka beriringan berjalan menuju ke tangga rumah sambil berbual mesra. Girang benar hati Karim menerima kedatangan sepupunya petang itu. Osman, sepupu dari sebelah bapanya itu datang ke Tanjung Puteri untuk menghabiskan cutinya.

Sedang berbual-bual rancak itu, Osman terpaku tiba-tiba. Matanya lekat pada si jelita yang sedang mengerat ranting-ranting orkid di halaman itu. ‘Cantik!’ kata hati mudanya.

“Siapa tu, Karim?” tanyanya galak.

Karim yang tahu benar dengan sifat buaya sepupunya tersenyum nakal tidak menjawab. Osman yang masih mencuci matanya itu masih terpaku di muka bujur sirih Mazni.

“Siapa tu?” ulang Osman tambah berselera.

“Hai! Kau dah tak kenal?” tanya Karim pula, masih tidak menjawab pertanyaan sepupunya itu.

“Eh … siapa ni, Karim? Cakaplah, bini kau, ya?” tingkah Osman pula sambil senyum melimpah-limpah. Dia masih kehairanan.

“Kau ni betullah mata keranjang, Man! Pantang tengok anak dara berdahi licin sedikit. Hah, lekaslah nak tahu,” sela Karim sambil ketawa nakal.

“Yalah, kan kita sama-sama muda. Nak tahu jelah … dah tahu lain pula bicaranya. Siapa budak tu, Karim, eh?” Osman masih ingin tahu.

“Hai! Anak orang gaji akulah tu, Man. Kau tak ingat ke budak yang menolong kau kejar kupu-kupu dulu tu!” terang Karim serius.

“Hai! Lekas benar besarnya. Dah berubah muka budak ni! Dulu comot aja rupanya. Sekarang dah boleh tahan daa …!” Osman mula berseleroh. Anak muda dari Kuala Lumpur ini memang periang orangnya. Bualnya tidak berhenti-henti. Ada-ada saja kisah yang diborakkannya.

“Dah, naiklah,” pelawa Karim.

Osman yang kempunan hendak melihat mata anak gadis berbaju kurung kuning air itu melangkah membuntuti Karim masuk ke dalam.

Di bilik tamu, Osman bertanya lagi, “Dah bertunang budak tu?”

Karim ketawa besar mendengar pertanyaan yang tidak disangka-sangkanya itu. Karim terus ketawa memanjang. Geli benar hatinya! Osman yang memang tahan bergurau itu selamba saja mukanya melihat Karim ketawa terbahak-bahak. Setelah reda sedikit ketawa Karim, Osman bertanya lagi tanpa malu.

“Aku tanya saja. Budak tu nampaknya boleh tahanlah,” Osman yang nakal itu tersenyum. Senyum bermakna.

“Budak tu tengah sekolah lagi, Man,” Karim memberitahu.

“Eh, budak sekolah zaman sekarang, Karim! Namanya saja masih sekolah. Tapi tentang *boyfriend* bukan main bijak lagi! Aku dah tahu benar. Malah dah cuba pun,” kata Osman bangga. Senyum lagi.

“Ah, sudahlah. Tak usah usik budak tengah sekolah tu. Banyak lagi *girl* yang lebih cantik, lebih menarik di Tanjung Puteri ni, Man. Kalau mahu boleh aku kenalkan. Cakap saja mahu!”

“Apa pula tak mahu,” meleret-leret saja suara yang keluar dari mulut pemuda gagah ini. Senyum lagi.

“Kan aku ni datang bercuti, Karim. Sesekali turun ke Tanjung Puteri biarlah berbaloi sedikit. Kalaupun tak kenyang terus, lepas-lepas kempunan pun jadilah.” Osman menunjukkan belangnya. Pemuda berdua ini berbalas-balas senyum. Senyum yang penuh dengan bunga-

bunga nafsu yang menyetan.

“Sekolah mana budak tu?” Osman masih mahu tahu tentang Mazni.

“Maktab Melayu!”

“Oh! Tingkatan berapa?”

“Enam atas.”

“Sains?”

“Manalah aku tahu! Aku bukan ambil tahu sangat tentang rumah ni! Yang aku tahu … balik makan, mandi, tukar baju, keluar lagi. Malam tidur, pagi keluar lagi, itu saja,” terang Karim.

“Cantik, ya,” puji Osman. “Siapa namanya?” sambungnya.

“Mazni.”

“Oh, Mazni!”

“Kita ajak dia keluar malam ni, nak tak? Aku ingin benar nak kenal lebih dekat dengan budak tu. Cantiknya lain macamlah. Cantik asli. Cantik asli ni susah nak cari, tau, Karim. Tinggi tarafnya. Bukan macam gadis-gadis kota yang berselaput dengan bedak empat inci. Aku dah jemu menatap muka bujur sirih tu sepuas-puasnya.” Pemuda mata keranjang ini melahirkan perasaan yang menggodak di dada yang berdarah panas.

“Kau ni melampaulah. Aku tak mahu mengubah suasana hidup di rumah ini, Man. *Sorry*lah, aku tak mahu, malah tak pernah pun terlintas di hati aku nak mengusik-usik Mazni yang aku anggap macam keluarga aku, sungguhpun kami tak pernah bermesra. Tapi aku cukup hormat dengan sikap peribadinya yang tinggi itu. Aku malu nak buat tak senonoh begitu.”

“Wah, nak tunjuk alim pula! Tak kena pada tempatnya. Dekat rumah, bermuka wali. Luar rumah macam pelesit,” tokok Osman sambil ketawa.

Karim juga ketawa sama. Tanda membenarkan kata-kata sepupunya itu. Memang Karim tidak suka mengganggu gadis yang sama-sama dibesarkan di rumah batu dua tingkat itu. Sikap hidupnya berbeza. Lain di rumah, lain pula di luar.

“Dah, tak usah ketawa. Malam nanti kita keluar. Aku bawa kau ke satu syurga yang kau belum pernah jumpa di mana-mana pun di tanah air kita ni, walau di K.L sekalipun.” Karim memarakkan selera buaya ibu kota ini. Osman tersenyum puas sambil menepuk bahu Karim.

“Ke mana, Karim?”

“Kau tengoklah nanti.”

“Wah! Kau, Karim, boleh tahan juga, ya?” sela Osman sambil bahu Karim sekali lagi. Kali ini Karim mengelak.

“Kata darah masih panas. Hati masih muda. Takkan nak lepas peluang-peluang baik tu semua,” sambung Karim sambil ketawa bangga.

Anak-anak muda ini tenggelam dengan bual dan ketawa yang bersambut-sambut. Wang, kereta, perempuan! Itu saja *problem* dalam hidup mereka. Betapa senangnya hati!

Malam itu setelah makan malam dan bersantai seketika, kedua anak muda terus berpakaian. Osman yang berambut kerinting ketak-ketak itu membetul-betulkan jambul tinggi entah yang ke berapa kali di muka cermin di bilik atas rumah itu. Setelah siap berpakaian, mereka turun ke bawah, kemudian mengunci rumah.

“Hai! Gelap saja bilik belakang tu, Karim?” tanya Osman di anak tangga.

“Siapa yang ada? Cuma orang gaji tu dengan anaknya saja!”

“Orang gaji yang gemuk tu di mana?”

“Dia bekerja saja di sini. Tidur di rumahnya sendiri.”

“Oh!”

“Nak bawa kereta aku ke, kereta kau?” tanya Karim.

“Kereta kaulah. Volvo merah kan lebih mahal dari Volkswagen, Karim! Orang pandang pun hebatlah sedikit!” Osman memuji sambil ketawa besar.

“Hah, naiklah! Apa lagi?” suruh Karim selamba.

“Ke mana, Karim?” soal Osman ingin tahu.

“Kau ikut sajalah …”

Sejurus itu, Volvo merah keluar dari pekarangan rumah besar dengan angkuhnya. Enjinnya yang keras mengaum-ngaum memecah kesunyian malam yang baru bermula. Kereta keluar dari Jalan Kenangan kemudian membelok ke kiri menuju bandar Tanjung Puteri yang punya keistimewaan yang tersendiri.

Lampu-lampu di Jalan Tebrau terang-benderang. Manusia-manusia di sekitar bandar indah masih bertali arus menuju hala masing-masing. Kereta-kereta masih merayap-rayap ke sana ke mari. Ada yang masih tersangkut di bibir-bibir Selat Tebrau ini menikmati angin malam yang menyegarkan seluruh jiwa yang hauskan kerehatan dan

ketenteraman. Ada juga yang masuk ke lorong-lorong sulit di mana terletak istana puteri-puteri jelita yang mahir mengurut, memicit, memecal tubuh-tubuh yang lemah, yang sengal, yang tegang-tegang, dan entah apa-apa lagi. Dan ada juga yang terus berehat di hotel-hotel besar di sekitar Jalan Tebrau yang punya sejarah yang indah ini. Begitulah manusia! Masing-masing dengan masalahnya sendiri. Mereka bebas berbuat sesuatu yang dianggapnya baik dan menyenangkan hati. Kejar dan burulah keseronokan hidup sebelum langit Tuhan ini runtuh!

Volvo merah itu berjalan gagah melintasi kereta-kereta lain di celah-celah kesibukan jalan raya di kawasan bank dan bangunan-bangunan besar. Karim membelok ke kanan lagi dan mengambil jalan menuju ke tambak yang menyambungkan Tanjung Puteri dengan Kota Singa.

“Nak ke mana ni?” Osman keraguan. Tapi senyumnya masih lekat di bibir.

“Kan kau tamu aku, kau ikut sajalah ke mana aku bawa. Apa yang kau susahkan? Kita pergi melihat isi dunia Kota Singa!”

“Suka hati kaulah!” Osman menurut.

Pukul lapan empat puluh lima malam, mereka sampai di sebuah hotel yang terbesar di Kota Singa. Kereta besar berderet-deret. Karim dan Osman yang berpakaian lengkap seperti jutawan-jutawan lain juga masuk ke dewan tari-menari di aras bawah hotel itu. Ada penari dan penyanyi istimewa yang mengadakan persembahan di dewan sederhana saja besarnya ini.

Osman terpana juga apabila masuk ke dalam dewan yang baru baginya itu. Bagi Karim pula, kunjungan begini sudah lumrah. Setiap hari minggu atau kalau ada penyanyi-penyanyi dan penari-penari luar negeri datang membuat persembahan di hotel-hotel besar Kota Singa ini, dia tidak pernah melepaskan peluang.

Setelah duduk, minum, dan menari dengan penari-penari luar negeri itu, mereka berdua berbual-bual pula dengan penari-penari tempatan dan teman-teman wanita yang tidak pernah dikenalinya sebelum malam itu. Tapi anehnya, puteri-puteri jelita itu ramah-ramah, manis-manis belaka.

‘Berbual, bergurau senda seperti sudah kenal setahun,’ kata hati kecil Osman. ‘Inilah keistimewaan isi dunia Kota Singa.’ Osman memuji di dalam hati lagi. Kembang dan segar bunga hati anak muda yang serba panas ini.

Agak jauh malam sedikit, penonton-penonton yang berpasang-pasang itu menghilangkan diri, entah ke mana, masing-masing tidak perlu

tahu. Yang datang berseorangan pun sudah berteman kini. Aneh! Yang lebih mengejutkan tangkai jantung Osman, dia juga sudah berteman kini. Karim sudah lesap entah ke mana.

'Apa hal aku?' tanya hatinya sendiri. Apa lagi … karamlah dia malam itu!

Tengah hari esoknya.

Karim yang jarang-jarang balik makan tengah hari di rumah nampaknya terpaksa balik kerana sepupunya ini.

Belum sempat Karim keluar dari kereta, Osman sudah menyumpah-nyumpah sepupunya.

"Puaka kau!" maki Osman sambil ketawa besar. Karim yang disemburnya itu tidak marah atau berubah air muka. Dia ketawa sama.

"Kenapa kau tinggalkan aku malam tadi? Kau ni betul menyusahkan aku!" sembur Osman lagi. Karim masih ketawa. Geli hati benar dia.

"Mana pula malam tadi?" Karim menyampuk senang. "Pagi tadi," sambung jurutera muda ini.

"Kau pun balik pagi tadi, Karim?" Osman terperanjat. Mata besarnya terbelalak merenung Karim. Tak percaya.

"Aku ingat kau balik malam tadi!"

"Buat apa balik malam. Kan seronok di Kota Singa. Rugi kalau balik malam, Man!" Perkataan 'rugi' itu ditekannya sedikit. Ada maknya yang mendalam pada Karim. Osman mengerti, kemudian tersengih nakal.

"Aku tunggu juga kau pagi tadi. Tak ada. Aku cabutlah. Aku kerja, kau tidak, pukul sembilan pun boleh bangun!"

"Tak boleh aku kenang-kenangkan …," kata Osman tapi perkataannya mati di situ saja.

"Apa yang tak boleh dikenang? Peristiwa malam tadi. Peristiwa kena tinggal?" sela Karim sambil ketawa dan menepuk bahu Osman. Osman membiarkan bahunya ditepuk-tepuk sepupunya.

"Karim … Karim! Boleh tahan juga kau, ya!"

"Kata anak muda zaman moden!"

"Dah, marilah makan, perut aku dah berkeroncong," Osman yang mengajak, bukan Karim.

Karim tersengih saja. Tabiat sepupunya sudah difahaminya benar. Gelojoh pada segala-galanya!

BAB 4

Suasana di kawasan rumah Encik Haris sudah lama dimakan sepi. Rumah Encik Malik dan rumah Encik Mansur di sebelah-menyebelah rumah juga sudah sunyi. Mungkin mereka keluar mencari angin di luar atau mungkin juga masing-masing sedang menonton televisyen, atau mungkin mereka sudah tidur. 'Masing-masing dengan persoalan hidup sendiri-sendiri,' fikir Mazni, gadis yang sedang gelisah yang sudah dimengertikan.

Jendela kecil yang menghala arah Selat Tebrau yang indah itu dibukanya sebentar. Gelap. Hanya biah-biah api di seberang Tanah Temasik saja yang kelihatan. Angin malam berhembus lembut. Menyegarkan. Tapi tidak sesegar hati anak gadis yang termenung di muka jendela itu. Tak ada apa-apa yang dapat menghiburkan hatinya yang gelisah tidak keruan itu. Angin malam terus berhembus senang. Dirasakan begitu sejuk dek tepisan angin laut itu. Mazni menutup tingkap. Dilihatnya rumah depan Encik Haris. Gelap. Bahagian atas saja yang terang. Memang sengaja dipasang lampu sama ada Karim ada atau tidak. Encik Haris suami isteri masih belum balik. Tentunya sedang berehat di Cameron Highlands.

Rumah batu dua tingkat ini benar-benar sepi bagai rumah yang baru ada kematian. Ini sungguh mencemaskan hati Mazni. Serta-merta dia memandang wajah ibunya yang terbaring di katil buruk tidak jauh dari bangku duduknya. Ibunya belum tidur lagi. Memang susah ibu tua ini mahu melelapkan mata. Kadang-kadang hingga hampir pagi baru dapat memejamkan mata. Ini juga satu penyakit yang baru menimpa ibu Mazni.

Macam-macam masalah yang perlu difikirkan oleh otak gadis kecil ini. Sedangkan persoalan-persoalan yang sudah sedia di kepalanya itu belum lagi dapat diselesaikannya. Hatinya masih berbicara sama sendiri.

Otaknya juga sedang bekerja keras berfikir, bagaikan hendak pecah tempurung kepalanya dirasakan. Soal berhenti sekolah dan mencari kerja sebagaimanapun yang dicadangkan oleh Mak Atun, orang gaji Encik Haris yang baru itu sudah diputuskan, meskipun hatinya begitu berat untuk meninggalkan Maktab Melayu yang punya sejarah dalam hidupnya itu.

'Tapi, apa boleh buat!' kata hati kecil Mazni. Keadaan memaksa dia membuat keputusan itu kerana memandangkan kesihatan ibu yang memerlukan pengorbanan daripadanya. Ibunya sakit sekarang. Dia perlukan ubat. Dia perlukan makanan yang baik-baik. Dia perlukan

rehat yang dapat memulihkan kesihatannya. Ini yang membuat Mazni mencurahkan air mata selalu dan nekad untuk mencari kerja. Cuma, berita ini belum disampaikannya pada ibu yang terbaring tenang di atas katil di sudut bilik kecil itu. 'Lagi satu masalah,' fikir Mazni. Dia bimbang juga, kalau-kalau ibunya terkejut mendengar keputusan yang di luar dugaannya itu.

Kerana selama ini ibu tua itu selalu menggalakkan Mazni supaya belajar terus hingga ke universiti seperti anak-anak tuan rumahnya. Dia juga seperti ibu-ibu lain yang ingin melihat anaknya berjaya dalam hidup. Tidak seperti nasibnya yang melarat menumpang di rumah orang. Tidak! Ini ikrar ibu Mazni.

Mazni masih di meja tulisnya. Buku-buku tebal yang bersusun-susun tidak disentuhnya. Tadi dia cuba membaca buku cerita yang dikirimkan oleh Zaki, kawan baiknya yang sedang menuntut di Universiti Singapura. Buku itu juga dilepaskannya.

Kini, dia bangun mendapatkan ibu yang terbaring tenang. Dia membetulkan kain selimut orang tua itu. Seketika kemudian baru dia bersuara.

"Kenapa mak belum tidur lagi?" sa[a Mazni lembut. Manja.

Ibu tua itu tersenyum nipis, kemudian menjawab.

"Bukan mak sengaja tak mahu tidur, Maz! Mata ni tak mahu pejam. Keras macam disengkang-sengkang. Puas mak melawannya, tapi begitu juga, malah semakin galak!"

"Kurang tidur mengganggu kesihatan, mak," tambah Mazni.

"Entahlah, puas mak cuba melelapkan mata."

"Mak terlalu banyak berfikir, barangkali?"

"Tak juga."

"Habis, kenapa begini?"

"Entahlah, Mazni! Boleh jadi juga kerana hati mak ni."

"Kenapa, mak?" Mazni terkejut.

Ibu tua menjawab perlahan.

"Mak ni sakit. Kau sekolah, mana nak cari duit kau sekolah, Mazni! Ini yang selalu mak fikirkan. Mak sedih kerana tak dapat membantu kau meneruskan pelajaran. Pada hal itu tanggungjawab mak," kalimah itu mati di situ saja. Tidak dihabiskannya. Hatinya terbuku.

Mazni tunduk. Tidak disedari air jernih sudah membasahi pipinya. Entah kenapa sejak akhir-akhir ini, air jernih yang panas itu mudah benar keluarnya. Kata-kata ibunya sungguh mengusik hati. Betapa

besarnya pengorbanan ibu, betapa mulianya hati ibu. Betapa luhurnya hati ibu! Walau di saat-saat terdesak begini, dia masih berfikir tentang nasib anaknya, masih berfikir tentang sekolah anaknya. Mazni benar-benar terharu.

“Mak …,” Mazni terdiam. Ada batu besar yang menyempang lehernya.

“Mak, soal wang sekolah Maz tu, jangan mak risaukan. Segala-galanya sudah Maz uruskan. Soal belanja sekolah Maz, dah selesai sekarang. Dan soal wang untuk mak berubat juga mungkin selesai tak lama lagi, tak usahlah mak susah hati. Mak perlu banyak berehat dan bertenang,” rayu Mazni. Direnungnya muka ibu yang sudah berkedut seribu dalam lampu yang samar-samar itu. Ibu tua itu tergamam sebentar.

“Dari mana kau dapat wang tu?” tanya ibu keraguan.

Mazni terdiam lagi. Mestikah dia menceritakan segala-gala yang sedang menyesak di dadanya ini sekarang? Tanya hati kecilnya. Tidakkah berita ini akan lebih merunsingkan hati ibunya. Mazni memberanikan diri. Kalau tidak sekarang bila lagi! Detiknya. Semakin lama terpendam di lubuk hati semakin menyeksa hati dan kepalanya.

“Mak, sebelum Maz terangkan perkara yang sebenarnya, harap mak jangan terperanjat. Perkara ini sudah Maz fikirkan masak-masak. Maz harap mak juga setuju dengan cadangan Maz ni.”

“Apa dia tu, Maz? Katakanlah, biar mak dengar,” desak ibu.

“Begini, mak. Maz sudah membuat keputusan mahu berhenti dari sekolah.”

“Kenapa?” ibu menyampuk pantas. Terkejut sedikit. Mata kuyunya merenung muka bujur sirih ini, menanti penjelasan selanjutnya.

“Kenapa, Maz?” ulangnya lagi.

“Maz fikir dah sampailah masanya Maz mesti berkorban untuk mak pula. Mak sekarang tengah sakit, perlukan wang untuk berubat. Jadi, Maz berniat nak mencari kerja aje.”

“Jadi, kau tak mahulah meneruskan pelajaran kau hingga ke universiti, Maz?” tanya ibu, bingung. Dia tidak sangka Mazni berubah hati dalam soal pelajarannya.

Selama ini, Mazni adalah anak yang keras hati. Teguh pendirian dalam cita-cita meneruskan pelajarannya meskipun kawan-kawan sekolahnya banyak yang sudah bekerja, dan banyak yang mengajak mencari kerja, tapi Mazni berkeras mahu meneruskan pelajaran setinggi yang tercapai. ‘Malam ini hati itu sudah berubah!’ fikir ibu tua ini.

“Bukan tak mahu ke universiti, mak. Tapi, biarlah cita-cita untuk ke universiti tu ditinggalkan dulu. Bila hidup kita dah lega sedikit nanti, Maz akan bekerja. Bekerja bukan kerana Maz dah lemah hati untuk belajar terus. Tidak! Tapi Maz bekerja kerana kebahagiaan dan keselamatan kita, mak. Maz tak mahu mak terus sakit begini. Hati Maz tak senang. Maz mesti tengok mak baik semula, sihat semula. Harap mak tak salah faham. Mak suka Maz kerja?” tanya Maz penuh harapan.

“Maz … kau tak tahu hati mak. Mak suka kalau kau dapat meneruskan pelajaran seperti anak-anak orang lain. Walaupun hidup kita tak sama dengan orang, tak semewah orang, tak sesenang orang. Tapi mak ada hati nak melihat kau menjadi manusia yang berpelajaran tinggi, macam anak-anak jiran kita tu. Kau tengok anak-anak Encik Haris semuanya pandai-pandai, berjawatan baik; kau tengok anak-anak Dr. Lim … peguam, jurutera, akauntan,” suara itu terhenti lagi.

Kemudian menyambung, “Niat hati mak begitulah, ingin melihat anak mak yang bukan dua tiga, cuma kau seorang ni saja yang pandai. Dan itulah saja harta pusaka yang bakal mak tinggalkan. Ilmu pengetahuan. Harta yang lain-lain mak tak ada. Mak tak ada kebun, ladang. Mak tak ada rumah sewa berderet-deret. Mak tak ada apa-apa, Maz! Tak ada apa yang bakal mak tinggal untuk masa depan kau, untuk menjamin kebahagiaan masa depan kau. Ilmu di dada itulah saja yang mak harapkan!” ibu lemah ini melahirkan perasaan sungguh-sungguh. Perasaan yang sudah lama sebati di hati manusia yang berjiwa besar itu.

“Mak … Maz merasakan apa yang mak rasakan. Maz sedar bagaimana besarnya erti ilmu pengetahuan pada setiap manusia di zaman serba maju ini. Maz faham. Tapi mak, keputusan Maz ini bukanlah bererti Maz sudah berubah sikap, Maz sudah berubah hati, Maz dah tak ada cita-cita tinggi! Tidak. Cita-cita untuk belajar terus tu tetap bersemadi di dada ni. Percayalah! Maz akan meneruskan pelajaran Maz bila hidup kita pulih semula. Fahamilah hati Maz, mak …,” rayu Mazni sungguh-sungguh. Hati kecilnya berdoa-doa semoga hati ibunya dapat menerima keputusannya dengan senang hati.

“Mak faham! Kau mahu melihat mak sihat semula. Mak mengerti akan kasihmu, Maz! Mak bangga! Tapi mak takut, bila dah bekerna nanti kau lupa pada cita-citamu. Mak takut, bila dah pegang duit di tangan semangat nak belajar terus akan hilang, kerana dah banyak anak-anak begitu.”

“Tidak. Maz berjanji Maz tak akan sia-siakan harapan mak. Percayalah! Mak suka Maz bekerja?” Mazni ingin mendapat jawapan

yang tegas daripada ibunya. Hatinya belum tenang kalau ibunya tidak menyatakan pendapat yang sebenar.

“Apa tak ada jalan lain ke, Maz?”

Mazni tidak segera menjawab pertanyaan itu. Dah lama dia mencari-cari jalan keluar dalam masalah hidup yang terdesak itu. Namun tidak terlintas jalan lain.

Gadis yang sedang terumbang-ambing di laut derita ini menundukkan kepala. Rambut hitam lebat itu runtuh menutup pipi licinnya. Mata kuyu menatap lantai simen bilik yang kaku. Otaknya ligat berfikir seperti putaran kipas angin yang tidak jenuh-jenuh bergerak.

‘Pada siapa dia harus meminta tolong?’ dia bertanya sendiri. Pada Encik Haris? Oh, tidak … dia tidak sanggup membuka mulut untuk meminta tolong lagi. Sudah terlalu banyak Encik Haris berbudi padanya. Mazni malu. Malu dia kalau Encik Haris membuka mulut mengatakan dia anak yang tidak ada perasaan kasih sayang pada ibu. Dia sedar, dia sudah dewasa kini, dah boleh bekerja kalau mahu. Kelulusan SC pangkat dua yang ada padanya sudah membolehkannya menjawat jawatan kerani atau guru. Tapi dia menolak.

‘Pada siapa?’ Soalnya lagi. ‘Pada Zaki? Tak mungkin kawan ini dapat menolongnya. Sedangkan dia sendiri belajar dengan biasiswa kerajaan. Pada Mak Atun? Ah, dia juga susah. Pada Jabatan Kebajikan? Tak mudah, dia sudah mencubanya. Tidak berjaya.’

“Tanggunggan tidak berat,” kata pegawai Kebajikan Masyarakat tempoh hari. “Ada orang lain yang lebih susah dari awak. Ada yang sakitlah, banyak anaklah, ada itu ada ini …” Itu jawapan yang masih diingatinya lagi benar-benar.

‘Pada siapa lagi?’ tanya hati kecilnya bertalu-talu. Tidak ada siapa lagi yang dapat menolongnya, kalau tidak dirinya sendiri berikhtiar.

“Tak ada ke tempat minta tolong, Maz?” ibunya bertanya lagi.

“Nampaknya tak ada jalan lain untuk kita mengadu hal, mak. Kita harus berdiri sendiri sekarang. Jangan terlalu mengharapkan bantuan orang. Dunia sekarang punya masalah-masalahnya yang tersendiri. Masing-masing mahu memperbaiki nasib masing-masing. Kita juga terpaksa berdiri sendiri, cuba menyelesaikan soal hidup kita sendiri,” terang Mazni berani.

‘Pendapatnya memang benar,’ fikir ibu tua itu. Dunia sekarang terlalu mementingkan diri sendiri. Orang lain belakang kira. Dia sakit. Dia tersepit. Dia terdesak. Dia sengsara. Itu bukan soal yang perlu difikirkan oleh masyarakat manusia di zaman moden ini. Zaman manusia naik ke bulan. Zaman manusia mengejar seribu kemajuan

dan kebahagiaan. Memang benar, manusia harus melengkapkan diri sendiri dengan sejuta kemewahan dalam hidup ini sebelum memandang keliling, sebelum menghulur tangan untuk membantu. Tapi sayang! Bila manusia sudah di kemuncak kejayaan, mereka lupa pada manusia di bawahnya. Manusia yang masih di lembah derita. Manusia yang masih ternanti-nanti akan bimbingan dan bantuan mereka. Pada siapa yang harus dilaksanakan? Selalu kesedaran begini timbul di kepala Bibah. Mestikah kita memaksa manusia membantu, menolong kita? Mestikah? Tidak! Manusia punya hati, punya perasaan, punya pandangan hidup sendiri. Mereka bebas berbuat apa saja, bersikap apa saka. Hak kebebasan manusia itu masih diingat oleh kepala Bibah.

“Mak suka Maz bekerja?” tanya Mazni. Bibah tersentak daripada khayalannya, dan menoleh ke arah Mazni.

“Entahlah, Mazni! Tapi, apa boleh buat kalau keadaan memaksa kau bertindak begitu. Mak menurut saja, asalkan kau sanggup terus belajar meskipun sudah bekerja,” putus ibu yang berjiwa besar ini dengan perasaan hampa.

“Insya-Allah, Maz akan tunaikan hajat mak. Maz masih belum lupa pada janji-janji Maz pada mak. Maz akan belajar terus seberapa yang boleh. Percayalah, mak,” janji Maz bersungguh-sungguh.

“Hai … kalau mak tak sakit. Kau akan terus sekolah, Maz,” keluh Bibah.

“Sudahlah, mak! Lupakanlah soal itu semua. Maz tahulah menguruskan segala-galanya. Mak tak usah susah-susah hati. Mak mesti rehatkan badan tu, senangkan hati. Ikut nasihat doktor. Dan mesti baik seperti dulu,” harapan anak gadis ini penuh doa.

“Kau masih dikira anak-anak lagi, Mazni,” keluh ibu itu.

“Ah, tak usahlah mak bimbang. Maz akan teruskan segala-galanya. Maz dah besar sekarang. Dan sudah sampai masanya untuk Maz belajar hidup di atas kaki sendiri. Dan sudahlah sampai masanya Maz berkorban untuk mak pula,” Mazni melahirkan isi hatinya.

Ibu terkaku tiba-tiba. Air matanya membasahi pipi. Dia terharu.

BAB 5

“Kau tak ada pendirian, Mazni!” tuduh Zaki lagi. Sudah sejam mereka berdua berbincang hebat soal pelajaran. Soal yang sering mendapat tempat utama setiap kali bertemu.

Zaki, mahasiswa perubatan Universiti Singapura yang sedang berada di tahun akhir ini terkejut besar mendengar keputusan kawan baiknya yang selama ini dianggap dewi pujaannya. Dia memuja, mengasihi gadis ini lebih daripada dia mengasihi adik perempuannya sendiri. Pada Mazni dicurahkan segala harapan untuk melihat puteri Melayu berpelajaran tinggi. Pada Mazni dicurahkan kasih sayang, kerana gerak-geri, pendapat yang selalu seimbang, selalu sependapat dalam menempuh soal-soal hidup dan soal-soal pelajaran. Dari persamaan sikap, dan ada sifat memahami yang mendalam inilah terikat satu perhubungan yang erat sejak beberapa tahun ini.

‘Tapi hari ini? Hari ini dirasanya ikatan itu terusik. Mungkinkah dengan keputusan Mazni ini mereka akan berjauhan dalam segala hal?’ tanya hati kecil Zaki. Keadaan saja yang akan menentukannya! Dia tetap tidak bersetuju dengan tindakan Mazni berhenti sekolah.

“Inikah azam dan cita-cita yang kita janjikan bersama? Ini ke?” tanya Zaki serius.

Mazni tidak menjawab. Dia sudah lemas. Lemas dengan keadaan yang datang mendesak ini. Kadang-kadang timbul pula perasaan yang berbelah bagi. Mahu mengikut pendapat Zaki atau terus dengan keputusannya. Bergumpal-gumpal dua jalan yang sedang di matanya sekarang.

“Kenapa kau diam, Mazni?” Zaki mula kesal. Radang pun ada melihat sikap Mazni yang tiba-tiba saja berubah. Sudah banyak yang dikatakan Zaki. Sudah banyak yang dicadangkan Zaki, tetapi Mazni tetap membisu. Kaku seperti patung yang tercegat di muka-muka kedai solek.

“Kenapa ni? Katakanlah apa yang terbuku di dada tu! Biar kita bincangkan bersama. Janganlah membatu begitu,” pinta Zaki. Direnungnya mata kuyu yang mula merah menahan kesedihan hati. Seketika jari-jari sudah beralih ke muka, menutup wajah yang mula suram itu. Kemudian tunduk hingga kepalanya mencecah bibir meja buruk rumah Zaki. Dia menangis.

Zaki seperti budak bodoh. Dia memerhatikan saja gadisnya menangis. Dia sendiri bingung. Kerana selama ini dia belum pernah melihat Mazni sesedih ini, malah belum pernah terjadi peristiwa tangis-

menangis begini.

Selalunya suasana pertemuan dua teruna dara yang bercita-cita tinggi ini disirami dengan hilai ketawa, usik-mengusik dalam sibuk-sibuk membuat kerja masing-masing. Zaki akan membawa buku pelajarannya manakala Mazni akan menulis atau membuat kerja sekolahnya dengan dibantu oleh Zaki yang tidak jemu-jemu menolong gadis pujaan hatinya dalam bidang pelajaran. Kerana masing-masing berjanji akan belajar hingga ke peringkat yang tinggi. Tapi petang Ahad ini adalah satu hari pertemuan mingguan yang mengecewakan.

“Dah puas?” mendadak saja kalimah itu keluar. Tidak difikirkannya soalan itu akan menyentuh hati Mazni atau tidak. Siswa ini juga tidak dapat menguasai perasaan kesalnya.

Mazni merenung mata anak muda yang bermata bulat bercahaya ini. Kemudian bersuara.

“Kau tak akan mengerti derita hatiku ini, Zaki!”

Zaki menanti lagi patah-patah yang akan keluar dari bibir manis yang selalu basah ini. Mazni menyambung lagi.

“Kenapa kau tak mahu cuba memahami sikap aku ini? Atau sengaja tak mahu memahaminya? Ah, betapalah mudah mengatakan itu dan ini sedangkan kau tak merasa bagaimana sengsaranya hatiku ini, Zaki! Janganlah kau anggap aku manusia yang tak punya pendirian dalam menempuh hidup, tak punya sikap yang tegas untuk menghadapi cabaran keliling. Kalau itulah anggapan kau, kau salah terima Zaki.”

“Manusia bukan apa yang dikatakannya, tapi apa yang dikotakannya! Di mana letak logiknya, kalau akuan kau saja tinggi membumbung tapi sikap kau tidak. Kau lemah hati, tak tahan menanggung derita hidup,” sela Zaki berani. Memang manusia Zaki ini selalu tegas dan jujur dalam menyuarakan pendapat. Dia siswa yang punya sikap hidup yang positif dan berjiwa perintis.

“Mengertilah! Aku terpaksa berhenti, tapi bukan sengaja mahu berhenti. Bukan!!! Aku terdesak,” suara itu merendah, mengharap simpati dari anak muda yang sudah banyak berjasa pada Mazni.

“Aku juga susah. Aku juga lahir dari keluarga yang susah.”

“Susah kau lain, susah aku lain, Zaki,” sampuk Mazni pantas.

“Apa bezanya?”

“Kau ada keluarga, kau ada ayah dan ibu walaupun hidup mereka tak semewah orang, tapi dia tidak mengganggu pelajaran kau. Kau ada biasiswa. Aku lain, Zaki. Susah aku bukan kerana biasiswa untuk melanjutkan pelajaran tingkatan enam aku tu, bukan! Ibu, aku sakit

sekarang. Aku perlu wang untuk ibu, bukan untuk buku-bukuku. Pada siapa mesti aku mengadu? Pada siapa? Kalau tidak aku sebagai anak tunggal berdiri sendiri untuk mencari wang. Kalau tidak, mungkin aku akan kehilangan orang yang aku kasihi selama ini. Mengertilah! Jangan menuduh aku begitu berat, Zaki! Aku belum lupa pada janji yang kita sama-sama persetujui. Kita akan belajar seberapa tinggi. Aku belum lupa!" rintih gadis berjiwa besar ini.

"Tak ada jalan lain ke untuk wang ubat emak kau tu, Mazni?" Zaki mula terharu. Suaranya yang tadi melenting-lenting, kini menurun tiba-tiba. Termasuk juga di akalnya. Mazni hanya satu-satu harapan ibu tua yang memang dia tahu tidak punya saudara-mara di Tanjung Puteri ini. Maznilah saja tempat perempuan malang itu menggantung harapan.

"Jalan apa lagi, Zaki!" soal Mazni balik.

"Cuba minta tolong pada Encik Haris!"

"Tak usah sebut nama Encik Haris, Zaki. Aku malu … aku malu. Dah terlalu banyak aku makan budinya. Rumah belakang tu, dibenarkan duduk, makan pun ditanggungnya, sekarang nak minta tolong lagi? Sedangkan aku ini boleh bekerja, boleh diharapkan mencari wang untuk ibu aku."

"Apa kata, kalau mengadu pada Jabatan Kebajikan Masyarakat?" cadang Zaki serius.

"Tak payah! Menyakitkan hati. Mereka tak mengerti akan susah aku ni. Mereka kata, ada orang lain yang lebih susah, ada orang lain yang banyak anak perlu dibantu. Tak usah sebut soal Jabatan Kebajikan Masyarakat, Zaki! Menghampakan!"

Zaki mencoret kertas yang berselerak di meja buruknya. Mencakar-cakarnya ke sana ke mari tidak tentu arah. Mencari idea untuk menolong kawan baiknya. Memang susah berpaut pada belas ihsan orang selama-lamanya. Diri sendiri mesti berani menghadapi cabaran hidup, fikir Zaki.

"Aku terpaksa berdiri atas kaki aku sendiri. Tak kuasa lagi aku meminta-minta, menyembah-nyembah ke sana ke mari. Aku mahu berdiri atas kakiku sendiri! Terlungkup terlentang biarkan," tambah Mazni berani.

"Jangan terlalu angkuh, Mazni."

"Bukan aku terlalu angkuh, Zaki! Tidak! Cuma sekarang aku terlalu sedar akan tanggungjawab aku terhadap ibuku, itu saja!" balas Mazni tenang, sambil tangannya menyusun buku-buku yang baru dibincangkan dengan Zaki tadi.

Suasana petang Ahad itu redup semula. Zaki melemparkan pandangannya ke luar tingkap yang menghala ke padang golf yang luas terbentang. Rumah kecil yang terletak di pinggir padang itu diselubungi sepi. Tidak ada suara keluar kini. Mazni termenung. Zaki juga termenung.

Suara adik-adiknya juga tidak kedengaran petang itu. Mungkin bermain-main di rumah jiran. Ibu Zaki yang menjadi amah di rumah orang putih di Larkin belum balik lagi. Ayahnya juga tiada. Belum balik lagi. Masih mencari-cari penumpang untuk teksinya barangkali. Nanti jauh malam, baru orang tua itu balik.

Mazni bangun sambil membetulkan anak-anak rambut yang terjurai ke hadapan dengan berkemas-kemas untuk pulang. Zaki yang sudah masak dengan tabiat Mazni turut bangun mencapai kemeja birunya kemudian bersikat rambut yang lurus keras saja. Mazni masuk ke dalam memberitahu kepulangannya kepada nenek Zaki yang dianggap seperti penunggu rumah buruk di Jalan Pisang itu.

Setelah memberitahu nenek tua itu, Mazni dan Zaki keluar rumah, berjalan beriringan menyusur jalan-jalan yang sering dilalui. Mereka berjalan tanpa bersuara apa-apa. Masing-masing dengan perasaan sendiri yang sukar dimengertikan. Sedih, terkejut dan kesal bercampur-aduk tidak menentu.

Jalan Pisang dilepasi, membelok kini ke Jalan Murni yang sibuk dengan manusia yang bersiar-siar mengambil angin petang. Bertali aruslah mereka ini hingga ke pinggir Selat Tebrau. Mereka semua mengambil angin, menghiburkan hati. Tapi bagi dua insan yang sama berjalan ini lain dari mereka. Dua insan ini sedang diamuk gelisah yang mencengkam jantung. Zaki dan Mazni terus membisu.

“Nak balik terus ke?” tanya Zaki tiba-tiba. Lesu tawar saja nadanya.

“Baliklah,” jawab Mazni sepatah.

“Kita singgah di bangku sana tu dulu. Nak?” tanya Zaki sambil membelok ke Jalan Tebrau. Mazni tidak menyebut apa-apa tapi menurut saja langkah Zaki seperti patung bernyawa. Manusia di keliling dengan dunia dan ragam mereka sendiri. Ada yang makan-makan, ada yang berbual-bual dengan keluarga dan teman wanita masing-masing. Mazni dan Zaki mengambil tempat jauh dari manusia-manusia ini semua. Mereka perlukan ketenangan jiwa.

Angin Selat Tebrau terus menepis-nepis kulit anak muda yang duduk melihat keindahan alam yang menyegarkan hati dan otak setiap pelawat Selat Tebrau. Zaki dan Mazni terus membisu. Mereka hilang kata-kata sejak berselisih pendapat di rumah Zaki tadi.

Selat Tebrau menyaksikan telatah dua teruna dara yang duduk menghala ke laut lepas. Mereka membatu lagi. Seketika kemudian, baru Zaki bersuara.

“Aku tak sangka kau jadi begini, Maz! Aku kira kau akan dapat mengambil periksa *form six* kau tahun ini. Dan tahun hadapan ada harapan masuk universiti. Rupa-rupanya tidak. Aku kesal, Maz!”

“Kalau kau rasa begitu, betapa pula hati aku ni?” balas Mazni dengan nada suara yang menyayat hati.

“Yalah, aku mengerti sekarang. Maafkan aku kerana begitu lancang menuduh kau yang bukan-bukan tadi. Kerjalah, tapi aku harap kau tak lupa dengan pelajaran kau, ambil periksa tahun ni, aku akan tolong kau, Maz. Aku tetap tolong!” ikrar Zaki penuh perasaan.

“Terima kasih. Doakan supaya aku berjaya, Zaki.”

“Jangan pula bila sudah pegang duit lupa pada pelajaran. Asyik nak menghandalkan diri dengan *make-up*, sepatu tumit tinggi empat jengkal, baju fesyen berambu-rambu tu,” pesan Zaki separuh bergurau.

Mazni yang tadi begitu redup riaknya, berubah wajah kini. Dia mula tersenyum nipis. Geli hati dia mendengar sepatu tumit tinggi empat jengkal, baju berambu-rambu. Zaki juga turut terhibur melihat senyuman yang secebis itu. ‘Manis!’ kata hati kecilnya. Memang dia punya bibir yang cantik. Wajah yang selalu tenang ditambah teduhan mata yang kuyu itu menambahkan rasa senang dipandang.

Mata Zaki masih menyapu muka bujur sirih ini. ‘Cantik!’ kata hati kecilnya selalu. Tapi pujian itu tidak pernah dilafazkan di hadapan Mazni. Tidak pernah. Segala-galanya diselit di hati sebaik mungkin. Belum masanya dia mesti berkhayal-khayal begitu. Tugasnya belum selesai. Dia takut kalau berangan-angan begini akan menyeksa batinnya sendiri. Hati kecilnya penuh yakin gadis berambut panjang hingga ke bahu ini tidak akan mengecewakan hatinya. Atas pegangan inilah, dia bermesra tanpa bermain kata-kata indah yang selalu diucapkan oleh sesetengah muda-mudi waktu zaman bercinta. Cintanya lain dari orang. Dia sedar sikap begini adalah pengecut!

“Kerja apa yang kau akan cari?”

“Belum tahu.”

“Aku baru saja menulis tentang kemunduran anak-anak Melayu tentang pelajaran dan sebab-sebab kekurangan anak-anak Melayu di universiti. Tiba-tiba hari ini, aku menerima berita kehilangan seorang lagi bakal mahasiswa yang kuharap-harapkan tahun depan. Aku tulis itu untuk kesedaran orang kita. Tapi kau, harapan aku sendiri …

sudah mengecewakan aku!" Zaki kesal tidak sudah-sudah.

"Kalau kau berat memandang, berat lagi bahuku yang memikul ini, Zaki! Tapi sekarang aku sudah nekad. Aku mesti membela nasib ibuku dulu sebelum aku membela nasib diriku sendiri. Kalau aku pentingkan diri sendiri, tak ada perasaan tanggungjawab pada ibuku."

"Benar juga kata kau tu. Tapi aku kesal sungguh, Maz."

"Sabar sajalah yang dapat mententeramkan hati aku. Kalau tidak, mungkin pening juga kepala ni dibuatnya," tambah Mazni sambil tangan halus itu menguak rambut yang terbang dek hembusan angin petang.

"Hai … nasib manusia tu tak sama, Zaki!" keluh Mazni. Dia bangun sambil memandang langit yang mula dibakar sang suria. Merah, kuning, di sana-sini. Indah.

"Aku balik dululah!"

Zaki bangun menurut langkah kaki gadis berbadan lampai ini menyusur Pantai Tebrau. Kemudian melintasi jalan yang sibuk ini masuk ke Jalan Kenangan. Di simpang jalan itu saja Zaki menghantarnya setiap kali pertemuan. Tidak pernah anak muda ini menghantar Mazni hingga ke rumah. Kerana masing-masing tidak suka perhubungan mereka ini diketahui oleh ibu atau Encik Haris suami isteri.

"Minggu depan, *you* balik?" tanya Mazni seperti bertanya pada ayahnya sendiri saja lagaknya.

"Mungkin balik. Datang ke rumah, tahu!" pesan Zaki mesra.

Mazni tersenyum dan menganggukkan kepala. Hati Zaki berbunga kasih. Dia tersenyum lebar, penuh mengharap. Mazni berlalu dan Zaki memandang dari jauh saja.

BAB 6

Azan maghrib dari Masjid Mahkota membelah senja yang baru bermula. Mazni sampai di hadapan pintu masuk ke halaman rumah batu dua tingkap ini dan dengan tergesa-gesa dia berjalan masuk. Puan Rohana, isteri Encik Haris yang separuh umur itu kelihatan sedang menuju ke anak tangga rumah.

'Dari taman orkid tentunya,' fikir Mazni. Dia cepat-cepat melintas celah-celah susunan orkid di sebelah rumah itu. Dia bimbang kalau-kalau tersua dengan mak enciknya itu. Malu benar kalau diketahuinya dia balik senja-senja begini. Tak manis, kata Puan Rohana di satu petang bila melihat anak-anak gadis Jalan Kenangan ini berduyun-duyun balik dari mengunjungi Pantai Tebrau. Nama baiknya di rumah batu dua tingkat ini amatlah dijaganya. Bak kata orang, adat orang menumpang mesti pandai-pandai menjaga diri, jangan mencari benci orang.

Mazni selamat berlalu. 'Syukur,' kata hati kecilnya.

Puan Rohana yang masih di tangga terlihat Karim, anak mudanya menyarung sepatu kulit berwarna hitam buatan Itali. Anak muda yang riang itu bersiul-siul kecil sambil mengenakan sepatu berkilatnya. Puan Rohana memerhatikannya saja dengan satu pandangan yang bermakna. Kemudian bersuara.

"Nak ke mana maghrib-maghrib begini ni?"

"Keluar!" jawab Karim sepatah tanpa menoleh kepada ibunya.

"Ke mana?" Puan Rohana menyoal lagi. Tinggi sedikit suara ibu berbadan rendang ini.

"Rumah kawan," Karim menjwab separuh hati.

Puan Rohana tahu anak bongsunya ini menjawab dengan acuh tak acuh saja. Tidak hemah sangat! Hangat juga hatinya melihat sikap biadap anak mudanya. Direnungnya muka gagah itu.

Karim berpura-pura tidak mengerti akan pandangan tajam dari mata orang tua yang banyak pengalaman ini. Karim cuba bersahaja, tetapi hatinya kurang senang ditenung begitu. Mesti ada sesuatu, fikir Karim.

Karim mahu melangkah masuk ke keretanya, namun ibunya bersuara lagi.

"Naik dulu. Ada perkara mustahak yang hendak aku cakapkan pada kau!"

Langkah anak muda berpakaian kemas ini mati mengejut. Direnungnya muka ibu, penuh tanda tanya.

“Dah lama aku nak bercakap dengan kau, tapi tak pernah kau ada di rumah. Pagi pergi, malam balik, kadang-kadang tak balik langsung. Naik dulu!” perintah Puan Rohana. Karim yang mengakui sikap sumbangnya itu patuh. Dia naik semula ke rumah.

Puan Rohana terus masuk ke dalam. Sembahyang maghrib tentunya.

Karim yang sudah berpakaian kemas menanti di bilik tamu. Di kepalanya penuh tanda tanya. Apakah soal yang hendak dicakapkan oleh ibunya itu? Tentu perkara besar, kata hati kecilnya. Kalau tidak, masakan ibunya begitu serius. Selalu ibunya tidak pernah melarang ke mana dia pergi, bila dia balik. Tak ada soal jawab. Dunia mudanya memang bebas.

Sepuluh minit sudah berlalu. Dia resah menanti. Sepuluh minit dirasakan sejam. Dalam pada itu timbul juga wajah orang yang bakal ditemuinya malam ini. Rangka manusia ini jelas kelihatan dari hujung rambut sampai ke hujung kaki. Lepas sebabak, sebabak gambaran-gambaran pertemuannya dengan manusia ini. Dia tersenyum sendiri.

“Azizah …!” terpacul saja nama gadis manis dari mulut jurutera muda ini. Dia senyum sendiri. Malam ini Azizah, gadis Negeri Sembilan yang baru ditukar ke Tanjung Puteri menjadi teman keluarnya. Semalam diperkenalkan oleh kawan baiknya, Lokman, malam ini pergi *date* ke Kota Singa. Alangkah indahnya dunia muda! Dia mengarang sendiri. Ke mana bakal dikunjunginya malam ini — *Kallang Park* ke? Atau terus menonton, atau pergi makan di tepi laut, kemudian pergi kelab malam. Kemudian, kalau nasibnya baik, umpan mengena. Dia akan berehat-rehat sebentar di hotel!

Melayang sudah rohnya ke Kota Singa. Jasadnya masih terperuk di kerusi empuk warna merah empat inci di bilik tamu itu menanti madah-madah penting yang akan dihamburkan oleh ibunya. Dia tak sedar ibunya sudah duduk tidak jauh dari kerusinya itu. Karim tergamam. Malu! Lekas-lekas dia bertanya.

“Perkara apa yang nak mak cakapkan ni? Mustahak benar ke?”

“Mustahak!” sambut Puan Rohana pantas.

Bilik tamu sepi seketika. Tidak ada suara apa-apa. Encik Haris belum balik lagi. Dia ada mesyuarat syarikat kayu balak yang dikendalikannya.

“Apa dia? Cakaplah,” Karim tak sabar. Tidak sabar menunggu lama-lama. Hatinya sudah terbang ke rumah Azizah, gadis keletah yang baru sangkut.

“Aku dah lama dengar orang bercakap hal kau.”

“Hal apa pulak tu?” Karim tersentak sedikit. Kejut juga dia.

“Dengar dulu,” tingkah ibunya.

Karim membatu. Menanti.

“Kau selalu main-mainkan anak-anak dara orang. Dulu, orang bercakap kau selalu bawa anak Encik Yahya, si Murni tu. Bawa dia ke sana ke mari, dah tak kira siang malam, pagi petang! Ini pula baru aku dengar kau selalu bawa si Aziah, anak Encik Malik sebelah rumah ni. Kau jangan main-mainkan anak dara orang, Karim. Kalau sungguh berkenankan dia tu semua, cakap dengan aku ini, biar aku pinang betul-betul, jangan bawa-bawa tak tentu arah!” jelas ibunya tanpa malu-malu lagi. Memang anak-anak muda sekarang sudah tidak boleh bercakap berlindung-lindung, berkias-kias lagi. Terang-terang lebih baik, fikir Puan Rohana. Karim senyum mendengar perkataan ‘pinang’. Belum tergerak hatinya untuk berbuat begitu.

“Kenapa diam? Cakaplah, betul tak apa yang aku katakan ni? Anak dara orang jangan diusik tak tentu arah, Karim! Tak baik,” nasihat ibunya ikhlas.

“Bila pula saya buat tak senonoh. Saya cuma jalan-jalan saja!”

“Jalan-jalan hingga ke Singapura sampai larut malam, maniskah Karim?”

“Ah, mak terlalu terpengaruh dengan cakap-cakap orang! Orang ni memang suka jaga tepi kain orang lain,” sela Karim berani.

“Ini bukan masalah orang. Tapi kau tu. Kau tu jaga diri sedikit. Jangan cuba nak membusukkan nama emak bapak! Kau tu anak aku!” ingat Puan Rohana sungguh-sungguh.

“Ala! Apalah yang mak susahkan sangat. Kan saya ni anak lelaki,” jawab Karim senang.

“Lelaki pun anak aku juga. Aku tak suka anak aku diburuk-burukkan orang. Jadi buah mulut orang. Nama baik anak lelaki atau perempuan sama dijaga. Jangan selalu ambil mudah saja!”

“Yalah … saya tahu!”

“Tahu apa?” sergah Puan Rohana seperti kilat. Matanya bulat merenung anak bongsunya yang sudah besar panjang ini. Geram.

“Saya tahu jaga diri saya ni. Kan saya ni sudah dewasa, malah lebih dari dewasa ….” Perkataan dewasa itu dikuatkan sedikit. Ada makna yang tersembunyi! Dia tersenyum sendiri.

Senyum nakal Karim membuat hati ibunya tersirap. Sikap begitu,

biadap namanya pada Puan Rohana.

“Jangan ambil mudah saja, Karim. Kau ingat anak dara orang tu apa? Boleh dicampak tabur ke sana ke mari. Hari ni bawa dia berjalan, esok bawa orang lain pula, lusa orang lain pula, macam kau menukar baju kemeja kau tu, ya?” marah ibu lagi.

Karim tersenyum nipis. Tidak menjawab. Tangannya membetul-betulkan jam Rolexnya.

Ibunya menyambung lagi. Karim memasang telinga saja.

“Aku tak mahu dengar lagi orang-orang mengadu hal kau, Karim. Aku tak suka!” amaran ibu yang sudah naik darah ini.

“Orang ni memang begitu, mak! Kalau dia tidak suka anak-anak mereka keluar dengan saya kenapa tak disekat, kenapa tak dilarang? Tahu marah-marah saja tak tentu fasal. Jangan nak salahkan orang. Anak sendiri tu jaga. Anak-anak dara mereka yang mengajak keluar, saya keluarlah. Takkan pelawaan yang baik tu saya nak tolak pula!” Karim menjelaskan sikapnya terus-terang. Ibunya geram melihat sifat lepas Karim.

“Oh, begitu sikap dan pandangan kau pada anak-anak dara orang ya? Anak bertuah!” sembur Puan Rohana.

“Peluang terbuka takkan nak tolak pula?” sambung Karim selamba.

“Ingat sikit, Karim. Jangan main-mainkan anak orang. Kalau dah terjadi satu-satu hal, susah nanti!” tambah Puan Rohana dengan kesalnya.

“Ah, mak tak usah bimbang. Saya tak buat apa-apa. Cuma jalan-jalan saja. Jalan-jalan saja pun tak boleh? Ah, jangan dengar cakap-cakap oranglah! Orang-orang tua memang suka jaga tepi kain orang. Tepi kain mereka sendiri robak-rabik,” senang saja Karim mengeluarkan cakapnya sambil menyindir tajam. Puan Rohana naik darah dibuatnya.

“Kalau beginilah sikap kau, malu … malu mak!” keluh Puan Rohana.

“Apa yang mak malukan! Dia orang yang mesti malu. Malu kerana tak tahu mendidik anak gadis mereka. Ah, mak tak usah susah hatilah!” putus Karim selamba.

“Kau juga bersalah.”

“Apa salahnya?” sambar Karim.

“Suka main-mainkan anak dara orang. Ajak dia keluar setiap malam.”

Karim ketawa besar. Puan Rohana menjeling panjang.

“Saya yang ajak? Saya? Oh … tidak, mak! Mak salah faham. Kalau

mak nak tahu, anak gadis merekalah yang mengajak saya keluar. Bukan saya. Bukan!" jelas Karim bersungguh-sungguh.

"Sudah. Jangan banyak cakap. Aku tak suka kau main-mainkan anak dara orang, tahu tak? Aku tak mahu dengar lagi orang mengadu hal kau."

"Ya … yalah," sambut Karim sambil melangkah keluar. Sebuah senyuman nakal dilemparkan ke muka ibunya. Puan Rohana tidak terkata. Dia sungguh kesal.

Seketika terdengar kereta Volvo sport mengaum keluar dari pekarangan rumah dengan gagahnya.

Volvo merah sudah lama lesapnya. Tapi ingatan Puan Rohana pada Karim masih bermain di kepala. Dan hatinya tetap dengan bimbangnya. Bimbang meskipun Karim itu anak lelaki.

Esoknya Puan Rohana terganggu lagi.

Puan Mahani ada menyatakan hasrat hatinya untuk berkeluarga. Mereka berdua sudah lama berjiran. Anak-anak mereka pun sudah kenal sejak kecil-kecil lagi. Dan masing-masing pun sudah bekerja. Sudah boleh berdiri sendiri.

Dari cakap-cakap Puan Mahani, jelas terbayang bahawa ibu ini kurang senang anak gadisnya keluar bebas dengan anak teruna Puan Rohana. Puan Rohana yang memang sudah tahu akan perhubungan Karim dengan anak Encik Malik, kerani besar di Jabatan Kerja Raya ini merasa gelisah juga. Gelisah kalau-kalau terjadi perkara-perkara yang tidak diingini. Maklum sajalah darah anak-anak yang masih panas. Nafsu muda masih menggila.

Dua tiga hari Puan Rohana menanti-nanti untuk bertanya hal itu dengan Karim. Tapi anak muda yang selalu tidak lekat di rumah ini, liar benar sekarang. Selalu saja mengelakkan diri daripada bertemu muka dengan ibunya. Dia tidak suka perjalanan hidup mudanya diganggu, dikacau, dan digugat oleh sesiapa pun.

Berjayakah Puan Rohana memujuk anak mudanya ini? Tidak siapa yang tahu. Masing-masing dengan sikap keras hati yang susah dipujuk-pujuk, yang payah bertolak-ansur. Dia akan menggunakan kuasanya di rumah ini, putus Puan Rohana berani.

Karim pula tetap dengan sikap hidup yang bebas. Dia suka berkawan, berdamping dengan teman-teman wanita yang keletah dan manis-manis itu. Hanya untuk berseronok-seronok saja tentunya! Tidak lebih dari itu. Niat untuk berumah tangga belum terlintas di kepala anak

muda ini. Kerana soal kahwin adalah soal yang enteng di zaman moden ini. Tidak perlu banyak bicara, anak siapa dia, keturunan apa dia? Dan yang paling menggalakkan tidak perlu bersusah-susah, bersakit-sakit mengumpul wang ringgit untuk naik ke pelamin! Ini pendapat yang tersemat di kepala jurutera muda yang terbilang inteleknya.

Pada suatu petang, Encik Haris dan Puan Rohana sedang berehat-rehat di beranda rumahnya sambil berbual-bual dan menghadap minuman petangnya, masuk kereta merah yang bersuara garang. Harapan untuk bertanyakan hal yang selalu mengganggu otak Puan Rohana sejak tiga hari ini berbunga kini. Ada peluang baik, kata hati kecilnya. Karim balik minum petang hari ini.

Karim naik ke rumah.

“Mak, ayah!” Itu saja yang keluar dari mulut anak muda ini. Menyapa mereka supaya jangan dianggap biadap, sudah! Fikir Karim. Dia terus masuk. Encik Haris kelihatan tenang saja, membalik-balikkan majalah di kerusi malasnya. Puan Rohana gelisah. Bila masa yang baik untuk bertanya. Kalau tersalah langkah Karim akan lesap lagi.

Betul telahannya. Sebentar kemudian Karim menjenguk ke muka pintu mahu keluar lagi. Balik sekadar bertukar pakaian saja. Berdegup jantung Puan Rohana. Cemas dan geram bertukar ganti.

“Nak ke mana pula ni? Baru balik dah nak keluar lagi?” tegur Puan Rohana.

“Nak keluar!” itu saja jawapan Karim. Jawapan yang sudah terlalu lumrah.

“Duduk dulu, mak nak cakap sedikit,” pinta Puan Rohana.

Tersentak juga hati Karim. Apa pula yang hendak dicakapkan ibunya kali ini, fikir Karim.

“Saya ada mesyuarat di Kelab Belia, mak!” bohong Karim.

“Mesyuarat?”

“Ya, mesyuarat belia. Nanti lambat pula. Orang menunggu kita! Kerana kita, orang lain semua susah!” terang Karim selamba. Sebenarnya yang menanti bukan ahli mesyuarat belia, tetapi teman wanitanya, yang berjanji mahu keluar.

Karim sudah di tangga mengenakan sepatu kilatnya.

Sebentar kemudian lesap lagi kereta leper ini. Lesap entah ke mana Puan Rohana tidak tahu. Ibunya yang kecewa ini mengeluh panjang. Encik Haris yang tersandar tidak jauh dari situ menoleh ke arah isterinya dengan satu pandangan yang berupa pertanyaan.

“Karim anak awak tu!” tegas saja suara itu menerpa ke telinga Encik Haris. Mereka berpandangan. Masing-masing mengerti.

BAB 7

Dengan kelulusan *School Certificate* pangkat dua dan pelajaran tingkatan enam yang separuh jalan itu, Mazni dapat melayakkan diri menjawab jawatan kerani di Bank Bumiputera yang baru dibuka di bandar itu. Namun, Mazni sedar juga kelulusannya saja tidak mudah mendapat kerja kalau tidak ada jasa baik di belakangnya. Encik Haris yang memang terkenal di bandar Tanjung Puteri ini mempengaruhi pengurus bank supaya menerima Mazni bekerja di situ. Memang begitulah adat dunia zaman kebendaan ini, kelayakan saja tidak dapat memberi keyakinan yang penuh untuk mendapat satu-satu jawatan kalau tidak ada orang yang berpengaruh di belakangnya. Perkara begini kurang meyenangkan hati anak gadis yang tidak suka hidup pura-pura. Tapi, apa boleh buat, keadaan memaksa dia bersikap membisu. Sikap hidup manusia yang digelar pak turut. Perasaan-perasaan begini hilang bila dia mengenangkan keadaan hidupnya yang mendesak itu. Soal kejujuran manusia dilemparkan ke tepi. Soal wang mengatasi segala-galanya.

Masuk hari ini, sudah dua harilah Mazni bekerja di bank itu. Suasana di tempat kerjanya begitu asing baginya. Perasaan gembira, peristiwa-peristiwa indah waktu bersekolah selalu saja menari-nari di kepalanya. Dan kadang-kadang sakit juga hatinya bila teringat akan sikap gurunya di hari terakhir sekolah. Guru kelas itu menghina-hinanya tanpa usul periksa.

“Orang Melayu memang begitu. Bila dah lulus *School Certificate* sudah merasa puas hati. Kelulusan tu paling tinggi untuk anak-anak Melayu. Perasaan mahu melanjutkan pelajaran hingga ke universiti tidak pernah kekal dan berjaya. Masing-masing lekas nak pegang duit, lekas hendak berlagak dan hendak berfoya-foya dengan gaji yang tak sampai empat ratus ringgit. Empat ratus ringgi dah cukup untuk membeli baju yang cantik, *make-up* kasut tumit tinggi, cermin mata a-go-go, bukan begitu Mazni?” begitu tuduh Cikgu Lim sambil senyum-senyum mengejek.

Mazni yang mendengarnya sakit telinga. Sakit segala-galanya. Mahu diramasnya mulut yang menuduh yang bukan-bukan itu. Tapi perasaan marah, malu, terhina itu disabarkannya. Sabar supaya tidak terkeluar apa-apa. Dia malas hendak bertekak dengan gurunya yang sering menghina-hina sikap anak-anak Melayu tidak ada perasaan ingin maju dan perasaan berlumba-lumba seperti bangsa lain.

Mazni keluar dari pintu sekolah, tengah hari itu dengan perasaan yang susah dimengertikannya. Sedih, sayu, dan geram bergelut sesama

sendiri. Yang dia sedar di saat itu, bahawa dia sudah meninggalkan zaman indah yang dilaluinya sejak sepuluh tahun lebih itu. Zaman menjadi pelajar adalah zaman yang terindah dalam sejarah hidup manusia pada Mazni. Tapi segala-galanya itu tingga; kenangan kini.

Bagi Bibah pula, kejayaan anaknya menjawat jawatan kerani bank itu berbelah bagi. Gembira pun ada, bimbang pun ada. Gembira kerana sinar hidupnya akan cerah kembali. Dan besar kemungkinan dia dapat berubat lebih baik dan sihat semula. Bimbang, kerana takut cita-cita Mazni untuk terus belajar akan terganggu. Dan akhirnya cita-cita tinggal cita-cita saja, kerana sudah sering berlaku anak-anak yang dulunya rajin belajar, tekun menghadap buku-buku pelajarannya berubah menjadi cuai memandang sepi saja apabila sudah memegang wang di tangan. Ini sungguh mencemaskan hati ibu tua yang berjiwa besar. Dalam pada itu, dia tetap memberi perangsang agar Mazni terus belajar di samping kerjanya.

“Belajar malam, Mazni!” nasihat ibunya di malam pertama Mazni meninggalkan bangku sekolah.

“Memang itu cadangan Mazni dari dulu-dulu lagi. Mazni akan masuk sekolah malam di Maktab Melayu juga, bila hidup kita lega sedikit, mak!” azam Mazni sungguh-sungguh. Memang hasrat untuk belajar terus hingga ke peringkat universiti belum luput lagi dari lubuk hati anak gadis ini.

Selat Tebrau ditatapnya lagi. Muka air berkilau-kilau dek pancaran cahaya matahari petang. ‘Indah! Sungguh indah!’ kata hati kecilnya. Buku sekolah yang tidak disentuhnya beberapa hari itu dibukanya bersama-sama hembusan angin petang di tepi rumah batu dua tingkat itu. Dia membalik-balik muka buku yang terakhir dipelajarinya di sekolah hari itu. Hatinya runtuh. Sayu bagaikan ditinggalkan kekasih yang pergi berjuang ke medan perang dirasanya. Dia sedih. Benar-benar sedih meninggalkan sekolah kesayangannya. Masih terbayang-bayang peristiwa gembira waktu di sekolah. Riang selalu menghadapi buku-buku pelajaran.

“Membaca lagi kau, Mazni? Kau dah bekerja!” tegur Mak Atun dari belakang. Mazni tersentak. Hilang kenangan-kenangan manis yang sedang mengusik hatinya itu. Mazni menatap wajah Mak Atun yang berisi, tidak menjawab. Hanya senyuman nipis mengorak di bibir yang selalu lembut memberi jawapan.

“Apa macam, seronok bekerja di bank?” tanya Mak Atun lagi. Tangannya memegang penyapu lidi. Penyapu itu dikuis-kuisnya tidak menentu.

“Entahlah, Mak Atun. Tak tahu Maz nak katakan,” Mazni menjawab

lemah. Tangan halusnya masih juga membalik-balik muka surat buku sains di tangan. Angin petang menghembus senang. Menyegarkan.

“Hai! Tak senang ke hati melihat duit melambak-lambak di bank?”

“Banyak pun apa maknanya. Duit orang!” lembut saja suara itu masuk ke cuping telinga Mak Atun. Mak Atun tersenyum. Benar juga, bisik hatinya.

“Membacalah kau, Maz! Mak Atun nak menyapu di halaman tu!”

Mazni mengangguk. Mak Atun pergi dengan dihantar oleh mata kuyu yang duduk di kerusi batu sebelah rumah.

Mazni termenung lagi. Betul-betul macam orang nanar. Termenung tidak tentu arah. Susah hati tidak keruan. Entah kenapa hatinya sayu benar, bila melihat kawan-kawannya pulang dari sekolah tengah hari tadi. Dirasakannya dia masih memakai blaus putih bertali leher hijau lagi. Kadang-kadang dia menuduh dirinya sebagai manusia bodoh dan lemah semangat. Tidak tahan menahan cabaran hidup. Tuduhan ini tidak diterimanya. Dia bukan manusia yang tidak ada prinsip hidup yang tidak menentu, kata hatinya tegas. Dia ada cita-cita, cita-cita yang tinggi menjulang. Cita-cita yang akan dicapainya dengan penuh yakin meskipun hasrat hatinya ini selalu dipermain-mainkan oleh guru-guru dan rakan-rakan sekolahnya. Dia sedar tapi dia tidak peduli dengan kata umpat orang. Dia tetap dengan pendiriannya. Belajar setinggi yang boleh seperti anak-anak bangsa lain, itu tekad anak gadis yang bersikap lembut tapi keras hati untuk mencapai cita-cita.

Tengah hari tadi waktu di dalam bas, Mazni bertemu kawan lamanya, Salha dan Zaitun. Kawan lama itu terkejut bila berjumpa Mazni dengan pakaian biasa tidak beruniform itu.

“Dari mana ni? Tak sekolah ke?” tanya Salha, kerani Pejabat Pendidikan. Mazni yang ditanya serba salah. Mahu berterus terang atau tidak. Kerana dia bimbang kawan lamanya memulangkan paku buah kerasnya.

“Tidak!” sambut Mazni sepatah.

“Kenapa?” Salha keraguan.

“Tak ada apa!” Mazni menjawab pantas. Hatinya gelisah.

“Janganlah nak berahsia sangat, kawan!” sampuk Zaitun, gadis yang kaya dengan daging pejal-pejal ini.

“Kenapa?” Salha bertanya pantas pada Zaitun.

“Hai! Tak tahu ke Cik Mazni kita ni dah bekerja di Bank Bumiputera!” terang Zaitun.

“Ya?” Salha terperanjat. Kemudian tersenyum mengejek.

“Kata tak mahu kerja! Nak lulus *form six*, nak masuk universiti. Hai! Lekas benar berubah puteri bangsa yang berjiwa besar ni!” melenting-lenting saja kalimah yang keluar dari bibir merah yang tebal ini. Mazni terdiam. Tidak tahu apa yang harus dijawab pada Salha yang memang terkenal jahat mulutnya itu.

“Dulu, bila kita ajak cari kerja, tak mahu. Hah, tak sangka bekerja juga. Kempunan aku nak melihat Cik Mazni kita ni memakai baju labuh dengan topi empat segi,” tambah Salha sambil ketawa.

“Orang Melayu begitulah, cita-cita tinggi, tenaga kurang. Kemampuan tak ada,” tokok Zaitun tanpa menyedari yang dia sendiri adalah manusia yang berbangsa Melayu.

Kalimah-kalimah inilah yang selalu menguit tangkai jantung hati Mazni. Sakit benar hatinya mendengar tuduhan-tuduhan melulu dari teman-teman dan guru-gurunya.

Mazni lemas sendiri. Lemas di lautan kegelisahan yang tidak bertepi. Direnungnya lagi Selat Tebrau yang menghala ke laut lepas. Luas! Kata hati kecilnya. Luas terbentang sebagaimana juga laut hidupnya yang selalu bergelora. Laut mana yang tidak bergelora dan hidup mana tidak menempuh dugaan? Soalnya tiba-tiba.

Selat Tebrau ditatapnya lagi.

“Kata pujangga, hidup ini perjuangan, dan tidak benar-benar hidup namanya kalau tidak ada perjuangan,” kata Zaki, teman baiknya.

Benarkah begitu? Dan inikah perjuangan hidup yang mesti kutempuhi? Soalnya sendiri. Mazni mengeluh panjang.

Selat Tebrau direnungnya lagi.

Aku mesti belajar menjalani hidup secara optimistik. Falsafah hidup yang agung. Falsafah hidup yang memandang dunia ini dengan mata harapan. Memandang susah, derita, dan sengsara itu sebagai tembok-tembok yang mesti dilangkahi dan ditempuhi untuk mencapai kesenangan yang tersorok di sebaliknya! Mazni mendapat nafas baru tiba-tiba.

‘Aku mesti menerima kekalahan ini sebagai pendorong yang besar untuk terus ke jalan kemajuan dan menjari pengajaran dalam menempuh hidup di hari esok,’ tekad Mazni lagi.

Azan dari Masjid Mahkota mengejutkan Mazni yang sedang melayan perasaan gelisahnya. Mazni bangun menuju ke bilik kecilnya.

Suara azan masih mendayu-dayu menjalar di segenap telinga manusia di sekitar bandar Tanjung Puteri. Mazni terpegun mendengarnya.

Hatinya sayu tiba-tiba. Entah mengapa dia bersikap begitu, dia sendiri tidak mengerti. Dirasakan tubuh terlalu kecil untuk menjalani hidup hari esok.

BAB 8

“Aku tak kuasa nak bercakap selalu fasal semua ni, Karim! Kau tu dah besar, dah dewasa, dah tahu memikirkan yang mana baik, yang mana buruk. Kau suka nama ibu bapa kau disebut-sebut orang? Kau suka? Aku memang tak berkenan dengan kelakuan kau mengheret-heret anak-anak dara orang tu. Tak berkenan, tahu tak? Lebih-lebih lagi anak Encik Malik tu. Aku malu. Malu, Karim. Dia tu jiran kita. Kau tu anak aku. Mana muka yang nak kusorokkan kalau dah berlaku satu-satu hal yang tak baik? Kalau sungguh kau berkenankan Aziah tu cakap terang-terang. Biar mak pinangkan. Aku bukan nak memilih sangat. Cakap, Karim!” Puan Rohana memuntahkan segala isi hatinya habis-habisan. Sesekali bercakap biar puas, kata hati ibu separuh umur itu.

Karim yang di kerusi tamu diam saja, seperti tidak ada apa-apa yang penting didengarnya. Memang tidak penting pada jurutera muda ini. Perkara biasa dalam hidup mudanya.

“Kenapa kau diam saja? Cakaplah! Kau berkenan dengan budak Aziah tu? Kalau dah suka, serahkan perkara tu pada aku. Biar aku uruskan,” tambah Puan Rohana ikhlas. Memang ibu ini tidak suka melihat anak mudanya meliar begitu. Lebih-lebih mencemaskan hatinya bila mendengar anak-anak muda kena tangkap basah di sana-sini. Dia tidak mahu perkara sekeji ini berlaku pada keluarganya yang selama ini masih dipandang tinggi oleh masyarakat Tanjung Puteri sebagai keluarga yang terbilang baiknya. Dia mahu anak bongsunya berumah tangga menurut adat istiadat Melayu, meminang, bersanding, dan seterusnya. Bukan kahwin-kahwin koboi seperti anak-anak muda sekarang. Bukan!

“Dah kenapa kau ni, Karim? Tak boleh membuka mulut lagi ke?” Puan Rohana naik geram. Ditatapnya muka anak mudanya yang kacak itu. Anak gadis manalah yang tidak terpikat melihat wajah, pangkat, dan kedudukan yang ada pada anak muda ini? Puan Rohana bangga sendiri.

Lama juga Puan Rohana menanti patah-patah yang terucap dari mulut Karim.

“Mak …,” kata Karim. Perlahan saja suara itu. Puan Rohana menanti.

“Mak terlalu terpengaruh dengan cakap-cakap orang yang sengaja suka membawa berita yang bukan-bukan itu. Siapa kata saya membawa Aziah keluar setiap malam? Siapa? Saya ingin tahu!” tanya Karim tenang.

“Adalah orang cakap. Kalau tidak mana aku tahu,” tegas Puan Rohana. Herot-herot bibir perempuan berbadan rendang ini menjelaskan pendiriannya.

“Hah, tulah, suka dengar cakap orang. Inilah yang tak baiknya. Mak! Saya cakap terus terang petang ini. Aziah keluar setiap malam tu bukan dengan saya. Bukan! Dia ramai kawan lelaki yang lain, jangan menuduh saya bukan-bukan. Saya tak bertanggungjawab dengan diri anak Encik Malik yang mak susah-susahkan tu. Mak jangan nak menyusahkan diri yang bukan-bukan. Jangan jadi bodoh. Mak suka bermenantukan anak gadis yang sudah dibawa lelaki-lelaki lain setiap malam?” soal Karim berani.

“Aku tak tahu hal tu semua, tapi aku tak suka orang mengait-ngaitkan nama kau, Karim. Jadi sebelum berlaku hal-hal yang tak baik, lebih baiklah disatukan dengan cara yang baik. Encik Malik dan Puan Mahani tu nampaknya memang suka nak berkeluarga dengan kita.”

“Ah, pergi jahanamlah! Nak berkeluarga!” sergah Karim pantas.

Puan Rohana tergamam. Geram benar dia melihat sikap anak mudanya yang kasar itu.

“Kau, kalau cakap orang tua ni tak pernah yang dapat diterima. Semuanya tak betul. Anak-anak muda zaman sekarang memang keras kepala. Cakap orang tua tak adanya yang laku. Cakap dia saja yang betul. Hah, gasaklah, kalau dah tersepit nanti, jangan cari emak bapak!” amaran Puan Rohana. Suaranya keras menendang cuping telinga besar Karim. Karim tersenyum nakal!

“Kenapalah mak bimbang sangat ni?”

“Walaupun kau tu anak jantan, tapi nama baik tu mesti dijaga juga, kau mengerti tak?”

“Ah, sudahlah mak, tak usah menyusah-nyusahkan kepala yang bukan-bukan! Saya tahu menjaga nama baik saya dan mak. Saya keluar selalu bukannya apa. Cuma jalan-jalan saja, tak lebih dari itu. Mak tak perlu cemas. Tidur di rumah baik-baik, anak mak ni dah dewasa,” senang saja Karim bercakap. Tangannya membetul-betulkan tali leher merah tua. Kemudian bangun sambil mencapai anak kunci keretanya. Dan berlalu.

Puan Rohana yang tercatuk di kerusi bilik tamu itu tidak terkata apa-apa. Matanya saja menghantar anak mudanya keluar, entah ke mana dia sendiri tak bertanya, malah memang tidak kuasa bertanya. Hati perempuan itu kesal. Geram! Kalau kiranya Karim tu kecil lagi, mahu dia memiat telinga yang tidak mendengar nasihat orang tua. Tapi kini, anak degil tu sudah besar panjang. Dimarah selalu pun sudah tidak

berguna lagi. ‘Gasak kaulah!’ putus Puan Rohana. Dia berjalan ke taman orkidnya. Lupa dia akan anak degilnya. Hatinya tenteram semula melihat kembang-kembang orkid kesayangannya itu.

Volvo merah meluncur laju bersama kereta-kereta lain di Jalan Tebrau. Meter kereta sport ini sudah menunjukkan ke arah nombor lima puluh. Karim menekankan minyaknya lagi, naik ke enam puluh, tujuh puluh. Laju … dan laju. Tali leher warna merah berkibar-kibar ditepis angin. Orang di kiri kanan jalan menoleh pantas. Oh, wow! Lajunya, masing-masing kagum melihat kereta sport ini melarikan diri.

Karim masih melarikan kereta merahnya di dalam kesibukan kereta-kereta, bas-bas sekolah, lori, dan motosikal yang sesak menuju ke arah bandar Tanjung Puteri. Kereta-kereta yang lalu-lalang itu selalu hilang dari pandangan matanya. Apa yang timbul ialah wajah gadis manis yang sedang memberikan sebuah senyuman yang susah dilupakannya. Gadis jelita berketurunan Serani yang baru ditemuinya di satu majlis tari-menari di sebuah hotel di Singapura dua malam yang lalu.

Gadis bermata biru ini bekerja sebagai pramugari di Singapura. Dan sudah dikenalinya ketika dia belajar di England dulu. Mereka bertemu lagi semasa Karim bercuti musim panas di Paris. Di kala itu, si jelita ini sedang mengambil kursus *modelling* di kota Paris. Mereka berkenalan, kemudian berpisah selama beberapa tahun. Kini, baru mereka bertemu lagi. Alangkah gembiranya hati Karim! Gembira kerana bertemu kawan yang pernah menemaninya berjalan, berseronok-seronok di kota syurga dunia di suatu masa dulu. Alangkah manisnya kenangan itu!

Malam ini, mereka akan mengukir sejarah lama, sejarah indah, meskipun tidak di kota syurga dunia. Tapi, Kota Singa juga mampu membina sebuah syurga idaman muda-mudi.

Sampai di tengah-tengah bandar Tanjung Puteri, Karim menurunkan tekanan minyaknya. Kereta merayap-rayap kini. Hati Karim radang melihat kereta bertunda-tunda itu. Dia perlu lekas sampai di Singapura. Kalau boleh sebelum pukul tujuh. Karim menyumpah-nyumpah sendiri. Kereta bertatih dan kadang-kadang terhangguk-hangguk kerana kereta di hadapan berhenti mengejut. Karim menyirap lagi. Sumpahnya sudah bercupak. Entah siapa yang disemburnya itu dia sendiri tidak tahu.

Karim terpaksa mengekori belakang bas sekolah yang sarat dengan anak-anak nakal terkinja-kinja ke sana ke mari. Bertumbuk sesama sendiri. Dan bersorak tidak tentu hala. Gelisah resah seperti “anak-

anak" kera di dalam lori dari zoo saja layaknya. Dan ada pula yang menjelir-jelirkan lidah pada orang belakang.

Karim jengkel melihat teletah anak-anak yang masih berhingus. Dia mahu memotong bas membawa budak-budak nakal itu. Dilihatnya kereta Fiat di hadapan bas. Ada lompang untuk kereta merahnya memenuhi tempat di antara bas sekolah yang di hadapannya ini dengan kereta Fiat kuning air di hadapan bas sekolah.

Karim menekan pedal minyak. Tapi sayang … sebuah kereta Mercedes hijau menjenggukkan diri di hadapannya. Karim memaut stereng keretanya ke tepi mengambil tempatnya semula. Kereta mewah hijau itu berlalu. Karim cuba memotong bas yang sarat ini, mengambil tempat yang kosong itu. Sebuah kereta lagi muncul tiba-tiba di hadapan. Hampa lagi! Karim radang. Anak sekolah yang nakal bersorak-sorak mengejek Karum yang tidak dapat memotong bas mereka. Darah mudanya tersirap. Dia mencuba lagi. Dilihatnya sebuah kereta jenis Austin tua model lima puluhan datang dari hadapan. Tapi kereta tua itu jauh lagi, kira anak muda ini. Dia menekan minyak memotong bas sekolah. Nekad.

Sayang! Dia tersalah agak. Kereta tua itu juga laju. Belum sempat Karim mengambil tempat di hadapan bas itu, kereta tua ini merempuhnya dari hadapan. Karim hilang pertimbangan. Gamam. Stereng Volvo dipautnya ke kanan dengan pantas. Kereta gagah tersungkur ke longkang. Karim tercampak dari situ kira-kira lima ela dari keretanya. Darah panas berhamburan keluar dari bahagian muka pemuda gagah itu. Karim cuba bangun. Tapi gagal. Dia merebahkan diri semula. Pengsan. Pemandu kereta Austin tua itu juga terperangkap di dalam keretanya. Luka juga.

Seketika, sebuah ambulans sampai dan membawa pemuda yang malang itu ke hospital.

Orang ramai yang berkerumun di situ mula bersurai. Kesal. Ngeri. Anak-anak sekolah bertempik riang. "Kereta bercium! Kereta bercium!" pekik mereka.

"Malang tak berbau," kata seorang tua yang menyaksikan kejadian itu.

"Malang dicari!" sampuk seorang muda yang juga sama di tempat kejadian itu. Memang malang dicari. Memandu kereta tidak cermat. Gopoh. Mahu lekas. Mahu di hadapan selalu!

Darah masih panas.

BAB 9

Zaki tersenyum lebar apabila melihat wajah Mazni yang berjalan tenang ke arah rumahnya itu. Mazni yang terpandang anak muda di tangga rumah buruk di pinggi padang golf ini sama tersenyum puas.

“Ingat dah lupa kawan lama. Maklumlah … orang dah bekerja,” giat Zaki bila Mazni sampai di anak tangga rumah. Mazni tersenyum lagi.

“Naiklah,” pelawa Zaki sambil bangun naik ke rumah. Mazni yang sudah biasa dengan suasana rumah kawannya ini tidak malu-malu lagi terus naik.

“Mak *you* ada?” tanya Mazni sambil meletakkan buku Kimia yang dipinjamnya dari Zaki itu.

“Belum balik. Nenek ada. Penunggu rumah mana boleh lari,” terang Zaki. Riang.

“Kenapa lambat?” soal Zaki.

“Banyak kerjalah.”

“Hai! Hari minggu pun bank buka? Bank mana tu?” tanya Zaki separuh mengusik.

“Bukan kerja tu! Di rumah *I* banyak kerja. Menolong mak encik *I* memasak untuk Abang Karim yang di hospital tu,” jelas Mazni ikhlas.

“Karim kenapa?”

“Kan dia berlanggar!”

“Oh! Teruk?”

“Tak tahulah! Tapi tangannya patah, kepalanya luka. Kaki, lututnya semula luka-luka.”

“*You* tak pergi tengok?” Zaki cuba menduga hati gadisnya ini sambil senyum-senyum kambing.

“Dah! Hari tu mak encik suruh hantarkan kuih,” jawab Mazni ikhlas.

Zaki, siswa muda ini tersenyum saja mendengar jawapan yang jujur dari mulut buah hatinya. Dia malu sendiri. Malu kerana memikirkan yang bukan-bukan. Pemuda intelek ini kenal erti cemburu, terutamanya sejak akhir-akhir ini. Manalah tahu, hati gadisnya itu sudah berubah. Maklum sajalah Mazni sudah bekerja. Sudah ada wang sendiri. Sudah bebas bergaul dengan teman-teman lelaki di pejabat. Mengenangkan keadaan beginilah siswa ini mula cemburu. Hatinya tidak rela gadis yang dipujanya secara diam-diam ini terlepas ke tangan orang. Sayangnya pada Mazni melebihi dari sayang pada

adik perempuannya sendiri.

“Kenapa senyum tak sudah-sudah ni? Ada apa-apa ke? Maz tak senang ditenung begitu,” manja saja suara itu didengar Zaki.

Zaki terus menyapu wajah bujur sirih ini. Mata kuyunya mengilhamkan. Indah! Sejuk hati lelaki yang memandang. Begitu damai!

“Senyum tak boleh?” soal Zaki selamba. Hatinya berbunga sayang.

Mazni sama tersenyum. Entah apa yang disenyumkannya, dia sendiri tidak mengerti. Dia geli hati melihat telatah Zaki yang ganjil petang ini. Selalunya dia serius.

“Apa macam sekarang? Orang universiti, baik?” Mazni bertanya tiba-tiba cuba mengembalikan suasana yang tenang.

“Sama saja, yang baik itu baik, yang *frust* pun ada. Yang gila bayang pun ramai,” Zaki menjawab tenang sambil ketawa. Mazni senyum lagi.

“Kenapa sampai begitu teruk, Zaki?”

“Entah! Ada tu terlalu susah hati, takut untuk menghadapi peperiksaan tahun akhir. Gila termenung ada! Gila minum-minum pun ada! Kononnya untuk melupakan segala yang dirisaukan di kepala, tapi menyeksa diri. Entahlah! Manusia ni macam-macam ragam, Maz!” Sebuah keluhan panjang dilepaskan.

“Kau tengoklah berita surat khabar hari ini. Dunia bersengketa tidak habis-habis. Berbunuh-bunuh sesama manusia. Kekejaman di seluruh ceruk dunia. Kelaparan di sana-sini. Apa nak jadi dunia sekarang, aku pun tak tahu! Suasana di tanah air kita juga tegang selalu. Segala-galanya dirasa tak kena. Terutama sekali bangsa kita, Melayu. Selalu tersepit, terdesak dalam menghadapi cabaran dunia sekarang. Manalah tak terseksa. Bangsa kita mundur dalam segala hal. Pelajaran mundur, ekonomi mundur, akhlak pun mundur,” Zaki melahirkan perasaan dengan nada yang serius. Wajahnya berubah kini. Berkerut-kerut dahinya bercakap.

“Kan negara kita sedang membangun. Zaki … kalau nak maju tu beransur-ansurlah. Apa yang perlu sekarang ialah semangat ingin maju harus ada pada dada putera-puteri bangsa kita,” pendapat Mazni pula.

“Kesedaran! Bangsa kita dah lebih dari sedar, Maz. Sedar saja tak ada usaha yang sungguh-sungguh untuk memperbaiki taraf pelajaran dan ekonomi bangsa, tak ada maknanya! Kita tidak bisa sampai ke kemuncak kejayaan yang diharap-harapkan kalau dengan angan-angan kosong dan teori-teori saja tanpa usaha dan inisiatif yang

sungguh-sungguh," tambah Zaki lagi. Kesal.

"Betul kata kau tu, Zaki, aku sedar sekarang. Orang-orang kita suka melaung-laungkan itu dan ini, tapi usaha untuk menjayakannya tidak pernah bergerak. Cakap saja nak membantu anak-anak Melayu dalam pelajaran tinggi, tapi aku yang terseksa hari tu tak dipeduli langsung oleh orang!"

"Orang mana tu?"

"Semua! Segenap lapisan masyarakat. Orang memandang tak hemah saja. Padahal semangat nak meneruskan pelajaran aku tu tinggi menggunung! Aku kira lebih tinggi dari Gunung Tahan, Zaki! Tapi apa boleh buat! Manusia sekarang berfalsafahkan hidup secara kau … kau! Aku … aku! Jadi, terpaksalah aku menerima keadaan yang tidak kuharap-harapkan berlaku, Zaki. Aku terpaksa bekerja. Terpaksa meninggalkan bangku sekolah yang kusayangi. Manusia sekarang lebih utamakan diri sendiri. Pentingkan diri sendiri. Orang lain belakang kira."

"Kau menyindir aku, Mazni?" Zaki terasa sendiri.

"Tidak! Memang sebenarnya manusia zaman moden ini bersikap begitu. Buktinya banyak. Kawan-kawan, guru aku sendiri kata bersimpati dengan keadaan aku. Tapi, apalah maknanya kalau sekadar mengatakan kasihan sedangkan lafaz yang luhur itu tidak dapat menolong ibu aku untuk membeli ubatnya."

"Aku sedar akan penderitaan kau, Mazni. Kau jauh hati dengan aku! Kau kecil hati lagi, bukan?"

"Tidak, aku tidak menuduh kau, Zaki. Aku tahu kau masih perlukan wang untuk pelajaran kau. Yang aku maksudkan ialah manusia-manusia yang kaya-raya. Manusia yang hidup mewah. Manusia yang punyai kesedaran untuk melihat anak bangsanya berpelajaran tinggi. Manusia ini yang patut menghulurkan bantuan. Tapi, sayang! Cakap saja tinggi melangit. Simpati saja melimpah-limpah. Buat apa?" Mazni meluahkan habis-habisan segala yang terkilan di hati selama ini.

Zaki terdiam. Dia merenung padang golf yang luas. Otaknya berfikir keras. Benar apa yang dikatakan oleh Mazni. Dia sama-sama berasa kecewa seperti Mazni yang putus harap untuk terus belajar seperti kawan-kawannya yang lain.

"Kau putus asa, Mazni?" tanya Zaki serius sambil merenung gadis bermata kuyu ini.

"Tidak," Mazni menjawab pantas dan tegas.

"Aku tidak putus harap. Aku tak akan mengaku kalah dalam perjuangan mengejar cita-cita aku, Zaki. Malah segala penderitaan

hidup yang kutempuhi menambahkan pengalaman aku dalam menghadapi masa depan aku! Dan setidak-tidaknya aku belajar berdiri di atas kaki aku sendiri, tidak mengharap, menyembah bantuan orang lain. Aku percaya pelajaran aku tidak terganggu dengan kerja aku sekarang ini, walaupun masa untuk menelaah agak terbatas. Tapi aku kira, aku akan berjaya kerana banyak tokoh-tokoh bangsa yang terkemuka di dunia juga belajar sambil bekerja. Aku kira, aku pun boleh berbuat begitu!" azam kerani bank ini tanpa ragu-ragu lagi. Penuh yakin.

Zaki tersenyum puas. Hatinya kembang melihat bunga hatinya bernyawa kini. Gadis yang diharapkan di suatu masa nanti mengikut jejaknya menceburkan diri ke jurusan perubatan. Dia ingin melihat lebih banyak gadis-gadis Melayu memasuki lapangan kedoktoran. Kerana Zaki tahu benar dengan keadaan siswa-siswa perubatan di Universiti Singapura itu. Dalam banyak-banyak siswa di jurusan perubatan itu hanya seorang gadis Melayu, sepuluh orang pemuda Melayu, yang lain-lain semuanya bangsa lain. Melihat angka yang begitu menyedihkan itulah timbul perasaan yang meluap-luap. Perasaan ingin maju. Perasaan ingin menunjukkan kebolehan anak-anak Melayu yang selama ini dianggap berotak lembap, tidak ada semangat yang utuh dalam menghadapi pelajaran tinggi. Kesedaran-kesedaran inilah membuat Zaki bersungguh-sungguh menolong Mazni yang bersemangat kental untuk terus belajar walau apa pun yang akan menghalang, dia akan terus berjuang. Syabas!

"Okey, kita mulakan kerja kita, Zaki," Mazni mula membuka buku matematik dan membalik-balikkan muka buku yang tebal itu. Zaki memerhatikan saja. Di dalam hati siswa ini berkata, 'memang Mazni berhati batu dalam masalah pelajaran. Payah nak cari manusia setegas ini,' bisik hatinya sendiri.

"Apa yang tak faham? Aku ingat kau tak mahu pegang buku lagi?" usik Zaki. Sengaja.

"Siapa kata? Banyak *problem* yang *I* tak faham ni! Maklum sajalah nak belajar tak menghadap guru, tak dapat bertanya, berbincang."

"Yang mana satu, Cik Mazni?" Zaki mula bergurau. Mazni ketawa. Riang.

"Nombor sebelas ni. *You* buatlah. *I* dah mencubanya beberapa kali tapi tak dapat," Mazni menghulurkan buku besar dan buku rampaiannya ke hadapan Zaki. Zaki menyambut dan memerhati dengan teliti. Seketika kemudian menerangkan masalah yang dibuatnya dengan hati-hati. Menunjuk dengan lembut bagaikan mengajar anak-anak kecil saja lagaknya. Mazni senang hati. Mereka berbincang lagi, hingga lenyap segala kemusykilan di hati penuntut

tingkatan enam atas yang terkandas ini.

Dua teruna dara yang berjiwa perintis ini terus menghadapi pelajaran masing-masing dengan disulami bual-bual kecil yang mengusik hati. Suasana pertemuan mereka hidup bila Zaki berjenaka. Dan Mazni pula mudah tergelak dengan kata-kata lucu dari Zaki. Begitulah warna suasana pertemuan mingguan mereka sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sedang mereka asyik menulis, tiba-tiba terdengar satu tangisan yang kuat dari halaman rumah. Bisa benar bunyinya. Zaki dan Mazni menjengukkan muka di tingkap. Mereka terkejut. Adik-adik Zaki berkelahi.

“Raman …! Lepaskan Syam …! Lepaskan! Heh, lepaskan!” jerit Zaki. Raman yang diseru terus bergelut dengan Syamsul, adiknya tanpa menghiraukan pekikan daru abang sulungnya. Zaki radang. Mazni sama terjerit bila melihat Raman yang lebih besar dari Syamsul itu tertindih di bawah. “Raman! Lepaskan Syam! Lepaskan!”

“Heh … Raman!” tengking Zaki, kuat, dia geram melihat Raman yang berumur enam tahun yang terkenal nakalnya. Mendengar tengking yang kuat dan bernada keras, Raman melepaskan pelukan gagahnya. Syamsul berlari naik ke rumah dengan tangisnya mendapatkan Zaki.

Mazni terusik melihat lelehan air mata adik kecil Zaki yang dianggap seperti adiknya sendiri. Tapi kadang-kadang telatah adik-adik Zaki juga membuat dia gembira, kerana dia dibesarkan di dalam suasana yang lain dari suasana di rumah Zaki. Dia anak tunggal dan di rumah Encik Haris tempat dia dibesarkan juga tiada anak-anak kecil. Di rumah itu dia bermesra dengan adik-adik Zaki yang nakal dan manja. Dia merasa bahagia bila di tengah-tengah keluarga Zaki.

“Kenapa gaduh, hah? Kenapa?” sergah Zaki garang. Pura-pura. Dibesarkan mata yang sudah sedia bersinar-sinar itu.

Dua anak kecil ini terpinga-pinga, si Syamsul yang kalah dalam pergelutan itu masih mengesat-ngesat air mata. Sedih benar. Kasihan juga Mazni melihatnya. Tapi dia tersenyum bila mendengar jawapan Syamsul tergagap-gagap.

“Abang Raman … abang Raman yang mulakan!”

Raman selamba saja seperti tidak ada apa-apa yang penting didengarnya. “Kenapa boleh bergaduh?” tanya Zaki keras.

“Abang Raman ambil pedang Syam!” kata Syamsul sambil menangis.

“Mana pedangnya?”

Raman diam lagi. Matanya saja terbeliak menatap Zaki. Degil.

“Mana, Raman? Selalu garang dengan adik, ya?”

“Dah patah pun,” kata Raman selamba. Amat bersahaja.

“Kenapa main yang bukan-bukan, hah? Main pedang, main pistol, nak jadi samseng, ya?”

Raman yang degil itu tersenyum.

“Kita main-main saja. Kita main-main pedang. Macam samurai!” terang Raman ikhlas. Hatinya riang. Terbayang di matanya bagaimana pahlawan Jepun ini bermain pedang. Lincah.

Mazni dan Zaki berpandangan. Tersenyum. Geli hati.

Nani, adik Zaki yang perempuan berumur sepuluh tahun menghampiri mereka semua dengan dulang air di tangan. Senyum-senyum saja anak gadis kesayangan keluarga Zaki ini kerana Nani saja anak perempuan dalam adik-beradik tujuh orang.

“Tengok Kak Nani, dia baik. Abang sayang dengan dia. Tak suruh buat air, dia buatkan Abang dan Kak Maz air kopi. Raman dan Syam asyik bergaduh saja! Abang tak sayang orang nakal-nakal macam ni,” Zaki pura-pura serius.

“Kak Nani tu sukalah kena puji-puji tu,” sela Raman yang memang terkenal lincahnya.

Nani yang punya lesung pipit ini tersenyum saja sambil menghidangkan dua cawan kopi panas pada abang dan kakak kesayangannnya. Mazni juga turut tergelak mendengar selaan Raman.

“Raman dan Syam naj jadi orang baik tak?” Zaki mula berlembut.

“Nak,” jawab Syamsul pantas tanpa berfikir. Memang anak-anak suka dipuji.

“Nak,” Lambat saja Raman menjawab dengan ketawanya.

“Bagus! Hah, kalau nak jadi orang baik, pergi main jauh-jauh, jangan ganggu abang nak belajar. Main jauh-jauh sana tu! Bawak bola yang abang beli hari tu, pergi main dengan kawan-kawan dekat padang golf sana! Faham tak?” suruh Zaki.

Anak-anak yang mudah melupakan persengketaan bila sudah dipujuk ini patuh. Mereka riang semula. Berlari-lari ke tengah padang golf bermain bola.

Mazni tersenyum menatap muka hitam manis yang di hadapannya.

“Ada tokoh!” usik Mazni tiba-tiba.

“Tokoh apa?” Zaki keraguan. Tapi senyumnya bermain di bibir.

“Orang bakal doktorlah katakan,” puji Mazni sambil mengangkat

kening. Nakal.

Zaki terus ketawa. Kemudian tenang semula.

“Minumlah air tu, nanti sejuk pulak,” Zaki cuba mengubah persoalan. Dia tidak suka dipuji-puji begitu. Pujian itu terlalu awal baginya, kerana perjuangannya masih belum ke kemuncak yang diharap-harapkan. Masih jauh lagi. Peperiksaan tahun akhir itulah yang akan menentukannya. Berjaya atau kecewa.

“Anak-anak merajuk senang dipujuk, ya Zaki.”

“Senang.”

“Yang susahnya, orang tua! Heh, kalau orang tua merajuk parah.”

“Apa pula parahnya? Senang saja ubatnya,” tingkat Zaki.

“Apa ubatnya?”

“Beri dia cermin besar, biar ditengok muka orang yang merajuk-rajuk tu,” cadang Zaki.

“Hodoh benar muka orang tua merajuk.”

“Macam muka orang tak sudah,” sampuk Zaki pantas dengan ketawa.

“Melampau tu,” Mazni ketawa.

“Pulak tidaknya! *I* selalu tengok muka orang merajuk.”

Mazni terasa. Jari halus segera mencari tangan Zaki. Mencubit kuat. Zaki menjerit. Kemudian riuh dengan ketawa mereka berdua hinggakan nenek Zaki menjenguk ke luar. Ingin tahu.

“Kenapa?” tanya nenek tua tercemgamg-cengang.

Zaki dan Mazni berpandangan. Senyuman bertukar senyuman, tanpa menjawab apa-apa. Hatinya senang dengan peristiwa begitu. Nenek Zaki tertanya-tanya. Akhirnya nenek itu mengerti. Dan tentulah dia terkenang akan zaman muda-mudanya. Tentu!

Petang itu, sesampainya Mazni di belakang rumah batu dua tingkat ini sudah ada dua orang tamu dari sebelah-menyebelah rumah Encik Haris. Puan Mahani, isteri Encik Malik dan Puan Ainun, isteri Encik Mansur sedang berbual-bual sambil melihat ibunya mengetuk-ngetuk batu-bata di pondok bunga orkid di belakang rumah.

“Hai! Baru balik anak dara ni!” tegur Puan Ainun sambil ketawa kecil.

Mazni turut tersenyum. Entah senyum untuk apa dia sendiri tidak mengerti. Senyum pura-pura. Darahnya tersirap sebentar mendengar teguran dari Puan Ainun yang lain benar nada suara perempuan

separuh umur itu.

“Anak-anak dara zaman sekarang mana boleh balik siang-siang. Kalau tak maghrib, tak balik! Kita dulu … heh, tak menjamah berbuat begitu! Buatlah, kalau taj jeba pelupuh dengan emak bapa, entahlah!” tambah Puan Mahani pula. Berkerumut-kerumut bibir orang tua ini melahirkan perasaan. Ibu Mazni diam saja. Terus mengetuk-ngetuk batu dengan tenang. Telinganya mendengar saja dengan teliti.

“Kalau anak-anak sekarang dikawal ketat seperti dululah, entah apa akan jadi tak tahulah! Sedangkan diberi kebebasan dia masih mengatakan kita ni kolot, tak mengikut peredaran zaman. Katak bawah tempurung. Entah apa-apa lagi tuduhan mereka.”

“Anak gadis sekarang pantang ditegur, dimarah. Kalau dileter-leterkan, melawan. Kalau salah-salah gaya lari pulak,” cemuh Puan Mahani lebih panjang juih bibir perempuan separuh umur ini. Begitu jelek dia melihat kelakuan anak-anak gadis zaman sekarang. Mungkin termasuk anak gadisnya juga barangkali, fikir Bibah, ibu Mazni.

“Kau tak sekolah lagi, Mazni?” tanya Puan Ainun.

“Tidak,” lemah saja suara Mazni.

“Tak sekolah malam?”

“Belum lagi?”

“Ah, dah bekerja tu apa lagi nak sekolah,” sela Puan Mahani.

“Memang betul kata awak. Kami tahu anak kami saja. Konon-kononnya sambil kerja nak belajar lagi. Hmm … bila dah pegang duit, dah pandai berlagaklah. Lupa dengan buku-buku. Tak ada masa lagi.”

“Manalah mereka ada masa. Sibuk dengan berjalan, berparti. Parti itu parti ini … parti yang tidak sudah,” cebik Puan Mahani lagi. Meluat benar nampaknya.

Mazni yang mendengarnya tertegun. Berfikir. Mestikah dia bersuara menyatakan pendirian dan pendapatnya dalam soal kegelisahan ibu-ibu yang punya anak gadis di zaman serba bebas ini. Mestikah? Bergerak-gerak mulutnya mahu menjawab. Tapi hasrat itu berundur. Berundur bukan bererti mengalah atau takut menyuarakan kenyataan. Tapi berundur membisu kerana takut dituduh biadap melawan pendapat orang tua-tua yang memang terkenal banyak mulut. Dia sedar sendiri. Sedangkan ibunya tidak bersuara apa-apa mestikah dia menjawab tuduhan isteri-isteri orang bijak pandai ini?

“Tak juga semua anak-anak gadis berkelakuan begitu, Puan Mahani, Puan Ainun! Kalau kita asuh, kita didik dengan baik, dia tidak akan mengecewakan kita,” sampuk Mak Atun yang sedang mengelap meja

batu tidak jauh dari situ.

“Seratus payah satu yang berkelakuan baik, Atun!”

“Kau tengok sajalah anak-anak gadis zaman sekarang. Semuanya dah tak tahu beradab sopan. Liar. Kami tak mengata anak dara orang. Anak dara kami sendiri di rumah tu, begitu. Awak dengarlah tu … apa yang dibuatnya di rumah,” kata Puan Ainun terus terang.

Puan Mahani menoleh arah rumah Puan Ainun yang besar juga. Terdengar lantang muzik rancak melompat-lompat masuk ke telinga orang-orang yang sedang berbual kisah keruntuhan moral anak-anak gadis sekarang. Mak Atun, Puan Mahani tersenyum nipis.

Anak-anak dara sunti Puan Ainun sedang giat menari a-go-go disertai dengan irama rancak yang menegangkan urat saraf.

“Ditegur, dimarah, dia begitu juga. Terkinja-kinja tak tentu arah. Kononnya menari untuk majlis tari-menari sekolahnya.”

“Sekolah ada mengadakan tarian gila-gila tu?” tanya Puan Mahani.

“Hai! Nak memungut derma. Derma perpustakaan apa ke, saya pun tak reti ….”

“Bagus juga. Mereka menari ada tujuan baik,” Mak Atun bersuara lagi.

“Pertunjukan-pertunjukan lain tak ada ke?”

“Kalau meanri inang-inang ni dah tak laku lagi. Orang sukakan yang panas-panas, yang rancak-rancak. Kalau tak begitu tak dapat duit pulak. Ikut zaman kata orang.”

“Ya juga tu ….”

“Tapi tulah yang kesalnya! Anak Melayu terkinja-kinja menari ke sana ke mari mencari wang untuk perpustakaan, anak-anak bangsa asing senang-senang membaca buku-buku itu. Anak kita tak suka membaca, cuma suka menari, membuang masa, berlagak,” cela Puan Mahani lagi.

Sakit telinga Mazni mendengarnya. Bibirnya bergerak-gerak lagi. Mahu dia mengatakan bukan semua moral gadis kota begitu. Bukan semua sikap gadis sekarang liar dan ganas. Banyak juga yang ada sifat berbudi tinggi. Tekun belajar, punya cita-cita tinggi. Jangan menganggap anak-anak gadis sesuka hati, ikut sedap mulut saja! Tapi sayang, pendapat dan suara hati yang bersifat pembela ini dibendung perasaan malu dan takut. Takut dianggap biadap oleh perempuan yang sedang hangat dengan perbincangan tidak rasmi ini.

“Apa yang dibualkan tu?” tegur Puan Rohana tiba-tiba. Dia baru saja sampai ke rumah dari hospital.

“Tak ada, cerita kisah anak dara zaman sekarang!” terang Puan Mahani. Puan Ainun tersenyum sumbing.

“Oh ….”

“Awak yang senang hati sekarang, Puan Rohana. Tak ada anak besar. Tak ada apa yang dibimbangkan lagi.”

“Tidak juga, lelaki perempuan sama saja sekarang. Bimbang juga hati tu,” jelas Puan Rohana sambil meletakkan punggung besar yang kaya dengan daging pejal itu.

“Kata orang biar menjaga lembu sekandang, lebih senang, dari mendidik anak perempuan seorang! Hati tak pernah senang dibuatnya,” keluh Puan Ainun sungguh-sungguh.

‘Anggapan melulu!’ bisik hati Mazni.

‘Masakan serendah itu sifat anak gadis. Bukan mereka tidak ada otak, tak ada perasaan. Tak boleh diajar, dididik, dinasihat, dan ditegur dengan baik! Kalau sungguh mahu melihat anak-anak jadi manusia yang berguna, yang berperibadi tinggi, bukan duduk-duduk mengata, mencela yang bukan-bukan. Baik fikirkan tenang-tenang bagaimana mahu mendidik anak sendiri tu, bukan mengeluh tidak tentu fasal,’ kata hati kecil Mazni. Dia memberontak sendiri. Geram.

Azan maghrib dari Masjid Mahkota terdengar lantang.

Puan Mahani dan Puan Ainun meminta diri. Mak Atun, Puan Rohana masuk ke dalam. Mazni memimpin ibunya masuk ke bilik belakang yang tidak jauh dari situ dengan satu perasaan yang menendang-nendang di dinding hati. Kesal dan geram.

‘Tidak mengapa, ini satu cabaran. Aku akan membuktikan pada mereka semua bahawa bukan semua anak gadis sekarang bersikap rendah begitu. Bukan!’ Mazni memekik di dalam hati.

BAB 10

Sebulan sudah Karim terlantar di hospital. Dan sebulan jugalah dia menjalani hidup yang serba menyeksa. Jiwanya terseksa. Hatinya terseksa. Matanya terseksa. Segala-galanya terseksa. Tidak ada sesuatu pun yang dapat menghiburkan, mententeramkan hati anak muda yang terlantar di katil nombor sebelas itu. Tak ada. Layanan yang baik dari doktor, senyuman yang manis dari para jururawat pun dirasanya menyeksa batinnya. Batin anak muda yang rindu pada dunia luar yang serba bebas, serba lincah. Dia benar-benar rindu.

“Apa, inikah perasaan setiap pesakit-pesakit di hospital ini?” Karim bertanya sendiri. “Ah, alangkah seksanya!” keluh Karim setiap hari. Dua puluh empat jam itu ditempuhnya dengan rasa yang resah gelisah. Dua puluh empat jam dirasakan dua puluh empat hari lamanya. Tidak ada sesuatu pun yang dapat dibanggakan selama di hospital itu. Masa terluang itu dihabiskan dengan keluhan dan menungan yang berpanjangan. Itu saja. Membaca pun dia tidak gemar. Hatinya selalu digodak perasaan resah gelisah yang tidak menentu. Pernah dia bertanya pada dirinya sendiri: ‘Kenapa aku gelisah begini? Aku akan baik. Baik seperti dulu kala!’ Pujuknya sendiri. Tapi sayang, perasaan gelisah yang mula sebati pada anak muda yang terlantar kesepian ini susah dihilangkan. Perasaan mengatasi fikiran. Dan yang anehnya bila dia sudah dirasuk perasaan bimbang, dia mahu melarikan diri dari dunia yang serba mengongkong ini. Tapi apakan daya. Jalannya pun belum betul. Lututnya masih berbalut erat. Pantang berenjut sedikit sudah terasa bisanya hingga ke tulang hitam. Tangannya masih bersimen berat. Hodoh benar dilihat. Mengenangkan itu, hatinya sayu. Jiwanya luka parah. Keadaan kesihatannya sekarang benar-benar menyeksa batinnya. Pemuda yang selalu gagah, berwajah segar dan berseri-seri itu kini sudah pucat layu. Badan yang dulunya tegap dan tampan kini semakin kerus tidak bermaya.

Petang Sabtu itu dia berbaring resah di katil empuk yang dirasanya seperti duri-duri lalang yang tajam mencucuk-cucuk tulang belakangnya. Angin lembut dari Selat Tebrau yang menyegarkan itu dirasanya hangat. Tidak dapat mententeramkan hatinya yang rindu pada dunia mudanya yang serba lincah itu. Dia rindu pada kawan yang selalu bergurau-senda, bergelak ketawa. Dia rindu pada senyuman para gadisnya yang silih berganti. Dia rindu pada tangan halus yang selalu merangkulnya setiap malam. Dia rindu … dan rindu …

Karim selalu mengingati teman-teman wanitanya. Tapi teman-teman

ini tidak pernah terkenang pada pemuda malang ini. Mereka lupa. Mereka sibuk. Sibuk dengan rancangan masing-masing dalam memburu keseronokan hidup mudanya. Dan dalam kesibukan itulah mereka terlupa pada pemuda yang suatu masa dulu disanjung, dipuja malah nama jurutera muda ini selalu bermain di bibir mereka.

“Begitulah keadaan manusia,” kata Puan Rohana ketika Karim melahirkan kesalnya akan sikap teman-temannya pada ibunya di suatu petang.

Masa melawat sudah dibuka. Ramai sudah saudara-mara pesakit-pesakit yang datang mengunjungi kaum keluarga mereka yang kurang bernasib baik. Mereka datang menjengukkan muka tanda simpati. Mereka datang tanda kasih sayang masih terletak di hati. Mereka datang untuk menghiburkan hati para pesakit yang malang agar tidak kesepian dan merasa jauh hati. Mereka datang dan datang setiap hari. Tapi apa halnya dengan nasib Karim? Tidak ada teman-teman wanitanya yang menunjukkan muka. Hinggakan Aziah, anak Encik Malik di sebelah rumah pun tidak mempedulikannya.

Karim memejamkan mata, tidak tidur. Saja berkhayal-khayal mencari ketenangan hati. Dan saja mahu mengelakkan diri dari keriuhan dan bualan manusia sekeliling. Pesakit di kiri kanannya sudah ada pelawatnya. Dia yang di tengah-tengah itu kesepian. Ibu dan ayahnya yang menjadi pelawat tetapnya belum nampak bayangnya. Karim terus mematikan diri, memejamkan mata seperti orang tidur nyenyak, tapi sebenarnya hati dan otak berfikir, berjalan ke sana ke mari, mencari, memburu kebahagiaan di hati.

“Bang, Mazni datang,” tanya Mazni lembut. Karim terkejut. Matanya terbuka mencari-cari manusia yang menyapanya.

“Abang demam?” tanya Mazni lagi. Begitu senang telinga Karim mendengar panggilan “abang” dari gadis bermata kuyu ini. Tapi pada Mazni biasa saja. Panggilan yang sudah sebati dengannya. Panggilan yang sudah diajar dari kecil dari Puan Rohana sendiri. Panggilan yang tidak punya erti apa-apa selain dari berbahasa. Berbahasa kerana dia muda dari Karim. Karim berumur dua puluh lapan kini, sedangkan Mazni masuk lapan belas tahun setengah. Memang manis gadis ini memanggil Karim abang. Kena jarak umurnya.

Karim tersenyum. Mazni senyum juga. Senyum kasih dari keluarga. Keluarga serumah, bukan sekeluarga sedarah pada Mazni.

“Mak dan ayah mana?” tanya Karim dari pembaringannya.

“Mak encik dan pak encik tak dapat datang.”

“Kenapa?”

“Ada tamu dari Pahang di rumah.”

“Siapa?”

“Encik Muluk.”

Mendengar nama Encik Muluk, Karim tidak betanya lanjut lagi. Dia kenal benar dengan manusia yang bernama Muluk itu. Dia pengarah syarikat kayu balak juga, sama seperti ayahnya.

“Apa yang kau bawa, Mazni?”

“Puding jagung dengan ayam goreng,” terang Mazni sambil meletakkan mangkuk tingkat itu di meja kecil sebelah katil Karim.

“Ayam goreng,” ulang Karim pula sambil tersenyum puas. Mazni sama tersenyum. Gembira hatinya melihat si sakit terhibur. Dia tahu ayam goreng ialah lauk kegemaran anak muda ini.

Sunyi seketika.

Mazni melemparkan pandangannya kepada pesakit-pesakit lain yang dikerumuni oleh keluarga-keluarga mereka. Karim yang terbaring di katil bujang itu mengambil kesempatan melihat wajah bujur sirih ini puas-puas. Lama dia merenung muka anak gadis ini tanpa berkelip-kelip. ‘Cantik!’ kata hati kecilnya.

Memang Mazni gadis yang punya kecantikan yang tersendiri. Kulitnya putih kuning dan halus lembut. Matanya kuyu begitu mengharap! Bulu matanya panjang dan lentik. Indah! Rambutnya hitam panjang hingga ke bahu. Bibirnya kecil selalu basah dan merah tanpa *lipstick*. Badannya? Ah, menarik hati. Kurus lampai kena untuk semua fesyen yang dipakai. Tapi gadis serba sederhana ini hanya biasa memakai baju kurung saja. Baju kelambu, kata sesetengah anak muda sekarang.

Mazni tidak peduli dengan ejekan kawan-kawannya. Dia tetap dengan pendiriannya. Berbaju kurung, baju kebangsaannya. Namun, berbaju longgar yang tidak menampakkan bentuk badan itu pun masih memberahikan setiap mata yang memandang.

“Kenapa termenung?” tegur Karim.

Mazni yang duduk di hujung katil itu tersentak, kemudian merenung Karim dengan wajah yang suram tiba-tiba.

“Kenapa?”

“Maz ngeri menengokkan muka orang sakit di sana tu. Kenapa agaknya sampai begitu teruk mukanya,” Mazni keharuan.

Karim tersenyum, kemudian bersuara.

“Kau baru datang sekejap dah takut dan ngeri melihat muka-muka manusia yang berbagai-bagai bentuk itu. Apalagi abang yang dah

sebulan di tempat kurungan ini, lagi terseksa, Maz!" Karim melahirkan perasaan deritanya.

"Sabarlah bang. Maz tahu bagaimana sengsaranya hati menghadapi hidup di hospital ini. Bersabarlah, tak lama lagi abang akan baik dan boleh balik ke rumah semula. Banyak-banyak bersabarlah, bang!" nasihat Mazni separuh memujuk.

Karim tenang saja mendengar kalimah-kalimah yang halus lembut masuk ke lubang telinganya. Senang hatinya mendengar suara yang lemah lembut itu. Tentunya nasihat itu lahir dari hati yang benar-benar ikhlas, benar-benar luhur, bukan pura-pura.

"Maz, tolong betulkan bantal di belakang abang ni! Abang nak duduk," suruh Karim.

Mazni segera bangun dan menyendalkan bantal besar itu di belakang anak muda ini. Karim duduk menghadap Mazni yang duduk di hujung kakinya. Direnungnya muka bujur sirih ini lagi. Ditatapnya mata kuyu itu puas-puas. Terasa damainya di kelopak hati anak muda ini. Lebih-lebih lagi bila dia mendengar suara Mazni yang lembut dan gerak-geri yang sopan-santun itu. Terasa benar keistimewaan yang ada pada gadis anak bekas orang gajinya ini. Anak orang gaji yang selama ini tidak diendahkannya.

Tetapi sejak akhir-akhir ini, dilihatnya wajah anak gadis belakang rumahnya ini sudah berubah. Mungkin kerana dia sudah bekerja. Sudah pandai bergaya dan bersolek serba sedikit, tidak lagi dengan uniform sekolahnya itu, fikir Karim, anak muda yang rindukan kasih dari seorang teman. Anak muda yang dahagakan kemesraan dan kasih sayang.

"Abang nak puding jagung tu? Boleh Maz keluarkan," kata Mazni ikhlas. Memang dia benar-benar mahu menolong anak tuan rumahnya itu. Dia cukup pandai melayan kehendak anak tuan rumahnya yang agak cerewet juga tentang makan minum.

"Biarkanlah dulu. Nanti kalau nak, abang minta. Err … ambil papan catur tu, Maz. Kita main, dapat sekali *round* jadilah!" Karim menyuruh Mazni. Mazni bangun pantas, kemudian meletakkan papan yang berkotak-kotak itu di atas bantal dihadap oleh mereka berdua. Mereka mula mengatur buah-buah kecil di papan catur. Mereka bermain sambil berbual-bual. Begitulah Mazni menghabiskan masa pertemuan itu. Karim tidak pernah melepaskan peluang bermain catur dengan gadis berotak cerdas ini. Mereka bermain untuk menghiburkan hati.

Petang itu, Karim main sungguh-sungguh. Bermain dalam suasana gembira. Buah terakhir dimenangi oleh Mazni. Karim ketawa puas.

“Kalah lagi abang kali ini! Boleh tahan juga kau, ya!”

Mazni tersenyum saja. Bibir basah itu benar-benar mengukir sebuah senyuman yang indah dari kegembiraan hati gadis jelita ini. Karim terhibur.

“Apa hadiahnya, Maz?” tanya Karim senang.

“Hadiah apa pulak?” jawab Mazni ikhlas.

“Asal hati abang terhibur sudahlah. Maz tak usah kira,” tambah gadis ini lagi.

Sekali lagi Karim senyum puas. Kelopak hatinya berbunga kasih, berbuah sayang yang melimpah-limpah.

“Kita main lagi,” ajak Karim sambil mengumpulkan buah-buah catur.

“Maz suka main lagi. Tapi, hari dah petang ni. Masa melawat dah tinggal sikit. Macam mana, bang? Hmm … lain kali kita main lagi. Maz balik dulu.”

“Apa nak rebut-rebut balik, duduklah dulu,” suara itu benar-benar meminta, mengharap.

“Bukan begitu. Maz ada kelas malam ni,” jelas Mazni terang. Suara itu perlahan saja keluarnya. Dia takut Karim kecil hati. Atau naik radang. Maklumlah orang sakit, mudah berjauh hati.

“Kelas apa pula? Kan Maz dah bekerja!” Karim hairan.

“Memang benar. Tapi Maz sekolah malam, baru dua malam Maz masuk. Nak masuk periksa *form six* tahun ini.”

“Hai! Dah kerja nak ambil juga!”

“Terlanjur ada peluang.”

“Hah! Baliklah, tapi esok jangan lupa datang, tahu!” pesan Karim sungguh-sungguh.

“Besok?” tanya Mazni.

“Ya, esok. Kenapa, kerja?”

“Tidak.”

“Esok hari Ahad. Mana ada bank buka hari Ahad. Bank belakang buka, ya Maz?” kata Karim sambil ketawa kecil. Sempat juga dia bergurau. Mazni yang faham akan maksud “bank belakang” itu turut tersenyum. Kemudian pecah ketawa kecil. Terkekek-kekek dia menahan geli di hati. Dua orang jururawat muda yang tidak jauh dari katil Karim itu menjeling-jeling tajam. Iri hati!

“Maz, tolong alihkan bantal di belakang ni!” pinta Karim.

Mazni yang sedia berkhidmat untuk anak tuan rumahnya, patuh. Dengan hati-hati tangan kanannya menarik bantal penyendal belakang. Dan tangan kirinya mengampu belakang pemuda lemah ini dengan cermat. Senang hati Karim menerima layanan yang serba lemah-lembut itu. Mahu dia menyuruh Mazni menemaninya di hospital itu.

“Esok datang, ya!” ulang Karim mengharap. Matanya merenung gadis yang manis ini. Senyumnya terukir segera.

Mazni tersenyum saja tidak menjawab. Sungguh payah dia hendak menunaikan permintaan Karim.

“Jangan lupa, tahu!” pesan Karim lagi.

“Insya-Allah,” jawab Mazni sepatah.

“Tak mahu insya-Allah! Katakan Maz datang esok!” Karim mengajar Mazni seperti anak-anak. Mazni tersenyum saja melihat telatah jurutera muda yang dahagakan kasih dan rindukan kawan dan teman ini.

“Mesti datang esok.”

“Ya, kalau tak aral.”

“Aral apa pula?”

“Manalah tahu ….”

Karim tersenyum. ‘Ya juga,’ kata hati kecilnya.

Sedangkan Mazni kuat mengatakan yang dia tidak datang esok. Esok Mazni akan ke Kota Tinggi sebagaimana yang sudah dirancangkan oleh teman baiknya, Zaki. Gadis ini tidak akan melepaskan peluang istimewa ini. ‘Tidak!’ Bisik hatinya.

Karim menghantar gadis yang mula mendapat tempat di hatinya dengan satu pandangan yang tajam, penuh harapan.

Mazni sudah lama ditelan dinding-dinding batu hospital yang indah ini. Tapi Karim masih tersenyum puas melayan hati mudanya yang mula berbunga. Hidupnya mula bernyawa.

BAB 11

Tengah hari itu, Karim gelisah menanti. Matanya ligat memerhatikan pelawat-pelawat yang datang berkunjung itu. Tapi sayang … tak usahkan Mazni yang datang, bayangnya pun tak nampak. Karim menanti lagi. Menanti dengan perasaan yang diamuk resah gelisah. Memang begitulah adat orang menanti, sejam dirasakan sehari, sehari dirasakan seminggu. Betapa deritanya orang yang menanti ini!

Karim memanjang-manjangkan lehernya lagi. Mencari-cari. 'Apa pulak aralnya?' fikir pemuda malang ini.

Sebenarnya orang yang ditunggu-tunggu, yang dinanti-nantikan oleh pemuda lemah ini sedang berada jauh dari bandar Tanjung Puteri. Mazni dan Zaki sedang berehat-rehat di tepian air terjun yang terkenal di Kota Tinggi. Dua teruna dan dara ni asyik berbual-bual, berbincang, bergurau di dalam suasana riang gembira sambil menyedut udara bukit yang bersih dan melihat-lihat pandangan alam semula jadi yang indah itu. Mereka gembira. Benar-benar gembira.

"Sesekali otak ini perlu juga rehatnya, ya Maz?" kata Zaki sambil membaling batu-batu kecil ke dalam limpahan air terjun yang turun deras itu.

"Tentu! Otak yang sudah teruk menghadapi pelajaran yang berat-berat tu perlu dijamu dengan pandangan-pandangan yang indah, suasana yang aman tenteram seperti ini. Macam jentera, kalau digunakan selalu tanpa berhenti-henti tentu rosak, kan?" katanya sambil melemparkan batu-batu kecil ke limpahan air terjun.

"Kau suka dengan suasana begini, Maz?" tanya Zaki lembut.

"Suka."

"Kau bahagia dengan suasana begini?"

"Tentu."

"Kau ganjil."

"Tidak."

"Kau lain dari yang lain."

"Memang aku lain dari yang lain. Baik, kenapa kau kata aku ganjil? Apa ganjilnya, cuba kau terangkan," pinta Mazni serius.

Zaki tersenyum.

"Banyak gadis zaman ini tidak berasa bahagia dengan suasana begini. Mereka tak senang mendengar deru air terjun, mendengar cengkerik

di hutan tu. Mereka senang, kalau mendengar muzik di kelab malam yang mengkhayalkan, atau menikmati lagu-lagu rancak yang menegangkan urat saraf."

"Itu mereka. Tapi aku adalah aku," sampuk Mazni senang.

"Hah, itulah aku kata kau lain dari yang lain."

Mazni merenung muka hitam manis berambut lurus kejang ini tepat-tepat, kemudian bersuara.

"Zaki, kebahagiaan dan rasa damai di hati seseorang tu tak sama. Kerana setiap manusia tu punya pendapat, perasaan, dan selera yang tersendiri. Jadi, soal ragam manusia itu tak usah kita pelikkan. Perkara biasa. Biarkanlah mereka, asal mereka fikir itu bahagia bagi mereka. Tapi, bagiku bahagia itu bukan letak pada kelab malam, pada kereta besar menjalar, pada rumah batu empat tingkat. Bukan! Kebahagiaan tu letaknya di hati, di hati ni, Zaki," suara itu begitu yakin dan tegas.

Zaki yang memasang telinga itu terpegun, kemudian tersenyum. Nampak gigi-gigi putih siswa muda ini.

"Kau ni bijak, Maz. Aku suka melihat manusia yang punya konsep hidup yang tersendiri dan tegas, tidak main ikut-ikut saja. Dan pendapat kau selalu segar dan radikal pada aku. Memang ada tokoh menjadi siswa yang berjaya, Maz!" puji Zaki ikhlas.

"Ah, tak usahlah nak puji-puji. Matlamat yang hendak dituju masih jauh, Zaki! Cita-cita dan semangat saja tinggi membumbung, tapi wang tak ada, takkan berjaya. Wang juga perlu dalam mencapai cita-cita. *You* tengok sajalah, berapa banyak pelajar-pelajar bangsa kita yang terkandas untuk masuk ke universiti kerana tak mampu."

"Benar kata kau, Maz. Tapi semangat yang teguh itu juga perlu, kerana kalau semangat sudah kuat, segala yang menghalang dapat diterima dengan tenang dan masih boleh berusaha untuk meneruskan cita-cita, macam puteri kita ni," usik Zaki sambil menjeling tajam ke arah Mazni. Mazni mengerti.

"Ah, usahlah dibanggakan sangat, Zaki. *I* takut kalau pujian dan sanjungan yang terlalu tinggi itu akan melupakan *I* akan tanggungjawab pada pelajaran *I*. Takut lemas sendiri nanti," terang Mazni separuh berjenaka.

"Pujian yang ikhlas *you* tak mahu terima?"

"Terima! Tapi, belum masanya lagi barangkali."

"Bila agaknya?"

"Nantilah bila *I* dah pakai baju labuh, topi empat segi. Sekarang *I*

belum sanggup menerima sanjungan *you* tu."

"Oh, begitu! Jadi, *I* simpanlah dulu," tambah Zaki sambil ketawa. Geli hati. Mazni juga sama ketawa.

"*I* tak mahu jadi mangsa pujian yang muluk-muluk. Harga diri tu tinggi nilainya, tuan doktor!" usik Mazni.

Zaki menyengih saja. Memang begitulah setiap pertemuan dua teruna dara yang terpelajar ini. Berbual, berbincang, bergurau, ketawa, marah, dan rajuk tidak lepas dari suasana hidup mereka.

Pukul tiga petang baru Mazni dan Zaki beredar dari tepian air terjun yang indah itu. Mereka pulang dengan hati yang senang dan fikiran yang lapang. Mereka benar-benar gembira berkunjung ke Kota Tinggi ini. Mungkinkah dia akan ke tepian nan indah ini lagi? Keadaan saja yang akan menentukannya. Maklum sajalah. Zaki selalu sibuk dengan pelajarannya, begitu juga Mazni.

"Bila kita akan ke sini lagi, Zaki?" tanya Mazni. Begitu ralat dia mahu meninggalkan tempat yang indah ini.

"Kalau ada jodoh kita pergi, sampailah lagi kita ke sini!" Zaki berlawak. Mazni ketawa lagi.

"*You* kalau bercakap ada-ada saja yang nak menggelikan hati."

"Hai! Kalau serius sepanjang hidup, hilanglah keindahan hidup, Maz. Muka pun lekaslah berkedut. Kalau dah berkedut begini, siapa yang sudi!" merendah saja suara siswa muda ini. Sengaja.

"*I* tak mahu, kalau dah berkedut begitu."

"Hah, kan dah betul! Dah ada orang yang mengatakan tak sudi. Itu sebab kita mesti selalu riang, Maz."

"Riang dalam segala hal."

"Taklah begitu! Selalu riang bukanlah bermakna kita terlalu mudah menghadapi hidup. Masa serius kita serius. Masa gembira kita gembira. Masa ketawa kita ketawa. Masa menangis kita menangis."

"Oh … begitu pendapat tuan doktor?"

"Konon-kononnya pendapat anak muda berjiwa dinamis. Anak muda berhati lebar, berfikiran luas bertenaga gajah."

"Bernafsu ganas," sampuk Mazni pantas.

Kedua-dua mereka ketawa.

"Taklah begitu. Yang ganas tu ganas juga. Kata orang, keturunan buaya. naga. Yang tidak tu, tidak juga, jangan pukul rata, cik adik!" amaran Zaki. Mazni tersenyum saja.

“Kena batang hidung, tahu mengelak, ya? *I* tahulah hidup siswa-siswa macam *you* ni. Tak usah nak bodek! Sama, dua kali lima dengan pemburu-pemburu yang di luar kampus! Setiap malam minggu ada parti. Setiap malam boleh ambil angin di sekitar asrama. Setiap malam boleh …,” kalimah itu mati di situ.

“Boleh apa?”

“Entah?” Mazni ketawa.

“Tak padan juga, ya!!! Pandai mengomel!” gertak Zaki.

“Pandai!” kata puteri berdarah panas, berjiwa dinamis. “Tahu segala sepak terajang manusia,” Mazni tidak mengalah.

“Wah, wah! Bijak anak emak nan seorang ni, ya?”

“Hai! Orang pergi sekolah.” Mazni menyambut seperti kilat sambil ketawa kecil.

“Ya, yalah …,” Zaki juga geli hati.

Usik-mengusik, senyum tawa dua teruna dara ini berpanjangan hinggalah ke simpang jalan masuk ke Jalan Kenangan, stesen terakhir setiap kali bertemu.

Berlalu sudah satu pertemuan yang gembira untuk Zaki dan Mazni. Di hati mereka masih mengharap, minggu hadapan bertemu lagi.

Bertemu dan bertemu tanpa jemu!

Belum sempat Mazni meletakkan beg berkelahnya itu, ibunya sudah menyapa.

“Kenapa lambat benar balik, Maz?” suara ibu tua ini penuh cemas. Mazni terkejut.

“Kenapa, mak? Mak sakit?” Mazni bimbang. Bimbang benar-benar. Kerana baru seminggu dua inilah ibunya sihat sedikit.

“Tidak,” lemah saja suara itu. Mazni menanti cemas.

“Syukurlah! Ingatkan mak sakit,” lapang rasa dada. Mazni membuka baju kerana terlalu rimas.

“Mak encik kau dah gaduh kenapa kau balik lambat,” tambah ibu.

“Kenapa?” Mazni tersentak lagi.

“Karim nak jumpa kau katanya.”

“Abang Karim nak jumpa?” Mazni kehairanan.

“Ya, Abang Karim kau nak jumpa kau,” sampuk Puan Rohana yang

tiba-tiba saja terjengul di muka pintu biliknya. Mazni menoleh penuh tanda tanya.

“Dari tadi dia tanyakan kau. Petang ni tanya lagi, dah balik ke belum kau dari Kota Tinggu tu. Aku katakan belum. Kalau balik dia nak jumpa. Entah apa yang dia hendak,” tinggi sedikit suara Puan Rohana di akhir kalimah.

“Dah, pergilah lekas, Maz,” kerah Bibah yang terlalu hormat kepada tuan rumah anak-beranak ini. Memang itu sikap Bibah. Kerja tuan rumah, kepentingan tuan rumah mesti didahulukan. ‘Adat orang menumpang,’ kata hati kecilnya.

“Hah, marilah!” ajak Puan Rohana.

“Nanti dulu, mak encik, saya tukar baju.”

“Ah, tak payahlah, bukannya nak ke mana! Karim ada di atas tu.”

“Abang Karim ada di atas?” terkejut besar Mazni mendengarnya.

“Ha’ah, dia dah balik.”

“Dah balik betul ke?” Mazni masih tidak mengerti.

“Belum, tapi sengaja minta balik. Doktor tak benarkan. Tapi dia berkeras mahu balik.”

Mazni terdiam mendengarkan penjelasan dari ibu Karim itu. Hatinya cemas. Kenapa Karim balik tiba-tiba saja ni? Apakah yang dia mahu darinya? Apa mustahaknya mahu berjumpa dengan aku? Bertalu-talu soalan itu menerpa dinding-dinding kepalanya. Soalan itu belum boleh dijawab. Mazni naik ke rumah besar. Kemudian mendaki tangga tingkat atas rumah besar ini membuntuti punggung yang berdaging pejal ini. Hatinya cemas. Bimbang.

Sesampainya Mazni di atas ternampak Karim sedang berbaring di kerusi malas menghala ke Selat Tebrau yang indah itu. Mendengar tapak kaki manusia kedua ini Karim menoleh ke belakang, kemudian merenung ke hadapan semula. Puan Rohana menghampiri anak bongsu yang telah besar panjang ini sambil menarik bangku di situ dan duduk. “Duduk, Mazni,” suruh mak enciknya. Mazni patuh.

Mazni diam saja. Tidak ada kalimah-kalimah yang dapat dikeluarkan, seperti dia baru bertemu dengan anak muda yang tersandar kemas di kerusi malas itu. Dia sudah selalu bertemu, sudah selalu berbual-bual, tapi berbual dan bertemu di tingkat atas ini belum pernah terjadi. Belum, inilah pertama kalinya. Malah memang Mazni jarang-jarang naik ke tingkat atas ini melainkan kalau disuruh oleh mak enciknya mengambil sesuatu.

Mazni dibalut kebimbangan yang sukar dimengertikannya. Puan

Rohana bersuara.

“Hah, ni Mazni! Apa yang nak dicakapkan?” tegas saja suara perempuan separuh umur ini.

Mazni menanti, tertanya-tanya seperti budak bodoh ditatap guru. Hatinya semakin cemas. Degap-degup jantungnya. Air mukanya entah bagaimana, fikir Mazni. Tapi dia cuba bertenang seperti tidak ada apa-apa kocakan di hati, setenang Selat Tebrau di petang itu, kalau boleh.

Puan Rohana menanti anak mudanya bersuara. Karim yang bersandar senang itu tenang saja kelihatan meskipun hatinya bergolak dengan berbagai-bagai persoalan yang lama dan baru timbul.

“Bila balik?” tanya Karim perlahan.

“Baru sebentar,” Mazni menjawab penuh hormat.

“Dengan siapa ke Kota Tinggi?” tanya Karim lagi. Entah mengapa soalan itu keluar, dia sendiri tidak mengerti. Dia tahu, dia tidak harus menyoal begitu. Itu soal peribadi orang.

Mazni yang begitu keberatan berterus terang terpaksa berbohong. “Pergi dengan kawan sekolah.”

“Kenapa abang balik?” Mazni mula bernyawa, walau jantungnya masih bergerak deras, cemasnya belum hilang lagi.

“Tak ada apa.”

“Dah baik betul ke?”

“Belum! Saja abang minta izin dari doktor.”

“Boleh pula minta-minta begitu.”

“Kalau dah berkeras Karim nak balik, terpaksa juga dibenarkan,” sampuk Puan Rohana.

“Dah lama sangat di hospital. Bosan dengan suasana-suasana yang serba mengongkong, lagipun sakit luka ini bukan menjangkit, sakit luar, boleh diubat di rumah saja.”

Mazni mendengar saja dengan teliti. Puan Rohana juga membisu.

“Lagipun kalau di rumah ni dapat juga bergerak-gerak, membaca, mengkaji pelajaran yang lama tu. Di rumah lebih selesa, lebih tenteram,” tambah Karim lagi.

‘Benar juga,’ kata hati kecil Mazni. Pesakit-pesakit perlukan kerehatan dan ketenteraman hati yang cukup. Kerana ketenangan hati, satu dari ubat yang dapat menolong menyembuhkan penyakit.

Mazni diam lagi, tidak ada modal untuk dibualkan petang ini.

Lidahnya begitu kelu dirasanya untuk bersuara. Malu pun ada untuk membuka mulut berbual di hadapan orang tua ini. Bimbang pun ada. Takut dikata mengada-ngada. Anak dara keletah, anak dara lincah.

Karim juga kurang senang melihat ibunya tersandar di kerusi di sisinya itu. Duduk jadi penunggu mereka berdua. Anak muda ini juga mati akal.

Sunyi seketika. Angin petang bertiup lembut menepis-nepis kulit mereka yang berada di beranda tingkat atas. Selat Tebrau tenang menghampar. Kelihatan ada perahu-perahu kecil yang pulang dari laut lepas. Mazni dan Karim memerhatikannya tanpa bersuara.

Tiba-tiba Karim berkata, “Ambilkan buku tebal di meja dalam tu Maz! Ada *problem* yang abang dah lupa. Abang nak minta tunjuk dengan Maz. Maz tentu dapat selesaikan.”

Mazni bangun tanpa soal lagi. Pergi ke dalam, kemudian membawa buku berwarna merah. Tebal buku itu. Buku apa Mazni kurang cam. Mazni menghulurkan pada Karim. Karim menyambut dengan tangan kanannya. Tangan kiri terdiri keras bersimen.

Buku tebal itu dibukanya sebelah tangan. Kemudian dia mencapai kertas dan pen yang tidak jauh dari kerusi malas itu. Kertas itu digaris-garisnya empat persegi kemudian ada anak panah di sana-sini. Teliti benar Karim menulis itu. Sungguh-sungguh. Mazni dan Puan Rohana memerhatikannya saja.

Kemudian dia bersuara.

“Maz tengok rajah aku ni, betul tak?”

Kertas itu tidak dihulurkannya kepada Mazni. Mazni terpaksa bangun menghampiri anak muda ini melihat kertas putih yang sudah bergaris dengan tidak menentu itu. Mazni tercengang-cengang melihat rajah yang ditunjukkan Karim.

“Kau faham, Maz? Aku dah lupa *problem* ni. Betul ke?” tanya Karim serius. Tangannya menunjukkan ke arah satu tulisan di kertas putih itu, “*Don’t go away!*”

“Kau faham ini?” tanya Karim lagi.

Mazni semakin tidak mengerti akan sikap Karim petang ini. Apa maksud dia menulis begitu. Kemudian dia berbual di dalam bahasa Inggeris. Berbincang mengenai rajah palsu itu secara serius. Puan Rohana yang tidak jauh dari situ memerhatikan saja dengan tenang. Dia percaya Karim, anaknya benar-benar berbincang hal pelajaran yang sudah dilupainya itu. Dia bangga. Kemudian terfikir juga di hati perempuan berbadan rendang ini, kenapa aku mesti selalu jahat sangka yang bukan-bukan. Mazni, anak orang gaji takkanlah dia

berlaku tak senonoh. Dan Karim, anaknya takkan tergamak berbuat apa-apa yang tidak manis pada anak orang gajinya. Dia merasa bosan mendengar mereka bercakap orang putih yang tidak difahaminya itu.

“Hmm, aku turunlah dulu, Karim, Mazni. Berbincanglah, jangan berbual-bual kosong yang tidak berfaedah,” pesan Puan Rohana. Tegas saja suara itu. Memang ibu ini selalu keras di dalam segala hal. Tidak boleh berlaku biadap padanya — pantang nenek-moyangnya. Dia seorang yang masih berpegang teguh pada adat dan melihat taraf dan keturunannya yang agak terbilang juga di bandar Tanjung Puteri ini tentang harta dan pangkat.

Puan Rohana terkedek-kedek menuju tangga ke bawah. Karim menghantarnya dengan satu pandangan yang tajam.

Perempuan tua ini benar-benar sudah sampai di tingkat bawah. Lapang dada Karim. Dia tidak senang bercakap di hadapan perempuan yang begitu berdisiplin ini.

“Apa maknanya ni, bang?” Mazni keraguan. Benar-benar tidak mengerti akan perubahan sikap jurutera muda yang selama ini tidak pernah bermain teka-teki ini.

“Abang memang sengaja buat begitu. Biarkan mak tu turun. Maz pelik ya?” tanya Karim sambil ketawa geli hati mengenangkan peristiwa yang baru berlaku itu.

“Kenapa pulak?”

“Abang tak suka orang tua-tua mendengar bualan orang muda-muda.”

“Apa salahnya. Apa salahnya dia dengar sama?”

‘Begitu lurus hati gadis ini,’ fikir Karim. Karim tersenyum.

“Ada perkara yang hendak abang cakapkan pada Maz,” Karim merenung muka bujur sirih yang masih suram itu. Wajah yang serba salah. Wajah yang penuh tanda tanya. Mazni cemas.

“Perkara apa tu?”

Karim tidak segera menjawab. Sunyi lagi.

Angin petang terus berhembus senang. Rambut Mazni terbuai-buai lembut dek tepisan angin Selat Tebrau.

Karim mengeluh panjang, kemudian bersuara penuh perasaan.

“Kau tahu kenapa aku balik, Mazni?”

“Tidak,” Mazni menggeleng-gelengkan kepala. Menanti penjelasan lanjut dari anak muda yang terbaring di kerusi malas ini.

“Kau tahu betapa deritanya sejak aku ditimpa kemalangan. Aku tak

dapat hiburan yang sepuasnya. Aku selalu kesepian. Aku benar-benar terbuang. Benar-benar terseksa, Mazni," suara itu begitu merayu-rayu. Sedih. Mazni yang memang sensitif itu sudah terusik kini. Hatinya terharu mendengar penderitaan anak tuan rumahnya ini. Rasa tanggungjawab timbul tiba-tiba. Apa yang harus dilakukannya?

"Janganlah mengikut perasaan hati, bang. Abang harus berfikir luas. Kalau abang rasa begitu sengsara dengan penanggungan abang tu, tentu ada orang yang lebih derita daripada itu. Sabarlah. Abang akan boleh berjalan, bergerak, seperti dulu, apa yang abang bimbangkan sangat?" lembut dan mendayu-dayu suara halus ini masuk ke telinga Karim, kemudian meresap ke hati.

"Benar kata kau tu, Maz! Kesedaran begitu memang sudah abang rasakan. Abang sedar sekarang. Kalau kita sangka kita manusia yang paling malang di dunia ini, itu tidak benar. Kerana masih ada orang lain yang lebih malang, yang lebih sengsara dari kita. Buktinya memang ada. Di hospital dulu abang lihat dengan mata kepala abang sendiri. Betapa ramai manusia yang menderita, yang kurang bernasib baik di dunia ini," Karim berhenti di situ. Wajahnya muram tiba-tiba. Berkerut dahi anak muda ini. Dia benar-benar insaf.

"Pengalaman abang sejak di perbaringan benar-benar mengajar abang mengenal manusia yang beraneka corak hidupnya. Dan memberi kesedaran pada diri abang, yang selama ini abang rasa abang terlalu mementingkan diri sendiri, tanpa melihat kiri dan kanan, tanpa melihat mereka yang di bawah, kerana abang sudah tinggi di kemuncak kejayaan, di kemuncak kemewahan. Abang sedar. Abang insaf sekarang!" Karim melahirkan perasaan yang terbit dari hati yang luhur.

"Syukurlah abang ada perasaan begitu. Mudah-mudahan hidup abang akan selamat selalu!"

"Jadikanlah segala suka-duka semalam sebagai satu pengajaran, sebagai satu tenaga yang utuh untuk menghadapi hari esok yang penuh dengan persoalan," tambah Mazni lagi.

Mazni menatap muka Karim yang pucat. Hatinya gembira kerana menemui seorang intelek yang bertanggungjawab kini. Mudah-mudahan dengan kesedaran ini, dia akan menjadi seorang manusia yang benar-benar berguna untuk bangsa dan masyarakatnya, harapan Mazni sendiri. Kerana setahu Mazni, Karim adalah seorang jurutera muda yang handal tapi tidak punya kesedaran yang benar-benar dinamik untuk sama berjuang memimpin anak bangsa. Bukan hanya bekerja kerana gaji semata-mata.

"Tapi abang tidak dapat mengelakkan diri daripada rasa sepi yang

selalu mengganggu ketenteraman hati. Hidup abang terlalu sunyi. Abang rindukan tawa dan gurau kawan, Maz! Tapi sayang! Abang selalu keseorangan," sedih benar suara itu didengar.

"Kalau begitu, Maz boleh tolong abang hubungi kawan-kawan abang," cadang Mazni ikhlas.

"Tak! Tak payah. Abang tak suka mengganggu mereka. Abang tak suka. Abang benci berjumpa mereka. Abang benci."

"Kenapa?" Mazni hairan.

"Err … tak ada apa-apa. Abang benci saja."

"Kenapa pula begitu? Mudah benar lupakan kawan-kawan!"

"Dia orang yang melupakan abang. Dia orang tidak perlukan abang lagi. Abang tahu. Sudah, tak usah sebut fasal kawan-kawan abang tu. Abang benci."

Karim memang benar-benar terusik dengan sikap kawan-kawannya. Kawan-kawan yang di suatu masa memuja dan menyanjung dia ke puncak kejayaan. Kejayaan muda-mudi mengejar keseronokan. Tapi kini mereka ini sudah dibuangkan jauh-jauh. Jauh dari kelopak-kelopak hidupnya. Kalau ada pun bayangan-bayangan syaitan yang cuba menggodanya, dia berazam akan terus membunuh bayang-bayang ini. Dia benci dengan corak hidup yang pura-pura.

"Maz …."

"Ya."

"Maz! Aku perlukan pertolongan kau, Maz!" Karim cuba mencurahkan perasaan hati yang terlalu mendesak di dinding hati sejak beberapa hari itu.

"Maz sedia menolong, membantu, melayan apa saja, asalkan abang senang hati."

"Sungguh-sungguh, Maz?"

"Hai, masakan Maz tergamak menghampakan permintaan tuan rumah yang selama ini sudah banyak berbudi pada Maz dan mak."

"Benar-benar ni, Maz?"

"Sungguh, bang! Katakanlah apa yang hendak abang suruh pada Maz. Cakaplah, biar Maz buat," kata Mazni lurus.

Karim tersenyum mendengar pengakuan Mazni yang terlalu hormat itu.

"Kau terlalu jujur, Maz," suara itu mati di situ, tidak dapat diteruskannya. Karim melemparkan pandangannya ke Selat Tebrau

yang luas terdampar itu. Dia tersenyum lagi.

“Kau terlalu jujur,” terlalu luhur kalimah itu.

“Tak usah sebut fasal menumpang tu, Maz. Abang tak suka. Abang tak menganggap kau begitu. Bagi abang, kau …,” lagi sekali Karim terganggu. Dia tidak dapat meneruskan kata-katanya. Entah kenapa dia begitu cemas untuk menyuarakan perasaan hatinya yang sebenar. Dia takut kalau-kalau Mazni terkejut dengan perubahan sikapnya terhadap gadis yang mula mendapat tempat di hatinya itu.

“Kau lebih dari segala-galanya,” sambung Karim.

“Maksud abang?” Mazni bingung.

“Ah … kau! Kau tak akan mengerti hati aku, Maz,” keluh Karim. Kemudian direnungnya muka bujur sirih ini dalam-dalam. Di hatinya merasa sesuatu yang indah. Sungguh indah. Wajah yang selalu tenang. Air muka yang selalu manis itu mendamaikan hati anak muda yang tersandar di kerusi malas itu.

“Maz!”

“Ya.”

“Aku perlukan pertolongan dari kau, Maz! Pengorbanan yang besar, yang jujur darimu!”

“Apa dia?”

Karim tersenyum. Tidak tahu apa yang harus dikatakannya. Mestikah dia berterus terang? Mestikah? Soalnya sendiri. Bibirnya masih mengukir sebuah senyuman yang lebar. Mazni semakin tidak mengerti.

“Aku selalu terhibur bila bersama kau, Maz,” Karim melencongkan tujuan yang sebenar. Dia tidak tergamak menyatakan lebih dari itu.

Mazni yang mendengarnya tersenyum saja. Senyum biasa. Senyum kerana menerima penghormatan dari tuan rumah. Itu saja.

Angin petang berhembus terus. Menyegarkan.

“Err … Maz turunlah dulu. Nanti apa pulak kata mak encik.”

“Ah … nantilah dulu. Bual-bual dulu, apa yang direbutkan sangat nak ke bawah.”

“Hmm, Maz ada kelas malam ni,” terang Mazni yang tidak pernah cuai tentang sekolahnya.

“Ah, kau selallu nak melarikan diri, Maz.”

“Tidak! Jangan sangka begitu, bang. Maz ada kelas malam ni, esok kalau lapang Maz naik ke atas,” janji Mazni bersungguh-sungguh.

“Aku perlu berbual panjang dengan kau, Maz.

“Bual apa, bang?”

“Ada perkara mustahak.”

“Perkara apa tu?”

Karim terdiam lagi. Hatinya gelisah tiba-tiba. Entah kenapa dia sendiri tidak mengerti. Perasaan yang terpendam itu selalu mencucuk-cucuk dinding hatinya. Minta dilepas.

“Tak apalah, esok abang akan beritahu,” putus Karim nekad.

Mazni bingung lagi. Bingung melihat sikap Karim yang selalu berahsia padanya. Hatinya cemas juga, tapi yakin dia tidak membuat apa-apa kesalahan di rumah ini.

Mazni bangun. Karim memerhatikan saja tubuh lampai yang menarik ini membetulkan kerusi duduknya ke tepi.

“Senangkan hati, ya bang! Tidur nyenyak-nyenyak. Mimpi yang indah-indah,” pesan Mazni separuh bergurau.

Karim tersenyum lebar mendengar usikan Mazni.

“Dapatkah mimpi yang indah, kalau hati ini gelisah selalu?” balas Karim menguji.

“Apa yang dirisaukan, bang! Tak ada apa yang mesti disusahkan. Segala-galanya cukup di rumah ini, apa lagi?”

“Pada lahirnya begitulah. Batin? Ah … kau tak tahu, Maz.”

Mazni tersenyum lagi melihat sikap anak muda ini.

“Okeylah. Maz turun dulu.”

Karim mengangguk. Matanya menghantar anak gadis ini dengan satu pandangan yang membayangkan sejuta harapan. Harapan kasih, sayang, cinta yang perlukan pengorbanan. Terbayang di kepalanya tembok-tembok besar dan keras yang akan menghalang pelaksanaan kasih sayangnya antara dia dan anak orang gajinya ini. Wajahnya keruh serta-merta. ‘Ah, peduli apa dengan orang. Aku punya hati dan perasaan sendiri. Orang lain tidak berhak bersuara, mengecam dalam masalah cintaku,’ fikir Karim tiba-tiba.

Angin petang bermain-main lagi. Langit sudah terbakar kini. Di ufuk barat sudah disembur oleh awan merah kuning yang gagah. Indah!

BAB 12

Esoknya Mazni naik ke tingkat atas rumah batu yang indah ini. Menemui Karim sebagaimana yang dijanji. Mereka bertemu muka. Mereka bertukar senyum mesra. Mereka berbual, bergurau, dan berbincang. Riang dan gembira meresapi beranda di tingkat atas rumah batu dua tingkat ini. Karim terhibur.

Lusa. Mazni membilang anak tangga lagi. Karim dan Mazni bertemu lagi. Karim terhibur. Lapang dadanya kini.

Tulat. Anak gadis berbadan lampai ini mendaki tangga lagi. Mereka bersabung mata lagi. Hati Karim berbunga cinta yang segar kini.

Langkat. Mazni membilang anak tangga lagi. Senyum Karim bertambah lebar. Wajahnya kini sudah merah berseri-seri. Penyakitnya beransur lari.

Siang berganti malam. Siang dan malam lagi. Dua insan yang dibesarkan di rumah batu dua tingkat ini sudah semakin mesra, berjalan je pejabat sudah berani berdua-dua. Segala-galanya berlalu tanpa disedari. Mata Puan Rohana semakin bisa melihat perubahan anaknya. Bimbang dan cemasnya sudah meluap-luap di jantung hati. Hati perempuan tua ini memanglah tidak setuju dengan tabiat Karim mendampingi Mazni, anak orang gajinya. Bukan apa-apa. Cuma hatinya tidak senang melihat anak kesayangan yang terbilang pandainya, terbilang pangkatnya, berbaik-baik dengan anak orang gajinya. Pernah perasaan cemburunya itu disuarakan kepada Encik Haris, suaminya. Tapi Encik Haris yang berpelajaran tinggi dan berfikiran luas itu tidak melayan syak wasangka perempuan berbadan rendang ini.

“Apalah yang awak susahkan sangat. Biarlah dia orang tu berbaik-baik. Apa salahnya. Takkanlah dengan berbaik-baik begitu akan mencetuskan sesuatu yang tak baik. Karim itu dah dewasa. Tahulah dia berfikir, menimbang sesuatu yang dibuatnya. Lagipun apalah sangat nak dicemburukan dengan si Mazni tu. Mazni dan Karim, pada pandangan saya, seperti adik dan abang. Mereka sama dilahirkan dan dibesarkan di rumah ini,” kata Encik Haris di suatu malam.

“Darah masih muda, Encik Haris. Kata orang, yang jahat tu tak jauh. Nafsu dan syaitan tidak memilih siapa dia. Budak-budak tu semua bukan berfikir macam awak tu.”

“Habis, fikir macam mana pula?” Encik Haris kurang mengerti.

“Hai! Orang-orang muda. Segala-galanya masih panas. Apa yang

dibuatnya selalu mengikut hati mudanya saja, tak pernah fikir dua kali, tak pernah fikir akibatnya," Puan Rohana geram. Geram melihat Encik Haris, suaminya menerima keluhan hatinya secara tidak hemah saja.

"Hah, yalah. Saya tahu hati awak tu. Tapi apa yang dibimbangkan sangat. Aku tengok tidak ada riak-riak yang sumbang antara mereka berdua. Mereka cuma berbaik-baik, bermesra-mesra macam adik dan abang saja. Tak tahulah aku, apa yang sumbang pada pandangan mata kau, Rohana."

"Awak apa tahu. Awak selalu tak ada di rumah. Saya … saya ni yang selalu terpandang mereka berdua-dua, pergi pejabat berdua, balik makan tengah hari berdua, balik pejabat berdua, berjalan-jalan berdua."

"Entahlah! Aku pun susah memikirkan sikap awak ni. Cemburu yang bukan-bukan. Berjalan pun salah! Berjalan siang ke berjalan malam?"

"Sianglah dulu, nanti berani keluar malam pulak," tinggi saja nada suara Puan Rohana. Benci benar dia dengan Mazni kini.

"Awak ni selalu jahat sangkalah! Dah, aku tak kuasa bercakap fasal si Karim tu. Dia dah besar panjang, tahulah dia memikirkan yang mana patut dibuatnya," putus Encik Haris yang tidak banyak bicara itu.

"Awak ambil mudah saja," Puan Rohana semakin radang.

"Apa yang mesti saya buat?" tanya Encik Haris tinggi. Radang juga. Randang mendengar isterinya membebel, marah tidak hujung pangkal itu.

"Nasihatkan si Karim tu," pinta Puan Rohana. Suaranya semakin lantang.

"Apa yang nak saya nasihatkan?"

"Nasihatkan supaya dia tahu akan harga dirinya."

"Apa maksud awak ni?" Encik Haris bingung.

"Susah bercakap dengan orang tua nilah," Puan Rohana naik darah.

"Apa yang hendak saya buat?"

"Hai, tak ke awak sedar, siapa anak awak tu dan siapa si Mazni tu?"

Hai! Awak tak kenal ke?" balas Encik Haris selamba.

Puan Rohana semakin menyinga. Jawapan Encik Haris seolah-olah mempermainkannya.

"Ya Allah! Anak kita tu berpangkat, berketurunan yang baik-baik, yang ternama, terkenal di bandar ni. Dan Mazni tu anak orang gaji

kita. Tak ke awak merasa ngeri kalau terjadi apa-apa antara mereka berdua. Awak mahu anak awak menconteng arang di muka awak, Encik Haris? Awak suka?" suaranya semakin lantang. Kasar dan tegas. Meletup-letup saja kalimah-kalimah yang dihamburkan. Hatinya tengah radang!

"Hah … kalau awak fikir perhubungan mereka tu akan mencetuskan sesuatu yang tak baik, yang sumbang di mata kita, apa lagi? Kahwinkan lekas-lekas, tak usah tunggu-tunggu lagi," cadang Encik Haris. Senang saja dia mengeluarkan pendapatnya.

Puan Rohana terkejut. Terkejut besar. Terbelalak mata orang tua ini. Encik Haris bersahaja saja.

"Heh, awak ni betul tak gunalah, kita cakap yang benar awak buat tak hemah saja, awak ambil mudah saja! Heh … mana? Mana perginya mata awak, Encik Haris? Tak nampak ke awak siapa si Mazni tu? Tak nampak ke?" darahnya sudah mendidih. Tidak dapat lagi ditahan segala godakan di dadanya itu.

"Oh … begitu awak memandang Mazni dan beginikah awak menganggap diri awak, ya Puan Rohana?" keras suara itu.

"Tentulah! Kita mesti jaga nama baik kita, taraf kita," tambahnya bangga. Mukanya masih mencuka.

"Sudah! Aku tak mahu masuk campur. Tak fasal-fasal bertekak. Si Karim dan Mazni tidak apa-apa, kita pulak yang sibuk. Hmm … kerja bodoh! Sudah, aku tak mahu dengar lagi fasal tu semua."

Encik Haris melarikan diri ke dalam bilik. Beberapa minit kemudian, dia keluar dengan pakaian kemasnya.

Puan Rohana yang masih tersandar di kerusi di bilik tamu itu memandang dengan jelek.

"Pantang diajak bercakap lekas-lekas nak melarikan diri. Nak ke mana saja agaknya?" rungut Puan Rohana.

"Nak ke rumah kawan, ada hal sedikit," jawab Encik Haris pendek.

"Entah nak ke rumah kawan, entah menyusur jalan."

"Awak ni betullah! Dah kenapa ni? Naik angin gila-gila ni?"

Puan Rohana melengos. Bibirnya terjuih panjang. Jengkel.

"Kalau tak percaya, mari pergi sama," ajak Encik Haris.

"Bapa dengan anak sama naik," sindir Puan Rohana.

Seketika kereta Jaguar Encik Haris mengaum keluar dari pekarangan rumah berhalaman luas itu.

Hati Puan Rohana terus terbakar. Menyala marak di malam sepi itu.

Kereta Volvo berwarna merah berhenti perlahan-lahan di bawah pokok ketapang di Taman Merdeka yang aman tenteram itu.

“Kenapa berhenti di sini, bang?” tanya Mazni, cemas.

“Tak ada apa-apa. Cuma nak mengambil angin saja,” balas Karim. Direnungnya muka bujur sirih ini di dalam samar-samar lampu neon yang tidak jauh dari situ. Mazni mengalih pandangannya ke selat yang terbentang luas dengan rasa kurang senang di hati. Bimbang.

Angin malam terus berhembus senang menepis-nepis kulit dua teruna dara yang di dalam kereta gagah ini. Suasana keliling sepi meskipun masih terdapat kereta-kereta yang tersadai aman di pinggir selat ini menemankan tuan-tuan mereka berseronok, bercumbu-cumbu di dalam cahaya yang samar-samar itu. Melihat itu, hati Mazni ngeri. Dia bimbang kalau-kalau Karim hilang pertimbangan malam ini.

“Maz …,” bisik Karim memecah ketenangan malam di bibir selat ini.

Mazni diam. Dadanya berdebar-debar. Takut.

“Kenapa diam saja? Tak suka berehat-rehat di sini?”

Mazni membisu. Matanya merayap ke muka Karim yang tampan itu.

“Tak suka?” ulang Karim lagi.

“Bukan tak suka. Tapi, Maz kurang senang di sini,” jelas Mazni.

“Kenapa?” sambar Karim sambil ketawa kecil.

“Kalau orang nampak apa pulak kata mereka. Tak manis, bang,” lemah saja suara itu keluar dari bibir comelnya. Karim tersenyum.

Mazni semakin cemas melihat sikap Karim. Hatinya benar-benar kecut, kerana berdua-dua di tempat sunyi begitu memang tidak manis pada pandangan masyarakat. Karim lelaki, dia perempuan.

“Aku faham. Kau takut dengan masyarakat keliling.”

“Kita hidup bermasyarakat, bang. Nama baik diri dan keluarga mesti dijaga. Walaupun kita tidak melakukan apa-apa yang sumbang, tapi kalau sudah di bibir selat ini orang pandang lain, bang,” Mazni melahirkan perasaan kurang senangnya.

“Aku tahu, Maz. Tapi … tapi aku risau. Risau, Maz. Kau suka melihat aku terapung-apung begini?”

Mazni terpegun. Denyut jantungnya bertambah kencang. Takut lagi.

“Bang …,” bisik Mazni lembut. Karim membisu. Dia lemas di lautan

kekecewaannya.

“Dah tu kenapa kau hampakan harapan aku, Maz. Kau tak percaya dengan akuan lidah ini? Atau bagaimana? Bagaimana lagi yang kau mahu aku katakan? Ah! Kau sengaja tak mahu mengerti hatiku ni,” kesalnya meloncat-loncat.

“Bang, janganlah salah sangka. Maz faham hati abang. Maz hargai kasih sayang abang! Tapi, paduan yang sebenar, perkongsian yang abang harap-harapkan itu tidak mungkin terjadi, bang.”

“Kenapa?” lantang suara itu.

“Kerana antara kita banyak perbezaan, bang! Banyak! Abang anak tuan rumah Maz yang berketurunan baik-baik, berpangkat, terkenal di Tanjung Puteri ini, sedangkan Maz anak orang gaji orang tua abang. Tak ke abang nampak jurang-jurang pemisahan antara kita berdua?”

“Aku tak pernah bersikap begitu, Maz, tak pernah,” jelas Karim sungguh-sungguh. Cuba meyakinkan Mazni, gadis yang selalu rendah hati dan terlalu hormat padanya sekeluarga ini.

“Abang tak bersikap begitu, tapi keluarga abang tentu tak setuju. Jadi, lupakanlah saja soal rumah tangga, bang. Carilah gadis lain yang sama taraf, yang sama padan, sama segala-galanya agar tidak menjadi cacat-cela di mata keluarga abang! Tentang kasih sayang abang pada Maz, Tuhan saja yang tahu bagaimana senangnya hati ini menerima kasih sayang yang benar-benar jujur tu, Maz tetap kasihkan abang, malah kadang-kadang Maz anggap abang seperti abang kandung Maz sendiri,” Mazni mencurahkan segala isi hatinya. Tidak ada yang diselit-selitkan lagi di kelopak-kelopak hati yang tersembunyi. Biarkan. Biarkan Karim tahu bagaimana penghargaannya terhadap kasih sayang Karim sejak akhir-akhir ini.

“Kau tak berani berkorban, Maz!” tuduh Karim tiba-tiba.

“Memang Maz tidak berani berkorban untuk merosakkan nama baik keluarga abang. Maz tak sanggup. Maz mesti tahu, mesti sedar akan kedudukan Maz. Lupakanlah segala-galanya. Jangan kecil hati dan jangan salah sangka. Maz tetap menghargai kasih sayang abang.”

“Kalau kau hargai kasih sayangku, kenapa kau kecewakan hatiku, Maz … kenapa? Kenapa kau hampakan harapan aku? Kenapa?” Karim sudah tidak dapat menahan perasaannya. Radang dan kesalnya belum hilang.

“Menerima permintaan abang bermakna mengecewakan hati ibu dan ayah abang. Mak tak mahu ini.”

“Ah, kau terlalu lemah hati, merendah diri pada yang bukan-bukan. Semua manusia tu sama. Kasih sayang tidak memilih bangsa dan

agama. Apalagi pangkat dan keturunan! Antara kita tak ada perbezaan, Maz. Kalau aku beragama Islam, kau juga beragama Islam. Kau orang Melayu, aku pun Melayu, bukan aku ni anak raja."

"Tapi abang berkeluarga orang baik-baik, ternama, dan abang anak tuan rumah. Tuan rumah Maz."

"Aku tak mahu dengar lagi kau mengungkit-ungkit soal kedudukan kau di rumah tu. Apa kau anggap aku bersikap membeza-beza, Maz?"

"Tidak."

"Dah tu kenapa kau berkeras mempertahankan kedudukan aku di rumah tu, kenapa?"

Mazni membatu. Tak tahu apa yang harus dikatakannya. Memang benar Karim tidak merendah-rendah, menghina-hinanya, tapi dia sedar sendiri. Sedar akan kedudukannya yang menumpang itu.

"Kenapa diam? Cakap!"

Karim mengeluh panjang. "Hmm, kau tak tahu hatiku, Maz!"

Mazni mati akal. Buntu kepalanya. Tak ada jawapan yang sesuai untuk mententeramkan hati anak muda yang sudah mabuk dengan perasaan kesal dan marah yang menggila itu.

"Aku mahu menjadikan kau teman hidup yang halal di sisi undang-undang Islam, Maz! Jangan kau fikir aku hanya mahu mempermain-mainkan kau. Mengertilah," tambah Karim. Mazni membatu keras. Benak hatinya memikirkan persoalan yang serba kusut di hadapannya itu.

"Tak sudikah kau menjadi teman hidupku, Maz? Tak sudi ke?"

"Tuhan saja yang tahu bagaimana hati Maz, dan bagaimana kasih Maz pada abang. Tapi, kita tak mungkin dapat bersama, tak mungkin, banyak penghalangnya."

"Lagi-lagi kau sebut fasal halangan. Tak ada yang menghalangnya. Abang punya hak menentukan rumah tangga abang. Mak dan ayah tak harus campur dalam soal ini."

"Betul … Tapi!"

"Sudah. Tak ada tapi-tapinya lagi," sampuk Karim tegas.

"Kita ke rumah Tok Kadi malam ini. Kita nikah di sana," kata Karim berani.

"Abang?" Mazni terkejut.

"Apa, abang dah gila ke?" terlancar saja kalimah 'gila' yang tidak pernah diucapkan di hadapan anak tuan rumahnya ini. Mazni lupa

adab dan sopan-santunnya. Dia benar-benar tersentak.

“Tidak. Aku fikir itu saja jalan yang baik untuk menyelesaikan soal kasih sayang kita. Bila sudah bernikah, orang lain tak boleh berbuat apa-apa. Tak boleh bising-bising. Apa yang kita lakukan itu tidak salah pada pandangan agama,” terang Karim. Bijak benar dia mengeluarkan pendapat di malam serba sejuk tapi panas rasa dadanya.

“Tapi, kita bermasyarakat, kita berkeluarga,” rayu Mazni. Jantung hatinya berdebar. Tak tentu rasa. Peluh sejuknya menyimbah-nyimbah. Dia takut. Dia bimbang.

“Mari kita pergi,” ajak Karim sungguh-sungguh.

Mazni memekik sekuat hati sambil menangis.

“Jangan … jangan, bang! Kerja gila tu,” laung Mazni.

“Itu tindakan yang berkesan rasa aku. Jalan lain tak ada.”

“Jangan lekas putus harap, bang. Tolong jangan ke rumah Tok Kadi. Maz berjanji, Maz akan memberikan jawapan yang tegas esok.”

“Sungguh-sungguh ni, Maz?” kata Karim seperti mengugut.

“Benar … tolong bawa Maz balik.”

“Bila-bila pun boleh balik, tapi janji tu mesti ditepati.”

“Sungguh-sungguh, bang. Esok Maz beri jawapan yang tegas.”

“Baiklah.”

Kereta Volvo merah mula bergerak meninggalkan selat yang sudah lama dimakan sepi. Kereta gagah ini meluncur laju merentas jalan-jalan di Tanjung Puteri itu, kemudian masuk ke Jalan Tebrau. Manusia yang di dalam kereta ini tidak bersuara apa-apa. Masing-masing dengan perasaan sendiri yang serba mendesak.

Sampai di simpang masuk ke Jalan Kenangan, Mazni membuka mulut.

“Maz turun di sini saja,” terketar-ketar suara itu menahan godakan bimbang yang mengamuk di hati gadis manis ini.

“Kenapa pulak?” nyaring saja suara itu.

“Maz takut.”

“Takut apa?” Karim kebingungan.

“Nanti apa pulak kata mak encik kalau dia nampak?”

“Kau ni betul penakut. Kalau dia nampak pun apa salahnya. Kita tak buat apa-apa. Jangan bimbanglah. Dia dah tidur tu,” Karim menyedapkan hati Mazni yang memang bimbang dengan

perhubungannya itu. Segala gerak-geri dan tutur katanya di rumah batu dua tingkat itu dijaga. Takut tuan rumah benci, takut tuan rumah tersinggung.

Jaguar ayahnya tidak ada. 'Dah tentunya ayah keluar,' fikir Karim. Tapi bilik tamu masih terang-benderang. Ada tamu barangkali. Kereta merah berhenti di anak tangga rumah itu.

Karim dan Mazni keluar menuju arah masing-masing. Tiba-tiba mereka mendengar satu teguran keras dari beranda rumah itu.

"Kau ke mana, Karim, Mazni?" kata Puan Rohana dari dalam gelap itu.

Mereka kenal suara itu.

"Saya jalan-jalan," sahut Karim cemas sedikit.

"Kau dari mana, Mazni?" lantang saja suara itu.

"Saya … saya dari kelas," jawab Mazni perlahan. Ketakutan.

"Dari kelas malam ke, atau dari kelab malam?" sindir Puan Rohana. Dia hangat melihat kelakuan yang menyakitkan matanya itu.

"Hmm … kalau mahu lama di rumah ni, jaga diri tu sikit. Sedar diri itu siapa!" cemuh Puan Rohana. Mukanya tidak dinampak oleh Mazni yang di tepi rumah itu. Tapi Mazni tahu berapa panjang juih bibir mak enciknya. Dan bagaimana masam dan menyinganya wajah perempuan separuh umur itu.

"Dah, pergi ke belakang," perintah Puan Rohana keras seperti ketua tentera saja layaknya. Mazni patuh, berjengket-jengket dia menghilangkan diri ke biliknya. Bimbangnya bukan kepalang.

"Kau ke mana, Maz? Lambat benar balik malam ini. Mak dah bimbang, ke mana kau?" tanya Bibah sebaik-baik saja dilihatnya muka Mazni yang mengandungi sejuta persoalan itu.

"Maz ada kerja sedikit di sekolah, mak," Mazni berbohong. Seluruh anggotanya dirasakan lemah lesu. Tidak terdaya berjalan ke kerusinya. Dia merebahkan diri di katilnya. Buku sekolahnya dibiarkan jatuh berserak di lantai.

"Kenapa? Letih benar ke?" tanya ibu.

"Penat," Mazni cuba menutup keadaan hatinya yang sebenar.

"Mak makan ubat malam?" Mazni cuba mengalih persoalan. Dia takut ibunya bertanya lebih lanjut lagi.

"Sudah," jawab ibunya tenang sambil membetulkan selimut tebalnya.

"Kenapa belum tidur lagi?"

“Hati aku tidak senang saja malam ni, Maz. Entah kenapa aku pun tak tahu, puas aku memejamkan mata tapi tak mahu lelap,” keluh ibu.

Tersentak juga Mazni mendengarkan perubahan ibunya malam itu. Dia cuba bertenang.

“Mak tak boleh susah-susah hati. Kan doktor dah kata dulu. Mak perlu banyak rehat dan bertenang selalu. Kalau mak ikutkan hati yang risau tu, Maz takut penyakit mak tu berbalik semula. Apa yang mak risaukan. Mak sekarang dah sihat, mak sekarang tak payah teruk-teruk lagi. Maz ada, Maz akan membantu mak.”

“Entah! Hati risau tu datang tak semena-mena saja, Maz. Puas mak berfikir-fikir kenapa mak mesti risau. Tapi, tetap begitu juga. Risau! Risau tak menentu!”

“Sudah, cuba jangan berfikir banyak, bertenang dan tidur dengan nyenyak,” rayu Mazni. Dia cuba mententeramkan hati orang lain, sedangkan hati sendiri berkocak, bergelora dengan masalah-masalah yang sedang dihadapinya. Cabaran sekeliling begitu menghimpit ketenangan hidupnya kini.

Tapi gadis terpelajar ini cuba bersabar, cuba menyelesaikan sendiri tanpa memberitahu atau tunjuk ajar ibunya. Dia tidak mahu merunsingkan hati ibunya yang memang perlu tenteram selalu. Kini segala masalah hidup selalu dirahsiakan. Dirahsiakan dari pengetahuan ibunya.

Malam itu, Mazni tidak dapat melelapkan mata hingga ke pagi. Puas dia memejam-mejamkan matanya. Tapi mata kuyu itu tetap segar menempuh malam yang penuh peristiwa sedih duka bagi gadis jelita ini.

Sepanjang malam itu otak kepalanya ligat berfikir, mencari keputusan yang tegas sebagaimana yang dijanji-janjikannya. Puas dia berfikir. Berfikir, apakah yang harus dikatakannya pada Karim esok hari.

Dari pandangan kasarnya, ibu Karim pasti tidak menyetujui langkah Karim mengambil dia sebagai isterinya. Dia sedar akan sikap Puan Rohana, terlalu menjaga nama baik keluarganya yang terhormat dan ternama di Tanjung Puteri ini. Perkahwinannnya dengan Karim pasti menjatuhkan maruah keluarga ini. ‘Pasti!’ kata hati kecil Mazni. Dia tidak mahu merosakkan harapan Encik Haris dan Puan Rohana. ‘Mereka tentu mahu bermenantukan anak orang yang baik-baik, berpangkat, ternama, dan setaraf dengan keadaan hidupnya yang serba mewah itu. Dia apalah ada! Dia hanya anak seorang ibu tua bekas orang gaji rumah itu. Masakan setaraf dengan Karim, jurutera muda ini?’ bisik hati Mazni sedih.

‘Memang tidak setaraf,’ tegas hati kecilnya lagi. ‘Aku mesti tegas di dalam soal ini,’ tekadnya berani.

Mazni bangun dari katilnya menuju ke tingkap kecil yang menghala ke Selat Tebrau. Daun tingkap itu dikuaknya lemah. Malam begitu gelap pekat. Tak ada bintang-bintang yang menyeri langit. ‘Selat Tebrau tidak kelihatan apa-apa, hitam di sana-sini, sama seperti corak hidupnya!’ bisiknya sendiri. Hatinya begitu gelisah.

Daun tingkap dirapatkan. Mazni melangkah malas ke katilnya. Badan lampai ini tersadai di bibir katil, kemudian rebah perlahan-lahan ke tilam usangnya. Dia mengeluh panjang. Fikirannya lemas.

Tiba-tiba dia merenung buku-bukunya yang berselerak di meja tidak jauh dari situ. Timbul satu perasaan. Perasaan tanggungjawab pada pelajarannya.

‘Aku mesti belajar! Fikiran ini tertumpu ke buku-buku itu, bukan ke soal kasih sayang yang membabi buta. Bukan!’ dia memberontak sendiri. Tenaga beraninya pulih semula.

Mazni bangun semula. Buku-buku yang tersusun di meja itu dipegangnya dan merenung lama seperti orang tidak sedarkan diri. Lama. Dibukanya sebuah buku sains yang tebal dua inci itu. Direnungnya nama tuan punya buku itu ‘Zaki’.

“Zaki!” keluhnya sendiri. ‘Janjiku padamu akan kutunaikan. Aku tidak harus cuai dalam pelajaranku. Tidak!’ Mazni cuba melupakan segala peristiwa yang merunsingkan hatinya sejak akhir-akhir ini dengan membaca buku tebal Zaki, teman baiknya yang selalu memberi nyawa dalam pelajarannya. Tapi sayang! Dia gagal. Wajah Karim dan Zaki pula yang timbul bersilih ganti di ruang matanya.

‘Zaki!’ bisiknya perlahan.

Mazni terharu bila mengenangkan Zaki, kawan baik yang sudah lama tidak ditemuinya. Bukan kerana dia sudah lupa pada siswa muda ini. Tidak. Cuma dia selalu sibuk melayan kehendak-kehendak Karim, anak tuan rumah yang sangat dihormatikannya itu. Dia tidak mahu menyakiti hati Karim sekeluarga. Segala kehendak tuan rumah ditunaikannya seberapa boleh. Kadang-kadang timbul juga perasaan bosan dan kesal, kerana menghambakan diri itu. Tapi fikiran itu segera musnah apabila teringat akan pesan ibu dan nasihat ibu.

“Hidup mesti tahu menghargai budi baik orang, Maz!” kata ibu di suatu hari.

Maka sifat menghormati tuan rumah anak-beranak ini lebih dari segala-galanya. Lebih-lebih lagi bila memikirkan yang dia dan ibunya itu menumpang bernaung di rumah batu dua tingkat itu sejak belum

lahir lagi. Jasa Encik Haris sudah banyak kepadanya, dan sudah sampailah masanya dia membalas budi baik orang sekadar yang dia terdaya. Kalau tidak dapat wang ringgit, kata orang, tulang urat mestilah rela diberi.

‘Zaki, aku masih perlukan bimbinganmu! Aku masih perlukan tunjuk ajarmu! Aku masih perlukan perangsang dan nasihatmu!’ rintih Mazni hiba. Entah mengapa hatinya terlalu tersayat bila mengenangkan teman ini. Dia merasa bersalah melupakan Zaki sejak akhir-akhir ini.

‘Aku belum melupakan kau!’ bisik Mazni tiba-tiba. Hatinya serta-merta rindu dan sayu.

‘Zaki!’ rintihnya.

BAB 13

“Kau nampak cengkung sekarang, Maz. Kenapa? Kau sakit ke?” Zaki kehairanan.

“Tak, biasa saja,” jawab Mazni cuba menutup keadaan yang sebenarnya.

“Habis kenapa begitu cengkung mata tu. Kurang tidur, ya?” teka bakal doktor ini.

Mazni serba salah. Memang benar tekanan Zaki itu. Dia selalu lambat tidur. Matanya tidak mahu lelap.

“Janganlah *study* banyak sangat. Tak tidur boleh menyebabkan sakit, tahu?”

“Tidak ….”

“Dah tu, kenapa berubah begini? Badan pun nampak kurus sedikit. *Frust* ke?” usik siswa muda ini sambil menatap buah hati yang diperam selama ini.

Mazni tersenyum. Tak tahu apa yang harus dikatakan. Dia geli hati mendengar perkataan *frust*. ‘Anehnya hidup ini,’ fikir Mazni. Dia bukan *frust* tapi bingung! Bingung sendiri.

“Hai! Entahlah, Zaki,” keluhnya tiba-tiba. “Lupakanlah soal peribadi tu,” tambah Mazni.

Zaki senyum saja mendengar keluhan itu.

“Zaki!”

“Hmm ….”

“Aku bimbanglah!” cemas saja suara itu. Zaki kehairanan.

“Bimbang apa?”

“Bimbang, kalau-kalau aku tak lulus periksa tu nanti,” katanya cemas.

Zaki ketawa.

“Kau ni betullah. Dah kenapa ni? Macam budak-budak saja. Mana pendirian kau, Mazni?” tanya Zaki masih ketawa.

Mazni diam.

“Kau ni tak ada sifat percayakan diri sendirilah. Cubalah teguhkan nekad. Tekad mahu belajar terus dan percaya pada kebolehan sendiri! Tanya diri sendiri. Kalau orang boleh ke universiti, kenapa aku tak boleh? Apa bezanya dia dengan kau?” bersemangat kalimah-kalimah

yang terlancar dari mulut siswa gagah ini.

“Aku takut tak layak masuk periksa,” kata Mazni seperti budak bodoh. Zaki ketawa lagi. Geli hati melihat perubahan sikap temannya ini.

“Kau ni kenapa, Mazni? Macam orang tak ada pendirianlah.”

“Aku ada cita-cita, Zaki. Aku ada prinsip-prinsip hidup yang radikal.”

“Tapi, kenapa mesti takutkan yang bukan-bukan. Kenapa?” Lantang saja suara itu. “Kalau dah takut memperjuangkan prinsip-prinsip sendiri, maksudnya kau tak ada pegangan lagi. Macam pucuk ru.”

“Kau tak tahu hati aku, Zaki,” keluhnya tiba-tiba.

“Apa maksud kau ni, Maz?” Zaki tidak mengerti. Benar-benar dia tidak faham akan sikap Mazni petang ini. Lemah, tidak bernyawa. Buku pelajaran yang selalu dikepitnya pun tidak dibawa bersama hari itu.

“Tak ada apa-apa, tak ada apa-apa,” tergagap-gagap Mazni mengatakannya. Dia gelisah lagi. Buntu fikirannya. Apa yang harus dikatakan pada Zaki petang ini.

Suasana hening sebentar.

Zaki cuba memberi nyawa pada suasana yang tawar saja itu. Tapi gagal. Mazni lebih banyak membisu dari menjawab soalan-soalannya. Zaki kesal dan naik darah juga dibuatnya.

Petang itu, Zaki menghantar juga gadis buah hatinya itu ke simpang Jalan Kenangan seperti biasa. Tapi petang tu tentunya tidak sama seperti petang-petang hari semalam. Tak sama. Perpisahan itu dirasakan begitu tawar dan hambar saja. Tidak ada rasa apa-apa. Hanya syak wasangka saja yang bermain-main di kepala Zaki hari itu. Dia percaya pasti ada sesuatu yang dirahsiakan oleh Mazni darinya, pasti!

Karim menyambar Mazni yang sedang berjalan pulang itu. Mazni yang begitu lemah untuk menolak permintaan Karim, terpaksa patuh masuk ke perut kereta Volvo merah ini.

Kereta meluncur laju masuk ke Jalan Terus kemudian tembus ke Jalan Tebrau semula.

Mazni terhenyak di kusyen mematikan diri tidak berkata apa-apa. Karim merenung muka bujur sirih ini dengan wajah yang melukiskan perasaan tidak puas hati. Mazni merasa serba salah dan begitu bersalah. Memang dia bersalah kerana tidak menunaikan janjinya pada Karim. Kereta mengambil jalan ke Tambak Johor.

Mazni tidak berani membuka mulut bertanya. ‘Pasti ke Singapura,’ fikir hatinya. Masuk ini sudah enam kali mereka ke Singapura berdua-duaan kerana di sana lebih tenteram, tak ada gangguan orang-orang kenalan. Mereka tidak perlu bimbang. Mereka selalu menghabiskan masa menonton wayang, membeli-belah, makan-makan di tepi-tepi pantai Kota Singa itu. Karim melakukan ini semata-mata untuk menyenangkan hati Mazni agar gadis ini benar-benar mempercayai akan kejujuran cintanya. Bukan setakat itu saja. Karim sudah banyak membeli hadiah yang mahal-mahal, kain, baju, jam tangan, beg tangan, dan alat-alat solek. Karim tidak sayang membuang duit kerana Mazni. Dan Mazni terpaksa menerima dengan muka manis meskipun hatinya begitu keberatan menerima budi anak muda ini. Takut kalau-kalau budi menjerat hati.

“Kenapa melarikan diri dua tiga hari ni, Maz?” tanya Karim tenang.

Mazni membatu.

“Di mana janjimu?” tambah Karim lagi. Tegas suara anak muda ini. Jantung Mazni bergegar. Takut.

“Tadi ke mana?”

“Rumah kawan,” jawab Mazni perlahan.

“Siapa?”

“Kawan sekolah,” jawab Mazni hormat. Hatinya radang sedikit kerana diselidik begitu. Macamlah dia itu orang tahanan politik mesti diketahui ke mana dan dengan siapa dia keluar itu.

“Bagaimana dengan janji kau hari tu?” timbul lagi soal yang sangat ditakuti oleh Mazni.

“Bang … susah nak Maz katakan. Maz bukan tidak sayangkan abang! Tapi permintaan abang tu tak dapat Maz tunaikan. Maz tak sanggup melukai hati ibu abang. Abang pun tentu tahu mak encik memang tak suka kita berbaik-baik. Mak encik takut kita melakukan sesuatu yang tidak disukainya, Abang pun faham bukan, bagaimana perubahan mak encik pada Maz sekarang,” kata Mazni terharu. Kepalanya tunduk. Tak berana dia menentang muka Karim malam ini.

Angin Pantai Katong berhembus senang.

“Lagi-lagi kau ungkit soal mak. Mak tak masuk campur soal rumah tangga dan teman hidup aku, Maz. Soal sekarang kau sanggup menjadi teman hidup aku yang halal atau tidak?” Karim bersuara seperti mengugut.

Mazni semakin lemas. Apa yang dikatakan Karim itu ada kebenarannya. Soal rumah tangga adalah soal peribadi. Karim berhak

memilih siapa saja teman hidupnya. Mazni lemah dan mengalah.

“Maz sanggup menjadi teman hidup abang. Tapi Maz sekarang sedang bersekolah. Maz bercita-cita mahu meneruskan pelajaran *form six*. Kalau boleh mahu ke universiti,” Mazni melahirkan perasaan hatinya tanpa malu-malu lagi. Karim tersenyum. Bangga.

“Mazni …,” bisiknya.

“Abang tidak menghalang kau meneruskan pelajaran kau. Teruskanlah. Belajarlah seberapa tinggi yang boleh. Rumah tangga tidak menghalang seseorang dari belajar, Maz. Banyak orang yang berjaya di dalam pelajarannya meskipun mereka sudah bersuami dan beranak-pinak. Belajarlah asalkan kau dapat hidup bersamaku!” ikrar Karim sungguh-sungguh.

Mazni tidak bertenaga untuk mengelakkan diri kini. Dia kemukakan alasan untuk belajar, tapi Karim sanggup membenarkan dia terus belajar. Apakah lagi alasan yang dapat diberikan? Tak ada! Dia terpaksa menerima lamaran anak muda ini. Menerima kerana sudah terlalu terdesak, terhimpit dengan budi dan pengorbanan. Karim sudah terang-terang menunjukkan kesanggupan berbuat apa saja, asalkan Mazni dapat hidup bersamanya.

“Bang ….”

“Hmm?” Karim memeluk bahu kecil gadis ini erat. Kepalanya berlaga dengan kepala dara jelita ini. Mesra … indah bermain di hati.

“Bagaimana pula dengan keluarga abang?” Mazni masih cemas dengan tindakan dan keputusannya ini.

“Sudah! Abang tak mahu kau menyebut-nyebut soal keluarga lagi, tak mahu,” jelas Karim.

Mazni merenung laut yang berombak-ombak kecil dengan satu pandangan yang dalam. Bimbangnya belum pergi dari dada anak gadis ini. Karim masih memeluk Mazni dengan penuh kasih sayang. Sayang yang lain dari sayang yang pernah diucapkan di muka Dora, Norli, Syamsiah atau Aziah dulu. Lain, memang lain.

BAB 14

“Apa yang riuh-rendah tu, Atun?” pekik Puan Rohana. Encik Haris dan Karim yang sama-sama di meja makan malam itu berpandangan tapi mereka tidak bersuara. Dibiarkan saja perempuan bermata garang ini menjerit-jerit. Memang sifat perempuan ini sudah banyak berubah. Selalu hendak marah-marah saja. Encik Haris tahu sebabnya. Malam semalam Encik Haris bertekak dengan Puan Rohana fasal Karim lagi. Tapi pengarah syarikat balak ini tidak mengendahkan bebelan dan leteran isterinya itu. Ini yang membuat Puan Rohana menjadi-jadi radangnya. Semua orang dimarahnya. Mak Atun, tukang masak pun kena sembur, apalagi tukang kebunnya yang selalu curi tulang itu. Karim juga faham akan sikap ibunya. Dia marah kerana Karim mempertahankan kedudukan Mazni dan ibunya di rumah batu dua tingkat ini.

“Heh! Ke mana pergi telinga kau, Atun?” jerit Puan Rohana lagi bagaikan hendak tercabut anak tekaknya.

“Kucing bercekak, Puan …,” jauh suara itu kedengaran.

“Bercekak dengan kucing siapa?”

“Kucing Mazni.”

Mazni yang mendengar kucing belangnya bercekak dengan Tompok Puan Rohana itu sudah menarik kucing belangnya. Puan Rohana nampak bayang anak gadis itu dan terus bersuara.

“Dah tahu menumpang nak besar kepala. Dahlah tuannya, kucingnya pun pandai naik kepala. Heh! Tak sedar diri,” sindir Puan Rohana lantang. Encik Haris mengangkat muka merenung tajam ke muka isterinya. Puan Rohana selamba saja. buat tak tahu. Karim berhenti menyuap. Bangun membasuh tangan. Hatinya benar-benar terusik dengan sikap kasar ibunya.

Mazni merebahkan diri ke katil. Dia menangis teresak-esak. Hatinya hancur mendengar sindiran tajam Puan Rohana sebentar tadi. Bisanya menjalar ke seluruh anggota.

Ibu tua kehairanan.

“Kenapa kau, Mazni? Sakit? Tiba-tiba saja menangis?” tanya ibu sambil bangun menghampiri tubuh kecil ini.

“Kenapa, Maz?”

“Tak … tak ada apa-apa,” jawab Mazni dalam sedu-sedannya, menahan luka di hati. Dia terus menangis sepuas-puasnya.

“Kenapa?”

“Tak ada apa-apa.”

“Tak ada apa-apa, kenapa menangis tiba-tiba saja ni?”

“Tak ada apa-apa. Cuma hati Maz sedih saja.”

“Sedihkan apa?”

“Sedih mengenangkan nasib kita yang menumpang di rumah orang seumur hidup.”

Ibu terdiam.

“Mak!” seru Mazni dalam tangisan yang menyayat hati.

“Mak! Kita dah terlalu lama menumpang. Rasa Maz dah sampai masanya kita beredar dari rumah besar ini. Maz malu, mak! Maz dah bekerja sekarang. Maz boleh menanggung hidup mak sendiri. Kita pindah dari sini, mak!” putus Mazni nekad.

“Dulu mak nak pindah Encik Haris dan Puan Rohana tak benarkan.”

“Itu dulu, tapi sekarang tentu dia suka kalau kita pindah,” tegas Mazni.

“Nak pindah ke mana? Aku memang tak tahu ke mana. Pada mak, hidup mati biarlah di bilik ini, Maz. Bilik ni besar ertinya dalam sejarah hidup mak. Dan kau juga dilahirkan di sini.”

“Tapi bilik ni juga rumah orang, hak orang, kita menumpang.”

“Mak tahu. Tapi terlanjurkan orang suka kita menumpang berteduh di sini apa salahnya?” kata ibu lurus.

“Mak! Mak tak tahu rupanya. Ah! Sudahlah mak. Lupakanlah saja kenangan manis di bilik ni, mak! Kita mesti pindah dari sini. Maz malu, malu ….”

“Malu kenapa?”

Mazni menatap wajah ibu yang sudah uzur itu. Mahu saja menceritakan segala perubahan yang menyayat hati di rumah itu tapi dia tidak tergamak berbuat begitu. Dia bimbang dengan kesihatan ibunya yang berpenyakit jantung itu. Dia tidak boleh terkejut.

“Maz mahu berdiri di atas kaki sendiri. Mak tak gembirakah hidup bebas, mak? Kan kita dah boleh mencari makan sendiri. Hidup atas kebolehan dan titik peluh sendiri itu lebih bahagia, mak!” pujuk Mazni separuh memberi kesedaran.

Ibu diam berfikir panjang, kemudian bersuara.

“Benar juga kata kau tu. Takkan selamanya kita menumpang. Suka

hati kaulah. Mak menurut saja, Maz. Menurut ke mana saja kau pergi."

Mazni bangun memeluk ibunya erat-erat penuh kasih sayang. Lama baru dilepaskan pelukan manja itu.

"Kita pindah, ya mak!" pujuknya.

"Yalah!" mesra dan lunak suara ibu. Mazni tersenyum puas dan merangkul ibunya lebih erat lagi. Bibah tersenyum melihat anak gadis kesayangannya yang manja itu.

"Mazni!" keluhnya tapi senyum sumbingnya belum hilang dari bibir layu itu.

Malam itu benar-benar merupakan satu perang hebat di rumah batu dua tingkat ini. Perang mulut yang pertama dalam sejarah keluarga Encik Haris.

Karim sudah tidak dapat menahan kesabarannya. Terang-terang dia membantah sikap kasar ibunya terhadap Mazni.

"Oh, begitu kelakuan kau, ya Karim? Melawan cakap mak kau sendiri kerana semata-mata nak mempertahankan orang lain! Anak tak tahu diuntung," Puan Rohana terus memberang. Darjah kepanasan darahnya sudah sampai ke kemuncak.

"Saya bukan berniat nak melawan mak, apalagi mahu menderhaka, tidak! Apa yang saya katakan adalah benar. Ikhlas, saya memang kurang senang dengan sikap mak melayan Mazni dengan kasar. Menyindir-nyindir tidak berhenti-henti. Insaflah, mak. Kalau hati mak terusik, terhina, terharu bila dibuat orang begitu, begitu juga hati orang lain bila dihina-hina begitu. Kita manusia ni sama saja. Tak usahlah nak membanggakan diri dengan harta kekayaan tu. Tak usah! Kalau kita sangka kita orang yang paling kaya di dunia, ada yang lebih kaya lagi. Kalau kita sangka kita orang yang paling mulia, ada orang yang lebih mulia dari kita."

"Sudah … sudah!" jerit Puan Rohana. Matanya merah dan besar terbelalak, bagaikan mahu terjujul keluar. "Aku tak suka dengan syarahan kau! Aku ni mak kau. Aku lebih dulu melihat dunia, aku lebih dulu makan garam." Dia sudah bangun dari tempat duduknya kini. Berjalan ke meja dan menumbuk-numbuk meja dengan garang.

"Hah, aku nak tahu! Kau yang beria-ia benar mempartahankan budak bertuah tu kenapa? Apa, ada udang di sebalik batu?" sergah Puan Rohana. Encik Haris yang pura-pura tidak masuk campur di antara isteri dan anak bongsunya ini terus membaca surat khabar, tapi

telinga dan hatinya mendengar perang mulut yang hebat ini.

“Kalau maksud-maksud yang jahat tu memanglah tak ada. Pada saya Mazni manusia yang berperibadi tinggi, baik, jujur, saya sayang padanya,” kata Karim tegas.

Puan Rohana semakin menyirap.

“Sayang?” lantang suara singa betina ini.

“Ya, saya sayangkan dia. Dan besar kemungkinannya dia akan menjadi teman hidup saya yang halal.”

Lagi sekali darah Puan Rohana terbakar. Seluruh anggotanya bergegar menahan kemarahan. Apa yang diduganya selama ini sudah nyata kebenarannya. Karim yang dibimbang akan berpaut pada gadis belakang rumahnya ini sekarang benar-benar sudah mencintai anak gadis orang gajinya. Puan Rohana mengucap panjang.

“Hah, dah saya kata dari dulu lagi, Encik Haris. Tapi awak buat tak faham saja,” sembur Puan Rohana pada suaminya. Encik Haris tidak segera menjawab. Matanya saja menatap muka isterinya yang sudah merah menyala.

“Awak marah-marah ni kenapa?” tanya Encik Haris tenang sambil meletakkan surat khabar ke meja kecil di sampingnya.

“Heh, awak suka anak kita kahwin dengan anak orang gaji kita sendiri, ya? Awak suka? Mana perginya otak awak, Encik Haris?”

“Kalau ada jodoh apa nak dikatakan, ikutkan saja. Saya tak banyak runding. Bukan kita yang nak kahwin? Anak kita! Anak kita, Puan Rohana! Cuba bertenang sedikit. Cakap tu perlahan-lahan sedikit,” nasihat Encik Haris yang penyabar.

“Ya Allah, memang tak guna awak ni, tak guna,” lebih kuat suara Puan Rohana. Nasihat Encik Haris tidak memberi kesan langsung pada perempuan separuh umur ini. Dia bangun mendapatkan Encik Haris yang terhenyak di kerusi malas itu. Mata merahnya menentang muka lebar bersulah itu. Encik Haris selamba saja menanti peluru-peluru berpandu yang akan dilepaskan oleh isterinya yang panas darah ini.

“Awak suka bermenantukan Mazni, anak orang gaji kita, Encik Haris? Awak suka?” bagaikan hendak ditelannya orang tua yang terperuk di kerusi itu.

“Suka, kalau dah itu pilihan Karim. Lagipun apa kurangnya Mazni tu? Rupa pun ada, pelajaran pun tinggi seperti gadis-gadis lain. Apa lagi yang kurangnya,” berani dan serius jawapan Encik Haris.

Puan Rohana menggeleng-gelengkan kepala. Mengeluh panjang entah beberapa kali. Terfikir juga akan kebenaran cakap-cakap suaminya

itu. Kalau dipandang dari segi rupa, paras Mazni memang tidak kalah dengan gadis-gadis lain, malah Mazni lebih jelita dari Aziah yang dicadang-cadangkannya selalu kepada Karim itu. Pelajarannya pun ada. Sekolah sudah tingkatan enam. Budi pekertinya juga baik. Tutur katanya bersopan-santun. Tapi … hatinya tidak tergamak mencemarkan nama baik keluarganya yang ternama itu. Semua menantunya daripada anak-anak orang yang berpengaruh, berharta, berpangkat. Masakan anak bongsunya beristerikan anak orang gajinya yang diam serumah. Apa pula kata orang-orang keliling. Apa pula kata Puan Mahani, Puan Ainun, sahabat baiknya di tepi rumah. Apa, tak ada orang lain lagikah? Tentu itu ucapan yang akan diberi oleh perempuan-perempuan banyak mulut itu. Dia tak mahu ini berlaku. Dia tak mahu nama keluarganya menjadi buah mulut orang, atau menjadi berita hangat di kalangan teman-teman baiknya di sekitar bandar Tanjung Puteri. Dia tak mahu orang mencemik-cemikkan menantunya yang datang daripada orang yang tidak berkeluarga dan anak orang gaji yang diam serumah pula. Dia tak mahu, putus hatinya.

Setelah membisu seketika, Puan Rohana bersuara lagi.

“Apa, dah tak ada gadis lain lagikah, Karim?” katanya kesal.

“Banyak,” Karim menjawab selamba.

“Hai! Banyak gadis yang lebih cantik di Tanjung Puteri ni, bolehkan di situ tersangkutnya,” sesalnya tak sudah.

“Kau dah kena agaknya!”

“Kena apa?” Karim kehairanan.

“Kena ubat guna-guna.”

“Jangan nak mengarut. Kasih seseorang bukan kerana ubat guna-guna, tapi kerana budi pekerti yang baik,” jelas Karim.

Encik Haris bangun dari kerusi sambil memerhati manusia dua beranak ini bertelagah. Dia memang tidak bernafsu mahu masuk campur lebih lanjut lagi dalam soal bakal menantunya itu. Dia memberikan sepenuh kebebasan pada Karim. Kerana anak itu yang akan berumah tangga, bukan dia. Biarkanlah dia memilih sendiri bakal teman hidupnya. Mudah-mudahan pilihan itu akan melahirkan sebuah rumah tangga yang benar-benar bahagia. Dan perangai Karim yang liar itu akan berubah menjadi suami yang bertanggungjawab. Bukan sebagai seorang pemburu yang selalu kehausan kasih. Begitu harapan ayah ini.

“Malu! Malu aku, Karim,” jerit Puan Rohana.

“Malu kerana apa, mak?”

“Malu … malu aku! Di mana nak kusorokkan muka aku ni?”

“Kenapa mak mesti malu? Kenapa?”

“Kau mana tahu?”

“Mak malu bermenantukan Mazni, anak orang gaji kita. Begitu?”

Puan Rohana tidak menyahut. Hatinya saja membenarkan pertanyaan anak ini.

“Kalau mak malu, saya akan keluar dari rumah ini dan akan bernikah jauh dari rumah ini. Mak jangan khuatir,” kata Karim tegas.

“Jangan … jangan nak buat gila. Aku dan ayah kau ni ada lagi, Karim! Nikah berahsia-rahsia begitu lagi berbahaya. Nanti apa pula kata orang keliling.”

“Mak terlalu terikat dengan orang keliling. Kita ada sikap hidup yang tersendiri, mak.”

“Kau ambil mudah saja,” tingkah Puan Rohana. Dia mengeluh panjang.

“Saya tak mahu menyusahkan mak. Bukan saya bermaksud begitu mengenepikan orang tua-tua. Tidak!”

“Hai! Karim … Karim. Tak kusangka kau jadi begini! Tak sangka,” entah berapa kali perempuan ini mengeluh.

Karim diam saja. Hatinya lapang sedikit. Perang mulut sudah nyata kendur dan kemenangan di pihaknya.

Dia tersenyum sendiri melihat ibunya mengurut-urut dada yang tidak sakit menerima keputusan beraninya. Memang semua orang tidak menyangka dia akan beristerikan anak orang gajinya sendiri. Dia sendiri tidak menduga jodohnya ada di rumahnya sendiri. Pelik ke? ‘Tidak! Itu semua kerja Tuhan,’ kata hati kecilnya.

BAB 15

Bibah sendiri tidak menduga yang anak tuan rumah mencintai anak gadisnya. Tak pernah terlintas di hatinya mahu bermenantu buat masa ini kerana harapannya terlalu besar mahu melihat anak tunggalnya ini belajar dulu. Belajar hingga ke universiti seperti anak-anak Doktor Lim, jiran Encik Haris itu. Dan lebih tidak disangkanya Mazni akan bersuami dan dia dapat menantu dalam masa sebulan lagi. Lama Bibah termenung di muka pintu bilik memikir, mengenangkan peristiwa yang dirasakan seperti mimpi.

Hasrat untuk berpindah musnah sama sekali. Encik Haris tidak membenarkan dia beredar dari bilik belakang ini. Dia patuh kerana Mazni akan tetap kekal di rumah batu dua tingkat ini sebagai menantu tuan rumah.

Setelah puas termenung di muka pintu itu dia merebahkan diri di katilnya. Dan berfikir lagi. Apakah dapat Mazni melayari bahtera rumah tangganya di samping Karim yang datang dari anak orang berada itu? Dia bimbang. Bimbang kalau kedudukan dua insan yang tidak sama taraf ini memusnahkan cita-cita murninya yang ingin melihat Mazni berjaya dalam hidupnya.

Hari itu Bibah sudah menolak lamaran Encik Haris dengan alasan tidak sama padan, tidak sama taraf, tapi Encik Haris berkeras-keras dan berharap-harap supaya permintaannya tidak dihampakan. Setelah mengenangkan jasa Encik Haris suami isteri ini, Bibah lemah hati. Dia terpaksa menerima dengan baik dan hormat meskipun hatinya tidak begitu riang. Entah mengapa dia sendiri tidak mengerti. Mak Atun selalu menggiat-giatnya.

“Hai! Senanglah kakak dapat menantu orang senang, berpangkat,” kata Mak Atun sambil senyum-senyum simpul. Bibah menerimanya dengan tenang. Tak terlintas rasa bangga menerima usikan begitu.

Mazni juga begitu. Meskipun mengasihi Karim, dia begitu tenang menerima lamaran ini. Tidak sebagaimana yang disangkakan oleh Mak Atun atau Puan Rohana sendiri. Fikirannya selalu melayang jauh ke nasib dan cita-citanya di masa hadapan. Pelajarannya tetap diambil berat walau fikirannya selalu terganggu. Janjinya pada Zaki, teman baiknya belum luput lagi. Harapannya untuk lulus tingkatan enam dan terus ke universiti belum lenyap dari kelopak hati.

Peperiksaan tingkatan enamnya lima bulan lagi. Dan hari perkahwinannya lebih kurang sebulan lagi. Dapatkah dia menumpukan fikirannya pada pelajaran setelah berumah tangga?

Tidak dapat dipastikan. Tapi dia bersyukur kerana Karim telah berjanji akan terus membenarkannya sekolah malam itu. Malah jurutera muda ini berjanji akan menolong bakal isterinya ini dalam pelajarannya.

Segala-galanya berjalan dengan tenang. Puan Rohana yang pada mulanya membantah keputusan Karim menerima Mazni sebagai isterinya kini beransur pulih. Pulih daripada penyakit meninggi diri. Bertukar sikap setelah menerima nasihat dan leteran Encik Haris sendiri.

“Sukakah awak melihat anak bongsu awak menjauhkan diri dari rumah kita ini, bernikah jauh daripada sanak-saudara seperti orang terbuang? Sukakah awak, Puan Rohana?” kata Encik Haris bertalu-talu. Lama-kelamaan perasaan tinggi diri beransur-ansur hilang kerana mengenangkan nasih anak bonsunya ini. Segarang-garang ibu setelah dipujuk, dirayu dengan lembut, dengan baik, akan mengalah juga. Hati ibu terlalu pengasih. Marahnya tidak lama rajuknya tak ke mana.

Persiapan-persiapan untuk hari perkahwinan Karim dan Mazni sudah mula diuruskan oleh Puan Rohana sendiri. Dia sendiri pergi ke Singapura membeli-belah untuk pakaian pengantin lelaki dan perempuan, juga persiapan bilik anak bongsunya. Bibah dan Mazni tidak tahu-menahu, segala-galanya diserahkan kepada Puan Rohana. Kerana perkahwinan ini tidak berhantaran apa-apa. Bibah sendiri yang mencadangkan begitu, sebab dia yang telah tua itu tidak dapat menyediakan segala persiapan bagi anaknya, Mazni. Segala-galanya diserahkan kepada Puan Rohana. Ibu tua ini hanya melihat saja, dan berharap semoga segala kerja tuan rumah selamat. Itu saja yang selalu didoakannya.

Berita pertunangan Karim dan Mazni sudah menjadi berita hangat di kalangan kenalan Encik Haris dan Puan Rohana juga kawan-kawan Karim sendiri. Masing-masing terkejut, kemudian tersenyum mendengar Karim akan beristerikan anak orang gajinya sendiri yang sama tinggal serumahnya itu.

Yang paling terkejut sekali ialah Puan Mahani dan Puan Ainun di sebelah rumah. Mulutnya berjalan ke sana ke mari menyampaikan berita yang dianggap luar biasa itu. Kemudian membuat sangkaan yang jahat, kononnya, Karim dan Mazni itu sudah melakukan perkara yang sumbang, itu sebab dinikahkan segera. Begitu anggapan mereka.

“Kau tak tahu ke Atun?” tanya Puan Mahani bernafsu. Wajahnya membayangkan kesal yang tidak berkesudahan.

“Tahu apa?” Mak Atun bingung.

“Hai! Kau yang sama serumah pun tak tahu cerita ni!” cakapnya semakin mengandungi makna yang tersembunyi.

“Apa dia? Katakanlah biar saya dengar. Belum dicakap mana saya tahu?” jawab Mak Atun lurus.

Puan Mahani yang rajin bertonyeh itu terus menggeleng-gelengkan kepala. Kemudian melingas memandang keliling seperti mata pencuri. Mak Atun tak sabar menanti berita yang akan disampaikan oleh Puan Mahani ini.

“Puan Rohana belum balik lagi?”

“Belum.”

“Betul-betul ke kau tak tahu ni?” umpan Puan Mahani lagi. Hati Mak Atun bagaikan digamit-gamit ingin tahu apakah rahsia yang hendak dikeluarkan oleh mulut celupar ini.

“Mazni.”

“Mazni?”

“Ya … Mazni tu jangan kau tak tahu, dah anu!”

“Dah anu apa?” Mak Atun tak faham. Memang dia tidak faham.

“Hai! Dah anulah tu … sebab tu terburu-buru dinikahkan oleh Puan Rohana. Kalau tidak ada apa apa-apa, masakan budak tengah sekolah tu dikerahkan bernikah,” beria-ia benar Puan Mahani menceritakan kisah Mazni yang dianggap sudah tidak suci lagi itu.

“Ya ke ni?” terkejut besar Mak Atun mendengarnya. Dia kurang percaya, kerana setahunya Mazni seorang gadis yang berperibadi tinggi. Masakan gadis yang berpelajaran melakukan perbuatan keji itu.

“Hmm … aku nampak mereka berdua-duaan di dalam kereta. Selalu aku terserempak. Hari tu aku berselisih dengan kereta Karim di Bukit Timah. Mereka berseronok-seronok sampai ke Singapura, kau tak tahu ke? Atun … Atun! Kau ni lembab sangatlah, riak orang pun tak kenal,” cebik Puan Mahani memanjang.

“Ya ke ni?” Mak Atun masih terpinga-pinga. Matanya terbuka lebar.

“Kalau tidak, kenapa Karim dan Mazni dikahwinkan cepat-cepat. Dah adalah tu, kalau tidak tentu dinantikan Mazni lepas sekolah,” Puan Mahani meyakinkan lagi. Jelingnya memanjang, beria-ia benar dia.

Mak Atun terlunga. ‘Betulkah ni?’ soalnya sendiri.

Wajah Puan Mahani berubah tiba-tiba. Hatinya kesal. Kalaulah Karim

berkahwin dengan Aziah, anak gadisnya, alangkah eloknya. Sama taraf, sama padan, sama berada, sama berpangkat, dan sama berkeluarga. ‘Hmm … sayang! Puan Rohana tidak bermata mengambil Mazni!’ fikir Puan Mahani.

“Puan Rohana tahu ke kejadian ni, Puan Mahani?” tanya Mak Atun.

“Tahu, pulak tak tahunya! Itu sebab dikahwinkannya cepat-cepat. Lama-lama simpan nak buat apa, nanti ketara. Siapa yang malu? Bukan Mazni yang malu, keluarga Encik Haris pun sama terconteng. Hmm, selisih empat puluh empat, takut aku,” Puan Mahani pura-pura gerun sambil memegang tengkuknya.

Mata Mak Atun semakin terbuka lebar. Seram sejuk badannya mendengar cerita yang dibawa oleh Puan Mahani. Berita yang tidak disangka-sangkanya boleh berlaku di rumah dua tingkat ini.

Bibah yang kebetulan berada di luar pintu itu mendengarnya dengan dada yang berdebar-debar. Lemah seluruh anggotanya. Tak sanggup lagi telinga kecut ini mendengar berita yang sungguh-sungguh menakutkan.

Denyutan jantungnya bertambah kencang. Dadanya sesak tiba-tiba. Dan susah sekali bernafas.

Bibah melarikan diri ke biliknya. Tapi kasihan! Belum sempat dia berbaring di katilnya dia sudah terduduk di muka pintu bilik. Tidak terdaya lagi perempuan tua ini mengheret kakinya. Lemah lesu segala anggota badannya. Dia mengurut-urut dada kering dengan tangannya perlahan-lahan. Sedangkan nafasnya nyata sekali mencemaskan. Tercungap-cungap seperti orang lemas mendapat nafas.

Sempit dunia dirasakannya. Lemas dan karam dia di lautan kehancuran. Hancur dan luluh hati ibu tua ini bila mendengarkan anak gadisnya berlaku curang. Penatnya menjadi-jadi bila terkenangkan Mazni yang selama ini disangkanya berperibadi tinggi.

Perempuan tua yang berpenyakit jantung ini benar-benar terseksa.

“Mak! Kenapa ni?” jerit Mazni yang baru balik dari kerjanya.

“Mak!” laung Mazni sambil menangis. Terkejutnya dia bukan kepalang melihat ibu yang tercungap-cungap mengambil nafas.

Ibu malang ini dibaringkannya ke lantai dan membuka pantas ikatan kain supaya dapat bernafas dengan betul. Dan sambil itu menjerit-jerit memanggil Mak Atun. Kemudian tergesa-gesa mengambil air dan ubat ibu yang memang sudah ada sedia itu.

Mak Atun datang terburu-buru.

“Kenapa ni, Mazni?”

“Entahlah, Mak Atun. Tolonglah mak ni,” rayu Mazni dengan tangisnya. Air matanya bercucuran sambil memberi ubat kepada ibunya.

Ibu tua terus tercungap-cungap mengambil nafas. Begitu susah dia hendak mengambil nafasnya. Melihat ini hati Mazni semakit kecut. ‘Panjanglah umur mak aku, ya Allah,’ doanya tidak lepas dari bibir. Dia takut benar menghadapi kematian ibu yang dikasihinya. Ibu seorang, tempat dia bermanja dan menumpang kasih sayang selama ini.

“Mak … sakit lagi?” tanya Mazni tertahan-tahan.

Ibu ini masih membisu. Nafasnya agak menurun sedikit.

“Sakit mana, mak?”

Bibah tidak menjawab. Matanya pejam menahan sakitnya. Tangannya lesu saja mengurut-ngurut dada yang sudah nampak tulang-tulang selangka.

Mazni mati fikir. ‘Apakah yang harus dilakukannya? Dihantar ke hospital saja agaknya,’ soalnya sendiri.

“Kita ke hospital, ya mak?” tanya Mazni mengharap.

Bibah membuka mata dan menggeleng-gelengkan kepala. Tidak setuju. Mazni terdiam. Dia tidak tergamak hendak berkeras-keras pada ibunya. Ibunya memang takutkan hospital.

Seketika berlalu. Pernafasan ibu beransur pulih. Bibah membuka matanya semula, kemudian memandang keliling. Berita yang beru didengarnya segera timbul di kepalanya. Hatinya hancur berkecai. Mazni masih di sisi ibunya. Bimbang dan cemas berkecamuk di jantung hatinya. Dalam suasana yang serba mencengkam itu sempat dia berdoa semoga ibunya akan pulih seperti biasa. Dia tidak rela kehilangan orang yang sangat dikasihi dalam hidupnya. Perginya manusia di hadapannya bermakna hilang separuh nyawanya sendiri. Tidak ada manusia lain yang benar-benar dikasihinya di dunia ini selain daripada ibu. Ibu yang sudah banyak berjuang, berkorban untuk hidupnya.

“Mak! Bagaimana rasa sekarang?”

Ibu yang terbaring kemas ini masih tidak menjawab. Mazni semakin bimbang.

“Mak! Mak sakit lagi?” gerun dia melihat perubahan wajah ibu. Layu dan mengecewakan!

“Tak usah bimbang, Mazni. Aku rasa lebih baik aku mati dari aku hidup menanggung malu,” tiba-tiba begitu ucapan ibu. Mazni terkejut.

Terkejut mendengar keluhan yang di luar dugaannya.

“Mak! Kenapa mak kata begitu? Kenapa mak?” Air jernih mula turun lagi. Sedih dan terharu benar dia mendengar kata-kata ibu.

“Aku sangka anak aku yang seorang ini dapat mententeramkan hati aku! Rupa-rupanya tidak. Sampai hati kau buat aku begitu Mazni. Aku beri kau pelajaran, aku didik kau dengan sempurna. Ini balasan kau pada mak kau?” terketar-ketar suara ibu menahan kemarahan dan sesalan yang menggoncang dada kurusnya.

“Mak, apa maksud mak ni? Apa yang sudah Maz lakukan? Apa mak? Katakanlah dengan terus terang, jangan menuduh Maz begitu! Apa dia, mak? Apa dia yang mengecewakan hati mak? Apa dia?” rayu Mazni dengan esakan yang memanjang.

“Apa, kau tak tahu apa yang kau lakukan di belakang aku?” keras juga suara itu meskipun tertahan-tahan kalimah-kalimah yang keluar dari bibir kecut ini.

“Mak! Maz sungguh tak faham, apa yang sudah Maz lakukan hingga mak marah begini?”

“Mazni! Tak kusangka kau sanggup melakukan perbuatan yang terkutuk di belakang aku.”

“Apa yang dah Maz lakukan, mak?” Mazni menjerit takut.

“Kau lakukan perbuatan yang terkutuk, yang dilarang Tuhan. Kau berlaku sumbang dengan Karim.”

“Mak!” sampuk Mazni dengan pantas. Tersentak.

“Siapa kata ni? Maz masih suci, mak. Maz masih ingatkan diri Maz, masih tahu akan harga diri ni! Dari mana berita jahat ni? Dari mana?”

“Telinga aku sendiri mendengarnya.”

“Siapa yang bercakap begitu?”

“Orang-orang.”

“Mak percaya dengan cakap-cakap orang. Mak percaya? Mak! Percayalah, demi Tuhan, Mazni belum tergamak melakukan perbuatan terkutuk itu. Belum. Maz masih suci. Percayalah cakap Maz ni, percayalah! Orang memang sakit hati, memang dengki bila mendengar Maz akan berkahwin dengan Abang Karim. Dah banyak Maz dengar fitnah-fitnah orang pada Maz tapi Maz tetap sabar. Maz di pihak yang benar. Biarkanlah orang mengumpat, mengeji, Maz tetap dengan pendirian Maz. Hati Maz suci menerima Abang Karim,” jelas Mazni teresak-esak.

Ibunya terdiam.

“Mak percaya cakap Maz atau berita-berita yang dibawa oleh orang lain, mak?” tanya Mazni untuk mendapat kepastian atas sikap ibu dengan berita-berita jahat itu.

Bibah merenung siling biliknya. Bulat matanya ke atas. Sempit dadanya mengenangkan nasib dirinya itu. Selalu terseksa. ‘Betapa tidak adilnya dunia ini,’ fikir Bibah.

“Mak! Mak masih tak percayakan Maz?”

Ibunya tetap membatu. Mazni kecewa.

“Mak!” rintihnya.

Ibu lemah masih membisu seribu bahasa.

“Mak! Sampai hati mak buat Maz begini,” tangisnya tersedu-sedu. Tidak dapat ditahankan segala rintihan hati yang kecewa untuk mendapat kata penyedap dari ibu. Dia benar-benar kecewa. Hatinya bertambah hancur luluh mengenangkan ibu kandungnya mempercayai khabar-khabar angin yang tidak bertanggungjawab itu.

Mazni sudah lama menerima berita buruk mengenai dirinya dengan Karim. Tapi dia tidak mempedulikan fitnah-fitnah yang sengaja hendak memburuk-burukkan nama baiknya. Dia manganggap peristiwa itu perkara biasa dalam hidup manusia. Manusia yang tidak habis-habis dengan penyakit hasad dengki dan iri hati. Mazni tidak gentar menerima fitnah begitu. Biarkan, putusnya selalu. Tapi kini hatinya sungguh-sungguh kecewa bila ibunya sendiri mempercayai cakap-cakap orang yang tidak bertanggungjawab mengenai dirinya dengan Karim itu. Karim bakal suaminya.

Selalu Mazni menangis. Menangis dan terus menangis, sepuas hati. Biar lepas segala yang terbuku, tersengkang di lubuk hati. Baginya menangislah satu-satunya jalan keluar untuk melapangkan sesak di dada.

Rupa-rupanya berita jahat mengenai Mazni bukan habis di bibir-bibir teman-teman rapat Puan Rohana saja. Puan Rohana sendiri sudah mengetahuinya. Apa lagi tegak telinga Puan Rohana menerima berita yang sangat-sangat menyakitkan hatinya. Serta-merta darah panasnya menyirap ke seluruh anggota ibu yang sememangnya bersifat panas darah ini.

Malam itu Puan Rohana bertemu muka dengan Karim, soal Mazni itulah ditengkarkannya. Karim tetap mempertahankan diri. Tapi ibunya kuat mempercayai cakap-cakap orang daripada penjelasan Karim yang sebenarnya.

“Kalau tidak, takkan orang bercakap,” tengking Puan Rohana.

“Mak suka percayakan cakap-cakap orang. Orang memang suka melihat kita anak-beranak bertelagah. Saya tahu ada orang iri hati melihat saya mengambil Mazni sebagai isteri. Saya tahu,” jelas Karim serius.

“Sudah, jangan nak menuduh-nuduh orang. Diri sendiri tu dijaga.”

“Saya tak salah apa-apa. Saya tak melakukan perbuatan terkutuk tu,” tegas Karim lagi. Entah berapa kali sudah dia mengatakan begitu di hadapan ibunya ini.

“Kalau tak apa-apa kenapa berdua-dua ke Singapura, dah tak peduli siang dan malam,” tekan Puan Rohana. “Cakap!” tekanan suaranya begitu kuat dan lantang.

“Saya pergi ke Singapura hanya berjalan-jalan saja, tak lebih dari itu. Mereka sengaja nak buat heboh! Siapa? Siapa yang jadi pengintip saya ni? Siapa? Cuba mak katakan, biar saya jumpa dan bersemuka dengannya. Saya radang mendengar prang mengatakan yang bukan-bukan tu. Siapa? Siapa dia? Geram saya.” Karim sudah tidak dapat berlembut, bersabar lagi.

Ibunya terdiam.

“Siapa? Katakan, biar saya jumpa dengan manusia yang suka membawa mulut tu. Siapa, mak? Dah bertemu muka nanti baru mak tahu dengan jelas siapa yang salah siapa yang benar, saya berani berjumpa dengan manusia durjana itu,” Karim semakin berani.

Ibunya teragak-agak hendak memberitahu orang yang menyampaikan berita buruk itu. Mak Atun yang menyampaikan kepadanya dan orang gaji itu mendapat berita dari mulut Puan Mahani.

“Atun yang menyampaikannya,” kata Puan Rohana lepas.

“Mak Atun? Mak Atun dengar dari mana?” soalnya keras.

“Puan Mahani yang menyampaikannya.”

“Oh … patutlah. Perempuan tak sedar diri. Kita tak layan keletah anak daranya, dia buat kacau pulak. Manusia-manusia! Mak jangan dengar cakap Puan Mahani tu. Dia sengaja hendak menjahanamkan kita. Tak apa, biar saya ajar mukanya. Melampau sangat. Bawa mulut yang bukan-bukan.”

“Jangan … jangan, Karim. Jangan nak buat gila. Dah, biarkan dia mengata, jangan nak buat gaduh,” tegah Puan Rohana. Dia bimbang sedikit. Bimbang kalau anak muda yang sudah radang ini menyerang rumah Puan Mahani, jiran baiknya.

Bibah semakin kesal mendengar Karim dan ibunya bertelagah. Sesal kerana Mazni membuat suasana rumah Encik Haris kini selalu tegang. Kalau dulu perempuan tua itu tidak pernah melihat Puan Rohana masam-masam muka kepadanya, kini wajah bersinga itulah yang selalu ditunjuk-tunjukkannya. Dan kalau dulu ibu ini jarang-jarang mendengar suara Puan Rohana memekik-mekik, kini laung dan tengking herdiknyalah yang selalu memecah ketenangan rumah dua tingkat itu. Melihat perubahan ini, Bibah semakin terseksa. Dia menyesali nasibnya yang selalu malang itu. Perasaannya selalu terganggu dan kesihatannya turut sama. Mencemaskan.

Mazni sudah berura-ura mahu menghantar ibunya ke hospital. Ibunya menolak. Menolak dengan keras, serta dengan mengeluarkan kata-kata yang menyayat hati Mazni.

“Tak usah, tak usah ganggu aku, Maz! Kau memang tak sayangkan mak! Kau kecewakan hati dan harapan aku. Selama ini, aku sangka aku punya puteri yang berbudi pekerti tinggi, bertanggungjawab pada diri sendiri, pandai menjaga nama baik ibu! Rupa-rupanya tidak. Lebih baik aku mati daripada hidup serba menyeksa begini,” rintih ibu dengan tarikan nafas yang bergelombang.

Mazni terkaku. Air jernih tidak turun lagi. Sudah puas dia menangis. Malah lebih daripada puas dirasakannya. Kini dia sudah tidak dapat berfikir dengan baik, tidak dapat bertindak dengan bijak. Kegelisahan mematikan segala daya pemikirannya. Termenung saja yang dia tahu. ‘Betapa kecilnya dia sebagai makhluk yang hidup di dunia ini!’ bisiknya. Alam sekeliling dirasakan hangat dan menghimpit tubuhnya, Dan kadang-kadang dirasakan sudah terhenti denyut nadinya! Dia lemas di lautan kekecewaannya sendiri. Kecewa untuk mendapatkan keyakinan daripada ibu bahawa dia masih suci. Masih murni.

Dan selang beberapa hari ibu tua itu memendam rasa sesal yang tidak berkesudahan ini terseksa, dia menghembuskan nafas yang terakhir dalam tidurnya. Ibu malang itu pergi buat selama-lamanya. Pergi menghadap Tuhan tanpa meninggalkan sepatah pesan pada anak yang tinggal.

Mazni pengsan bila mendapati ibunya sudah tidak bernyawa lagi. Terbang separuh nyawanya dirasa. Dunia keliling menghimpit, mendesak tubuh lampai ini. Terhenti sudah denyut nada dirasa. Tidak ada apa yang dapat dilakukannya selain daripada menangis dan menangis hingga bengkak mata. Biarkan! Hatinya benar-benar hancur.

“Betapa kecilnya aku sebagai makhluk Tuhan!” rintihnya sayu.

Hari semalam tidak terlintas di kepalanya bahawa hari ini dia akan ditinggalkan oleh ibu yang dikasihinya. “Tuhan …!” keluhnya

sepatah. Dan terus menangis tanpa malu dan segan lagi. Hatinya benar-benar luka.

“Maz! Ingat nak, kita beragama. Agama menegah kita menangis begini. Apakah kau dah tak ada iman lagi, Maz?” kata Mak Atun yang sudah jemu memujuk Mazni.

“Mak Atun!” jawabnya dalam sedu-sedannya. “Maz ada iman lagi. Tapi, hati Maz hancur … hancur,” kata Mazni dengan tangis yang menyayat hati. Orang sekeliling yang ada bersama di hari mengkebumikan mayat ibu turut melelehkan air mata. Sedih.

“Ingatlah, itu semua sudah takdir Tuhan. Kita tak dapat merombaknya lagi. Terimalah segala-galanya dengan hati yang sabar,” nasihat Mak Atun.

“Ya, Maz tahu. Maz sedar diri. Tapi, belum masanya lagi mak mesti meninggalkan Maz! Belum masanya! Maz masih perlukan kasih sayangnya. Maz masih perlukan perlindungannya,” rayu gadis ini lagi dengan tangis mencuit hati.

Karim juga sama terharu melihat Mazni, bakal isterinya ini merayu-rayu begitu. Dan lebih dikesalkannya lagi apabila diketahui, ibu Mazni terseksa kerana terkejut mendengar berita jahat yang disampaikan oleh Puan Mahani itu. Karim sungguh-sungguh kesal. Tapi apakan daya, segala-galanya sudah berlaku. Apa yang harus diambil perhatian sekarang ialah Mazni. Mazni yang tidak beberapa hari lagi menjadi isterinya. Mazni harus diberi nasihat dan semangat untuk memulihkan semula hati yang hancur luluh itu. Karim sedar akan hal ini.

“Sabarlah, Maz! Kita tidak dapat mengatasi takdir Tuhan. Yang pergi sudah tentu jalannya. Kita yang hidup ni jangan hilang pertimbangan menghadapi takdir ini. Bertenanglah. Hidup ini pengorbanan, Maz! Tak hidup kalau tak sanggup berkorban! Kita mesti sanggup berkorban apa saja, hinggakan kepada benda-benda dan orang yang kita kasihi. Sabarlah!” pujuk Karim.

Mazni diam memasang telinga mendengar nasihat Karim.

Tidak sepatah kata yang keluar dari bibir yang selalu mengorak senyum manis itu. Mazni membisu, tapi air jernih sudah lama mengalir membasahi pipi segarnya. Tidak ada esakan yang kedengaran. Dia menangis diam-diam menahan luka hati yang dalam. ‘Biarlah dia sendiri menanggung sengsara ini,’ rintih Mazni sendiri. Orang lain tidak akan mengerti hatinya. Hatinya sudah hancur berderai dek kehilangan seorang insan yang sangat-sangat dikasihinya. Manusia yang sudah banyak berkorban untuknya. Tapi pergi menghadap Tuhan dengan hati yang sesal. Sesal kerana

mendengar anak yang dikasihinya melakukan perbuatan curang. “Mak … mak salah faham. Mak salah terima. Maz masih suci. Maz masih tahu akan harga diri Maz ni. Mak!” rintih Mazni dengan hati yang kesal. Kesal. Sungguh kesal.

Bila dia keseorangan malam itu, Mazni bangun perlahan-lahan membuka tingkap kecil yang menghala ke Selat Tebrau yang selalu mengilhamkannya. Direnungnya selat yang terdampar jauh itu. Gelap. Langit malam itu disalut awan hitam yang mengandungi hujan. Tak ada bintang yang kelihatan. ‘Selat Tebrau juga turut bersedih,’ kata hati kecilnya. ‘Langit Tanjung Puteri turut bersedih,’ kata hati kecilnya. ‘Langit Tanjung Puteri juga bersimpati dengan nasibku!’

“Tuhan!” keluhnya sepatah. Dia merenung lagi selat yang luas terbentang itu. Tak ada apa-apa kelihatan, hanya api merah yang terkelip-kelip jauh dari tanah Temasik di seberang.

Mazni menutup tingkap setelah badan kecil ini diresapi oleh angin malam yang mula kencang.

Kini dia terbaring pula di katil ibu yang disayanginya itu. Mazni membalik-balikkan kisah-kisah semalam. Kisah semalam yang serba hitam. Tak pernah disangka bahawa dia akan kehilangan ibu di saat-saat dia menempuh hidup yang serba menekan ini. Enam bulan dulu tak pernah terlintas di kepalanya, bahawa dia akan berhenti sekolah. Dia akan bekerja. Dia akan kehilangan ibu. Dan dia akan berkahwin dalam umur belasan tahun. Tak pernah diduganya. Tak pernah. Betullah, manusia tak tahu apa yang akan terjadi di hari esok. Manusia hanya dapat merancang, meneka sesuatu di hari esok. Tapi tidak semua apa yang dirancang, apa yang diteka berlaku sebagaimana yang dijangka. Apa yang tidak pernah difikirkan akan berlaku, boleh berlaku di hari ini. ‘Allah! Kaulah saja Yang Maha Berkuasa,’ bisik Mazni sendiri.

Mazni terus berbaring di bantal ibu. Badannya dirasa letih tidak bermaya. Matanya perit kerana menangis siang tadi. Kepalanya sakit. ‘Dia perlu tidur,’ kata hatinya sendiri. Tapi mata kuyu itu terus segar melayan perasan hati yang bergolak di malam sunyi itu. Berfikir dan terus berfikir.

BAB 16

Peperiksaan Sijil Tinggi empat bulan lagi. Hari perkahwinan Mazni dan Karim dua hari lagi. Persiapan untuk istiadat persandingan anak bongsu Encik Haris sudah diatur. Kad-kad jemputan sudah berjalan.

Mazni tenang saja menghadapi hari yang bakal ditempuhinya itu, meskipun dia sedar di saat itu dia akan menanggung satu beban lagi. Menanggung satu tugas lagi. Tugas sebagai seorang isteri. Dan tugas itu tentu besar. “Bukan mudah menjadi isteri di zaman moden ini,” kata Rahmah, kawan sekolahnya yang sudah berumah tangga. Mazni menerima buah fikiran teman ini dengan tenang juga. Segala-galanya sekarang cuba diterima dengan wajah yang senang dan tenang. Otak ini, hati ini, jiwa ini, badan ini, sudah kerap mengalai dugaan hidup. Kini dia cuba mengubah sikap yang agak berlainan daripada sikapnya dulu. Dia cuba menerima hidup dengan senyum dan tawa walaupun hatinya sering menangis bika terkenang akan sejarah hitam hari semalam. Tapi dia cuba tersenyum di hari-hari esok dengan penuh harapan.

Dia tidak mesti berterusan bersedih kerana di hadapannya sekarang banyak tugas yang minta diselesaikan. Sekolahnya, kerjanya, dan hari perkahwinannya. Dia cuba mengembalikan suasana gembira seperti dulu, seperti dia masih bersekolah. Dia rindu benar dengan suasana gemilang itu.

Petang Selasa itu, Mazni bertemu dengan Zaki, kawan baik yang selalu memberi semangat untuk terus belajar. Pertemuan itu di atas permintaan Zaki sendiri kerana ada sesuatu yang mustahak mahu disampaikan.

Di rumah di tepi padang golf inilah mereka bertemu. Rumah Zaki.

“Takziah atas kematian ibumu, Maz!” kata Zaki dengan nada suara yang sedih. Memang dia sedih menerima berita kematian ibu kawannya ini. Dirasanya bersama bagaimana hancurnya hati gadis ini menerima kehilangan ibu. Tapi apakan daya, segera diingat bahawa segala-galanya itu sudah kehendak Allah.

Mazni diam saja menerima ucapan yang kudus itu. Hatinya tercuit juga. Sedih.

Kemudian Zaki bersuara lagi. “Err … tahniah dariku pada kau yang akan menjadi raja sehari,” kata Zaki dengan suara yang teragak-agak. Dia melukis sebuah senyuman, tapi wajahnya layu. Ada tanda-tanda yang terkilan di hati.

Mazni terus membisu. Tak tahu apa yang harus dikatakan. Apa yang harus dilahirkan. Apakah dia benar-benar gembira dengan ucapan itu atau sebaliknya? Dia tidak mengerti perasaan hatinya sendiri. Ganjil!

Zaki menantikan cetusan perasaan hati gadis di depannya itu. Tapi hampa. Mazni terus tenang. Dia tidak berkata apa-apa. Tangannya saja bergerak lincah membalik-balik majalah keluaran Universiti Singapura kepunyaan Zaki. Ucapan yang bermakna dari Zaki seolah-olah tidak punya pengertian apa-apa pada gadis ini. Zaki bertanya-tanya sendiri. Dia cuba mengusik lagi.

“Hmm … dah jadi isteri jurutera gagah tak sekolah lagilah?”

“Siapa kata?” jawab Mazni. Masih bersahaja.

“Tentulah begitu. Isteri orang bergaji empat angka masakan bisa bersekolah lagi, perlu apa lagi susah-susah menghadap buku, ya tak?” kata Zaki berselera.

Mazni masih tenang seperti orang yang tidak berminat untuk berbicara terus. Lama baru dia menjawab sangkaan Zaki itu.

“Apakah kau fikir seorang isteri itu tidak perlu untuk belajar lagi?” tanya Mazni dengan nada yang separuh kesal.

“Biasanya begitulah, bila sudah menjadi isteri, sudah sibuk dengan urusan rumah tangga. Sudah sibuk dengan urusan-urusan peribadi. Dah tak ada masa untuk membuka buku. Banyak gadis yang sudah berumah tangga begitu. Hah, tak lama lepas tu dah menguruskan anak pulak,” Zaki menambah dengan ketawa. Ketawa yang separuh dibuat-buat. Mazni terhina dengan ketawanya itu.

“Zaki, jangan menganggap semua gadis tu begitu. Manusia punya sikap hidup yang tersendiri. Jangan terlalu sempit berfikir untuk sesuatu masalah.”

“Ya, aku tahu cita-cita dan konsep hidup seseorang tu tak sama. Tapi, aku ragu-ragu dengan pengakuanmu. Kerana dah banyak kawan wanitaku yang bersemangat seperti kau ni juga, tapi bila sudah berumah tangga, hilang lesap segala apa yang dicita-citakan.”

“Mungkin benar berlaku, tapi aku akan terus belajar. Aku akan ambil peperiksaan *HSC*ku meskipun sudah menjadi seorang isteri.”

“Kasihan!” sampuk Zaki. Dia ketawa. Entah apa yang digelikan hati, Mazni kurang mengerti.

“Hai! Kenapalah menyusah-nyusahkan diri, Maz. Tak ada beban cari beban. Kalau tidak berumah tangga kan bebas bergerak. Lebih banyak masa untuk pelajaran. Kenapa lekas-lekas nak berumah tangga? Kenapa, Maz? Aku tak faham dengan tindakan kau ni. Malah aku

tidak menyangka kau, seorang gadis yang begitu tegas dalam segala hal boleh bersikap begini. Kenapa, Maz?" Zaki ingin tahu. Tapi yang sebenarnya dia ingin menyelidik hati nurani gadis yang menjadi buah hatinya secara diam-diam selama ini.

Mazni tidak menjawab. Tak tahu apa yang harus dikatakan. Kerana dia sendiri juga tidak faham kenapa dia cepat-cepat hendak berumah tangga. Malah dia sendiri tidak menduga akan berkahwin sebelum keluar universiti.

"Kenapa terburu-buru untuk berumah tangga?" ulang Zaki lagi.

"Aku sendiri tidak tahu kenapa aku mesti cepat-cepat berumah tangga," jawab Mazni seperti budak bodoh.

"Jawapan kau tu meragukan. Seperti orang tak ada pendirian dalam hidup," sela Zaki.

"Hidup manusia tak sama, Zaki. Dan nasib manusia juga tak sama."

"Memang tak sama. Memang tak pernah kita tahu sebelumnya. Samalah aku tidak pernah tahu yang kau akan menjadi isteri seorang jurutera gagah. Nasib orang … nasib sendiri saja yang hangus …," keluh Zaki. Membawa hati.

"Nasibmu. Bintangmu lebih cerah dari bintangku, Zaki."

"Mungkin pada pandangan kau, pandangan dari lahirnya saja aku kira. Kau tak tahu hatiku, Maz. Aku kecewa, kecewa …," Zaki melahirkan perasaan yang selalu mencucuk-cucuk dinding hatinya sejak menerima berita pertunangan Karim dengan Mazni, gadis yang dipujanya secara diam-diam itu.

"Apa maksud kau, Zaki? Aku tak mengerti!" Mazni terkejut. Segera direnungnya wajah siswa yang banyak berjasa padanya ini.

"Ah … tak guna dikatakan lagi. Sudah terlambat barangkali. Inilah yang dikatakan orang, bunga dipuja dipetik orang!"

Wajah Mazni kini berubah serta-merta. Dari tenang kepada gelisah tiba-tiba.

Perlahan-lahan dia mengerti bahawa Zaki yang dianggapnya terlalu sepi untuk membicarakan masalah cinta rupa-rupanya menaruh hati padanya. Benarkah dia mencintaiku. Sungguh-sungguhkah? Kalau benar dia menaruh hati, kalau benar dia memujanya selama ini, kenapa tidak dikatakan dulu-dulu lagi, kenapa?

"Zaki, apa maksud kau yang sebenarnya," lembut saja suara gadis ini. Dia bimbang menghadapi satu kemungkinan yang tercetus di hadapan matanya kini. Hatinya kecut.

“Aku kira perhubungan mesra kita ini akan membuahkan satu perkongsian yang bahagia setelah memahami hati masing-masing selama ini! Rupa-rupanya tidak. Hati ini saja yang berangan-angan indah. Berangan-angan untuk memetik bunga yang dipuja selama ini. Sedangkan bunga itu memuja orang lain. Mencintai kumbang lain. Kumbang yang lebih gagah,” Zaki melahirkan perasaan kecewa sambil menyindir tajam.

“Zaki, kau salah anggap. Aku …,” kalimah itu mati di situ. Tidak dapat diteruskan. Kerana ada batu yang menyengkang di kerongkongnya. Dia tidak tergamak melahirkan perasaan yang sebenar. Kerana dia teringat, bahawa dia kini tunangan orang. Dia tak mahu melukai hati Karim. Karim yang sungguh-sungguh mencintainya. Karim yang sudah banyak berjasa untuknya. Biarlah dia berkorban untuk Karim. Biarlah dia terseksa asalkan Karim senang hati. Dia tahu, dia tidak jujur dalam cintanya. Cintanya pada Karim tidak sepenuh hati. Dia sedar, hidupnya hidup pura-pura. Tapi biarlah hatinya sendiri menanggung penyeksaan batin itu. Biarlah.

Sebenarnya Mazni juga terpaut pada Zaki sejak dulu-dulu lagi. Tapi kerana mereka selalu sibuk tentang pelajaran, maka masing-masing memendam rasa soal hati itu. Masing-masing percaya masanya masih jauh untuk memperkatakan soal cinta. Soal berumah tangga. Zaki berkira-kira tentu Mazni tidak mudah menerima lamaran sebelum dia lulus universiti. Begitu sangkaan Zaki. Rupa-rupanya tidak.

“Zaki! Cinta itu perkorbanan, bukan?”

“Maksud kau, aku mesti terus terseksa?”

“Tidak, aku tak mahu kau mengambil sikap begitu. Dunia ini luas. Carilah teman yang lain. Kalau satu pergi, seribu yang menanti. Jangan lekas putus asa. Pandanglah hidup ini dengan wajah yang sentiasa tersenyum.”

“Walaupun hati sebenarnya menangis?”

“Ya,” sambut Mazni tegas. “Kerana aku sendiri terseksa, Zaki. Berbagai-bagai peristiwa sedih yang menimpa. Tapi sekarang aku faham. Kita manusia hanya sanggup merancang sesuatu, yang melaksanakannya ialah Allah. Buatlah rancangan hidup yang lebih bermakna. Lupakanlah aku. Jadikanlah peristiwa manis di zaman anak-anak sebagai kenangan-kenangan indah hari tua. Mungkin bukan jodoh kita,” putus Mazni dengan perasaan kesal.

“Jadi, kau menyerah saja bulat-bulat pada takdir Tuhan? Begitu?”

“Tidak ….”

“Akuan kau saja tidak. Tapi sikap kau, tindakan kau, seperti manusia

yang tidak punyai daya, tak punya fikiran untuk bertindak menghadapi hidup yang serba ragam ni."

"Ah …," keluh Mazni. "Kau tak akan mengerti hati aku ni, Zaki."

"Kau sengaja menyeksa diri," tuduh Zaki. Geram sedikit.

"Zaki, aku tak sanggup mungkir janji. Aku tak sanggup melukai hati orang yang sungguh mencintai aku."

"Walaupun kau tidak cintakannya sepenuh hatimu?"

"Ya. Tapi tak apalah, biarlah hati aku terseksa, asalkan hati orang senang."

"Oh, begitu mulia hatimu! Tapi takkah kau sedar yang tindakan kau itu menyeksa hati orang lain. Menyeksa aku," Zaki sudah tidak segan-silu lagi melahirkan perasaan hati yang sebenar.

"Janganlah kau tambah penyeksaan batin ini, Zaki. Tolong … tolong lupakan aku. Aku bukan mahu menyeksa hati sesiapa. Tidak! Aku tahu bagaimana seksanya hati yang kecewa. Aku tahu. Tolonglah lupakan aku. Hadapilah masa depanmu dengan wajah yang tenang. Cuba alihkan pandangan ke taman lain. Janganlah kau anggap tindakan aku ini terlalu kejam! Jangan! Aku tidak berniat begitu. Tak pernah, Zaki! Aku lahir bukan untuk menyeksa hati orang. Bukan! Tolong, lupakan aku," pinta Mazni sepenuh hati.

"Betapa mudahnya bercakap begitu. Sedangkan hati ini luka parah! Kata orang, betapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul." Zaki masih belum dapat menerima nasihat Mazni.

"Hidup ini pengorbanan, Zaki. Kita mesti sanggup berkorban, apa saja untuk hidup. Kalau ikutkan hati, mati," pujuk Mazni.

Termasuk juga di akal siswa yang bakal menjadi doktor ini. Dia tahu, dia sedar. Malah dia juga selalu mengatakan hidup ini mesti sanggup berkorban. Tapi bila menghadapi cabaran diri dia lupa itu. Dia lupa. Perasaan lebih mengatasi fikiran!

"Mazni … Mazni! Cinta kita tak ke mana rupanya!"

"Kenapa pulak?"

Zaki terdiam. Dia bingung sendiri.

"Cinta tak semestinya berakhir dengan perkahwinan, Zaki. Cinta tetap cinta. Malah kukira, cintaku pada kau masih tetap membara. Janganlah kau sangka aku begitu kejam," nada suara Mazni semakin merendah menahan perasaan hati. Tapi wajahnya tenang. Setenang laut yang tidak bergelombang.

Zaki terdiam. Memang benar kata-kata Mazni itu. Cinta tak mesti

berakhir dengan perkahwinan. Cinta tetap cinta. Mati fikirannya. Otak yang selalu cergas dalam pelajarannya, kini kaku lembap dalam menghadapi soal peribadi. Sekali lagi disedarinya. Perasaannya lebih mengatasi fikirannya.

“Mazni!” keluhnya sepatah. Pandangannya dilempar jauh ke tengah padang golf yang luas lepas itu. ‘Begitu luas padang golf itu,’ fikirnya, ‘lebih luas lagi padang cabaran yang bakal ditempuhinya nanti.’

Mazni membisu. Zaki juga kaku. Masing-masing dengan perasaan yang susah dimengertikan. Sesal? Entahlah! Kepada siapa yang harus disalahkan? Marah? Tidak juga? Apa yang harus dimarahkan? Masing-masing tenggelam di lautan perasaan sendiri-sendiri.

BAB 17

Saat yang ditunggu oleh Karim sudah tiba. Semua para jemputan sudah hadir. Pengantin yang merupakan raja dan permaisuri sudah disolek dengan cantik dan kemas. Masing-masing memakai baju kebangsaan menurut adat orang-orang Tanjung Puteri. Berbaju kurung bagi perempuan dan berbaju Melayu dan bertanjak bagi lelaki.

Dua tiga orang kawan baik Mazni turut sama di malam yang bersejarah ini. Masing-masing senyum-senyum simpul mengucapkan selamat pengantin baru kepada Mazni. Mazni menerimanya dengan tenang. Tidak ada riak gembira di wajah gadis yang sudah merupakan puteri kayangan ini. Mazni yang memang sudah sedia cantik itu bertambah-tambah jelita lagi apabila dipakaikan dengan baju songket dan mahkota intan permata di kepala.

'Kenapa hati ini tidak seriang, tidak segembira manusia lain di malam perkahwinan ini?' tanya Mazni sendiri. 'Adakah aku sedang bermimpi sekarang? Tidak! Aku berada di alam nyata, di dunia yang bernyawa. Aku masih bergerak, masih boleh berfikir.' "Mak!" keluhnya tiba-tiba. Segera air jernih yang sudah lama tidak mengalir itu turun membasahi pipi yang sudah ber*make-up* kemas. Dia terkenangkan ibu yang sudah pergi jauh. Hatinya sedih kerana hari perkahwinannya tanpa ibu, apalagi ayah. Air jernih terus turun. Jurusolek terkejut apabila melihat puteri jelitanya menangis.

"Kenapa?" kata nyonya jurusolek dari kedai solek yang diundang khas untuk perkahwinan Mazni ini. "Kenapa menangis?" tanya nyonya itu lagi, tidak mengerti.

Orang sekeliling berpandangan. Puan Rohana yang kebetulan menjengah bilik pengantin yang serba indah itu turut terkejut.

"Kenapa ni?" keras saja bunyi suara Puan Rohana.

Mazni menundukkan kepala.

Nyonya jurusolek segera mengesat air muka dan menyoleknya semula.

"Jangan nak rosakkan majlis orang," tambah Puan Rohana berupa amaran. Kemudian berlalu.

Mazni mengeluh panjang. Hatinya berdoa. 'Ya, Allah, tetapkanlah iman aku,' pintanya bertalu-talu.

Wajahnya kini tenang semula.

"Jangan bersedih, Maz. Cuba bergembira." Pujuk teman-temannya yang bersimpati dengan keadaan Mazni. Masing-masing yang berhati

perempuan itu faham bagaimana sedihnya hati Mazni bila teringatkan ibu yang tidak ada bersama di majlis perkahwinannya itu.

Majlis persandingan bermula. Masing-masing menumpukan perhatian ke arah dua suami isteri ini.

“Cantik!” kata Encik Lim, jiran Puan Rohana, kepada Puan Mahani.

Puan Mahani mengangkat kening. Tidak terkata apa-apa. Ketawa pun tidak. Senyum pun tidak. Perasaan iri hati meloncat-loncat di kelopak hati.

Masing-masing memuji kecantikan Mazni. Dan pasangan dua sejoli ini memang padan. “Macam pinang di belah dua,” kata teman-teman Karim. Hanya di kalangan teman-teman Puan Rohana yang banyak cerewet, berbisik-bisik sama sendiri.

“Sayang! Budak tu cantik, tapi anak orang gajinya sendiri. Itulah yang kurang eloknya.”

Dalam para tetamu di majlis serba indah itu tidak ketinggalan Zaki. Zaki melihat Mazni bersanding dengan Karim di pelamin yang dibuat khas di malam itu dari jauh saja. Tidak sanggup dia menentang mata kuyu Mazni yang suatu hari dulu dipujanya. Setelah melihat itu, Zaki segera pulang. Dia merasa sesuatu yang susah dimengertikan. Dia kecewa. Kecewa untuk hidup di samping Mazni yang dipujanya bertahun-tahun itu.

Sampai di rumah, Zaki termenung di bangku tempat selalu dia berbual-bual dengan Mazni. Lama dia merenung padang golf yang gelap pekat itu. Fikirannya segar membalik-balik kisah suka di samping Mazni. Hatinya terusik.

Ibu yang mengerti perasaan hati anak mudanya segera menyapa dengan tujuan mahu memujuk.

“Sudahlah, Zaki. Bunga bukan sekuntum. Bukan jodoh kau dengan Mazni, apa yang nak dikatakan,” kata ibu.

Zaki terkejut daripada khayalan. Menoleh ke arah ibu. Kemudian menundukkan kepala. Terasa malunya. Malu kerana rahsia hatinya diketahui ibu.

“Belajar dulu, dah lulus nanti adalah yang menunggu,” ibu cuba memberi semangat. Zaki diam saja. Hatinya berkata, ‘Cintaku pada Mazni bukan diukir di hari semalam, tapi sudah bertahun-tahun bertakhta di hati.’ Cuma tidak dihebahkan saja pada ibu atau Mazni sendiri. Dia memuja diam-diam. ‘Inilah salahku,’ kata hati kecilnya. Dia terlalu percaya pada gerak hati bahawa bertindak mesti berhati-hati. Terlalu berhati-hatilah aku melepas. Bunga dipuja dipetik orang. Tangan gagah, lesu sendiri akhirnya!

Melihat Zaki tidak menjawab apa-apa, ibunya melarikan diri. Dia tidak suka mengganggu anak muda yang selalu serius ini.

Zaki terus termenung.

“Sampai bila harus membawa hati?” soalnya sendiri.

Dunia ini masih luas. Tanggungjawabnya banyak menanti. Peperiksaan tahun akhirnya tidak berapa bulan lagi. Tinggallah dulu soal cinta! Dia membuat tekad sendiri. Cita-cita harus dikejar dulu. Kalau tidak, akan kecewa kedua-duanya. Cinta untuk mendapatkan Mazni sudah gagal. Mestikah cita-citaku juga turut sama? Tidak! Aku mesti lulus. Aku mesti lulus. Zaki bangun melucut baju dan segera ke meja tulis. Belajar.

Mazni yang baru memasuki dunia rumah tangga kini sudah mula bertukar corak. Wajahnya sudah mula berseri-seri. Senyumnya kini sudah ramah. Malah selalu di bibir kalau bersama-sama Karim. Karim yang sungguh-sungguh cintakan Mazni sanggup berbuat apa saja, asalkan hati isterinya terhibur. Apabila hati Mazni terhibur, hatinya juga akan terhibur. Hati suami mana yang tidak bahagia kalau menerima layanan yang baik, senyum yang manis daripada isteri yang jelita dan pandai mengambil hati itu.

Seminggu berbulan madu di Cameron Highlands dan Kuala Lumpur benar-benar mengubah sikap Mazni. Kalau dulu selalu bermenung dan berwajah layu; kini wajah ini benar-benar bernyawa.

Tapi pandangan ini pelik dan ganjil pada pandangan jiran-jiran Puan Rohana.

“Kudung dapat cincin, begitulah! Orang tak pernah jumpa senang, sekali jumpa lupa daratanlah!” kata Puan Mahani dan Puan Ainun bila melihat Karim dan Mazni riang ketawa dalam kereta Volvo mereka.

Pasangan ini benar-benar bahagia. Bukan saja kegembiraan itu dirasakan oleh Mazni dan Karim. Encik Haris juga turut bersyukur melihat Karim, anaknya selamat berumah tangga.

“Awak tengok, Puan Rohana, bagaimana hidup Karim sekarang. Benar-benar bahagia dan bertanggungjawab sebagai suami. Kelakuannya pun berubah. Kalau dulu tak pernah ada di rumah, siang malam keluar tidak tentu hala, sekarang sudah ada batasnya. Takkah gembira hati awak melihat anak kita selamat berumah tangga,” Encik Haris melahirkan perasaan senang sebagai seorang ayah.

Puan Rohana dial saja. Hatinya saja membenarkan pendapat suaminya itu. Dia tidak mahu mengiakan cakap-cakap suaminya. Bersetuju bermakna mengaku kalah menurut tafsiran Puan Rohana. Dia takut suaminya memulangkan paku buah keras. Kerana Puan Rohana

menentang habis-habisan cadangan Encik Haris hendak bermenantukan Mazni dulu.

“Tak tumpang bahagiakah awak melihat anak-anak gembira dan selamat berumah tangga, Puan Rohana?” tanya Encik Haris yang tidak berniat mahu menempelak apa-apa. Hanya tertanya-tanya saja.

“Suka,” jawab Puan Rohana sepatah. Hatinya bimbang. Encik Haris tersenyum saja. Tidak berkata apa-apa. Puan Rohana saja yang bimbang sendiri.

BAB 18

“Gaji Karim dah begitu besar masih juga menyuruh Mazni kerja. Hai! Masih diharapkan juga gaji Mazni yang tidak berapa sen itu?” kata Puan Mahani pada Puan Rohana.

“Dia suka bekerja. Dan Karim suka isterinya bekerja, biarkanlah. Saya tak melarang,” jawab Puan Rohana senang.

“Menantu duduk-duduk goyang kaki di pejabat. Mak mertua memasak nasi di rumah. Baik hati betul awak, Puan Rohana,” umpan Puan Mahani yang berpenyakit busuk hati.

“Buat apalah dibenarkan kerja. Isteri seorang jurutera tak layak bekerja, Puan Rohana. Patut pasang badan saja di ruman menanti kepulangan suami. Awak tengoklah saja Roger, anak Doktor Tan, isteri dia tu guru dari England, lagikan diberhentikan? Roger dah bergaji besar. Roger dengan Karim tu sama pangkatnya,” semakin galak cakap-cakap Puan Mahani.

‘Benar juga,’ kata hati Puan Rohana. Apa kurangnya Karim hendak mengharapkan gaji isteri yang tidak berapa sen itu. Isteri orang besar sepatutnya menguruskan rumah tangga saja. Tak perlu bekerja.

Malam itu Puan Rohana mendesak Karim. Mazni tidak ada di rumah kerana kelas malamnya.

“Tak malu ke kau ditengok orang masih mengharap gaji isteri yang tidak berapa sen tu? Macamlah orang tak mampu menanggung isteri. Lebih baik Mazni tu menolong aku di rumah ni. Tempat si isteri di rumah menguruskan rumah tangga, bukan di pejabat, Karim.”

Cucuk demi cucuk. Hasut demi hasut, jarum Puan Rohana termasuk ke hati Karim. Karim yang tidak suka melihat wajah ibu yang berkerut itu, menurut saja kehendak ibunya. Kalau tidak diikutkan muncungnya akan berterusan. ‘Ini merbahaya,’ fikir Karim.

“Kalau Maz tak kerja, dapat juga menolong mak di rumah ni. Dan dapat mengulang kaji pelajaran Maz tu. Periksa dah tak lama lagi,” kata Karim menyembunyikan keadaan yang sebenar.

“Suka hati abanglah. Berhenti pun berhentilah asalkan jangan Maz diperberhentikan dari sekolah malam tu, sudahlah,” pinta Mazni ikhlas. Hatinya masih kuat pada pelajarannya. Dan Karim tidak pula menyekat hasrat hati isterinya itu.

Selang seminggu Mazni meletakkan jawatan di bank itu, terdengar berita bahawa tempat yang dikosongkannya sudah diisikan oleh Adham, anak Puan Ainun yang tidak lulus SC. Mazni dan Karim

berpandangan menerima berita itu. Kemudian senyum. Senyum bermakna.

Peperiksaan sebulan lagi.

Hati Mazni kecut juga bila mengingat-ingatkan hari peperiksaannya. Di saat-saat cemas inilah dia terkenangkan Zaki. Zaki yang selalu menolong di dalam pelajaran. Tapi kini Zaki sudah tidak ditemuinya lagi. Bukan kerana dia sudah melupakan siswa muda ini. Tidak. Cuma dia harus hati-hati mengatur langkah hidup di dunia yang serba menghimpit ini. Dipujuknya hati yang selalu merindui wajah siswa muda ini. Dia takut kalau-kalau pertemuannya dengan Zaki akan disalahertikan oleh Karim atau Puan Rohana. Dia tidak sanggup menghadapi suasana tegang yang pernah ditempuhinya di dalam rumah batu dua tingkat ini waktu sebelum dia bernikah dengan Karim. Ngeri dia.

Mazni rindukan suasana yang aman damai. Kalau boleh, biarlah damai sepanjang hayat.

'Biarlah manusia sekeliling mengumpat, mengejinya. Bencikan dia. Tak mengapa, asalkan Karim, bapa, dan emak mertuanya tidak membencinya, sudah!' fikir Mazni. Dia tidak suka berfikir yang jahat-jahat, yang buruk-buruk, buat menyemakkan otak kepalanya saja. Fikirannya harus ditumpukan kepada pelajaran.

Kata nista kawan pun tidak dihiraukannya. Segala giat kawan yang iri hati dengan sikap tegasnya dilemparkan jauh-jauh meskipun hatinya terguris. Dia cuba melupakannya. Pernah gurunya sendiri, Cikgu Chua menghinanya.

"Gaji suami awak sudah cukup, Mazni. Lebih dari cukup, bukan?"

"Saya belajar bukan kerana gaji, atau mengejar gaji yang besar. Tidak! Saya suka belajar, sementara ada peluang belajar," tegas Mazni. Radang sedikit hatinya.

"Sementara belum ada anak," tokok guru ini.

"Ya," ujar Mazni selamba. Dia tidak kuasa melayan telatah guru muda ini.

Kawan-kawannya juga selalu memomok-momokkan cita-citanya.

"Gaji Karim tu dah lebih dari cukup untuk kau perseronok-seronok, Mazni. Buat apa teruk-teruk menghadap buku lagi? Kalau akulah jadi kau, aku goyang kaki saja di rumah menghadap muka suami aku," kata Marina, temannya yang ramai *boyfriend*.

Mazni tersenyum saja mendengarkan ucapan yang sungguh

merbahaya itu. Kalau tidak cekal tentu Mazni turut hancur bersama-sama kawannya yang tidak punya pendirian hidup yang tegas itu.

“Hai, awak tak tahu ke Cik Mazni kita ni nak pergi universiti,” usik Latifah pula.

“Oh, nak pergi universiti. Ada hati juga nak pergi universiti, Mazni? Tak usahlah! Menyusahkan saja! Entah-entah belum sempat masuk universiti anak dah menangis di rumah,” tambah Marina sambil ketawa besar.

“Biar anak menangis di rumah, kalau semangat nak belajar belum hilang akan diteruskan pelajaran aku, Marina,” kata Mazni tegas dan bersemangat! Latifah dan Marina berpandangan dan senyum-senyum.

Aziah yang sama mendengar perbualan itu mencebikkan bibir. Sama tabiat anak gadis ini dengan ibunya.

Kisah isteri jurutera ini bersekolah malam juga mendapat tempat yang istimewa di kalangan kawan-kawan Puan Mahani dan Puan Ainun.

“Dah kahwin tu buatlah cara kahwin, buat apalah nak belajar lagi. Belajar menjaga laki, sudah! Ini, bini belajar malam bercampur gaul dengan jantan-jantan, si suami macam orang tongong menanti isteri di rumah. Entahkan ya, entahkan tidak isteri tu sekolah,” Puan Mahani tidak sudah-sudah sakitkan hati Mazni yang menjadi menantu Puan Rohana itu. Angan-angannya untuk bermenantukan Karim itu masih terselit di kelopak hati. Lebih-lebih lagi apabila dia ditempelak oleh Puan Ainun, isteri Encik Kahar yang dulu pernah meminang Aziah tapi Puan Mahani menolaknya dengan alasan dia sudah merunding-rundingkan hal Aziah itu dengan Puan Rohana. Tiba-tiba Karim yang disebut-sebut itu jatuh ke tangan Mazni. Hati siapa yang tak radang. Lebih-lebih lagi bila dicabar Puan Ainun di hari perkahwinan Karim hari itu.

“Saya ingat Aziah yang bersanding hari ini. Rupa-rupanya Mazni,” kata Puan Ainun kepada Puan Mahani. Berdesing telinga Puan Mahani menerima sindiran halus berbisa itu.

Sejak itu, penyakit iri hatinya bertambah-tambah berat. Azamnya untuk menunjukkan bahawa dia bukan bangsat sebagaimana yang dianggap oleh Puan Ainun itu, bertapak kukuh di jantung hati Puan Mahani.

Hari-hari dia datang bertandang ke rumah Puan Rohana. Berbual-bual. Dan dalam bualnya dia memasukkan jarum sedikit-sedikit.

“Baik betul hati Karim, dia diam di rumah, isterinya keluar sekolah malam,” umpan Puan Mahani.

“Dia suka. Gasak dialah, saya tak melarang, asalkan betul perginya,”

kata Puan Rohana ikhlas.

“Awak percaya orang perempuan keluar malam-malam ni?” tanya Puan Mahani, tinggi suaranya seperti ada sesuatu yang tersembunyi di sebalik pertanyaannya itu.

“Entah! Nampak Mazni tu benar-benar belajar. Dia nak belajar.”

“Masuk lagi pelajaran dah kahwin-kahwin ni?” Puan Mahani tersenyum nipis.

“Tak tahulah kita.”

“Pada fikiran kami, lebih baiklah diam di rumah. Tak manis perempuan keluar malam ni.”

“Mazni tu pergi dihantar oleh Karim, baliknya diambil.”

“Awak percaya ke dengan kejujuran hati menantu awak tu? Dah ada laki bergaul rapat dengan kawan-kawan sekolah malam tu? Sekolah malam tu bukan budak-budak lagi. Banyak yang dah tua-tua, anak-anak muda, suami-suami orang.”

“Ya?” Puan Rohana terkejut sedikit. Selama ini tidak diketahuinya sekolah malam tu bercampur-aduk dengan anak-anak muda.

“Anak awak, Faridah tu sekolah malam lagi?”

“Oh … dah lama saya berhentikan. Tak guna. Bukannya bagus sangat sekolah malam ni. Sekolah prebet,” terang Puan Mahani.

Puan Rohana terdiam.

“Itu tak peliklah. Si Faridah tu saja saya berhentikan kerana tak tahan diganggu oleh orang-orang yang sekolah malam tu.”

“Orang zaman sekarang, Puan Mahani, mana kira anak dara orang, isteri orang semua mahu diganggunya,” tokok Puan Rohana.

“Betul … betul kata awak tu. Ramai yang main kayu tiga. Suami keluar pintu depan, isteri keluar pintu belakang. Suami di rumah, isteri keluar rumah, tak peduli siang, tak peduli malam,” perkataan akhir tu saja ditekan kuat penuh makna. ‘Biar Puan Rohana terasa,’ kata hati perempuan banyak mulut ini.

Jelas Puan Rohana terasa sesuatu yang tajam dari cakap-cakap Puan Mahani itu. Harapan Puan Mahani mengena terlaksana.

Esoknya.

Encik Haris dan Karim sudah pergi kerja, tinggallah orang perempuan di rumah. Puan Rohana terkenangkan cakap-cakap yang kurang sedap didengarnya semalam.

“Mazni!” seru Puan Rohana.

Mazni menyahut dan menghampiri ibu mertuanya dengan penuh hormat.

“Duduk kejap, aku nak bercakap,” tambah Puan Rohana.

“Kau tahu, bukan. Tempat isteri di rumah. Di rumah siang dan malam. Siang menguruskan rumah tangga, menguruskan masak makan. Malam melayan suami yang sudah penat bekerja,” penerangan ibu mertuanya terhenti sebentar. ‘Mengambil nafas barangkali,’ fikir Mazni.

“Tapi, kau ni lain dari orang. Malam keluar. Sepatutnya kau mesti di rumah. Sudahlah siang suami kau tu bekerja, malam pun harus bekerja menghantar dan mengambil kau sekolah. Mana timbang rasa kau sebagai seorang isteri?” tanya Puan Rohana.

Mazni diam tidak menjawab. Puan Rohana meneruskan khutbahnya.

“Aku fikir lebih baiklah kau berhenti di sekolah malam kau tu. Tak manis benar aku tengok kau keluar-keluar malam. Menantu orang tak begitu. Aku ni sanggup untuk memberi makan dan pakai kau secukupnya. Tak usahlah kau nak menyusah-nyusahkan diri menghadap buku lagi. Suami kau tu harus dijaga,” suaranya tegas.

Mazni membisu juga. Mendengar dengan teliti. Hatinya berdebar-debar menerima cabaran yang di hadapannya sekarang. ‘Aku mesti berhenti sekolah?’ soalnya sendiri.

“Karim belum nak bersuara tu. Tapi jangan kau fikir Karim diam tu suka kau keluar malam. Suami mana yang suka membenarkan isterinya bercampur-aduk dengan jantan-jantan lain. Dia ada hati, ada mata, ada perasaan. Aku tahu Karim tak berkenan dengan sikap kau, cuma dia tak kuasa bercakap,” Puan Rohana seperti tahu benar akan sikap anak lelakinya itu.

Mazni diam juga. Otaknya saja berfikir-fikir. Begitu besar cabaran untuk meneruskan pelajarannya. Kenapalah nasibnya begini buruk?

“Malam karang jangan pergi sekolah.”

“Nantilah saya cakapkan pada Abang Karim,” kata Mazni perlahan.

“Tak payah. Karim dah tahu segala-galanya. Karim pun dah setuju kau berhenti sekolah tu. Kau tahu dia sayangkan kau. Dia tak suka kau bersusah-susah memeras otak belajar. Hidup di rumah ni rasa aku dah lebih dari senang,” Puan Rohana membanggakan diri.

‘Lebih dari senang menurut pandangan kebendaan, tapi terseksa dari segi kebebasan dan ketenteraman jiwa,’ bisik Mazni sendiri.

‘Dapatkah aku melayakkan diri untuk memasuki peperiksaan tingkatan enam sains itu?’ tanya Mazni bertalu-talu. Hai, sabarlah

hati! Memang begitulah dah menjadi seorang isteri. Hati suami, kehendak ibu mertua perlu juga difikirkan, kalau tidak alamat porak-perandalah rumah tangga. Kata orang, kalau hidup nak selamat mesti tahu menghormati kehendak hati ibu mertua, lebih-lebih lagi hidup serumah dengannya.

“Kenapa tak pergi sekolah?” tanya Karim malam itu apabila melihat Mazni duduk berehat-rehat saja di beranda tingkat atas itu, tidak bersiap-siap seperti biasa.

“Kata mak, abang dah hantar surat berhenti sekolah,” jawab Mazni ikhlas.

“Surat berhenti sekolah siapa?” Karim kehairanan sambil mencuit dagu Mazni yang senang-senang terbaring di kerusi malas itu.

“Hai! Surat berhenti sekolah Mazlah. Buat-buat tak tahu pulak.”

“Apa ni?” Karim bingung.

“Abang dah berhentikan Maz sekolah malam, kan?” Mazni menjelaskan.

“Siapa kata?” tinggi suara itu. Terkejut.

“Mak kata.”

“Apa dah jadi ni?” Karim menepuk-nepuk dahi. Kesal.

“Kenapa?” Mazni pula kehairanan.

“Hai! Entahlah, Mazni. Susah hidup kita ni. Kenapalah hidup kita ni penuh dengan cabaran,” Karim menghampiri Mazni, isteri kesayangannya sambil merenung mata kuyu mendamaikan itu. Mereka berpandangan. Lama. Kemudian tersenyum.

“Kenapa ni?” tanya Mazni sambil tersenyum.

Karim tidak segera menjawab. Hatinya berdebar-debar. Mesti ada sesuatu yang berlaku di sebalik senyuman manis itu.

Karim tahu betapa hancurnya hati Mazni bila dikatakan dia memberhentikannya sekolah. Karim tahu benar-benar bagaimana besar dan tingginya cita-cita isterinya ini. Dia bangga.

“Maz!”

“Hmm.”

“Mengertilah, percayalah. Abang tak pernah berniat mahu memberhentikan kau sekolah, apalagi terus-terus bertindak menyekat kau sekolah. Tak pernah terlintas di kepala ni. Tak pernah,” Karim melahirkan perasaan yang sebenar.

“Jadi, Abang belum hantar surat berhenti sekolah Mazlah?”

“Tidak.”

“Jadi?”

“Tinggalkan soal itu pada abang. Abang tahulah menguruskannya nanti. Kau jangan bimbang. Kau mesti sekolah semula, ambil periksa *form six* tu,” tegas Karim serius.

“Benar ke ni, bang?” Mazni kegirangan seperti orang lemas mendapat nafas. Jiwanya gembira mendengar pengakuan yang tegas dari Karim, suaminya yang begitu bertimbang rasa.

“Bang, Maz takkan sia-siakan kebebasan dan peluang yang abang beri pada Maz. Percayalah!” Ikrar Mazni. Dipegangnya kedua-dua tangan Karim erat-erat sebagai berjanji. Karim tersenyum puas.

“Kenapa tak pergi belajar, Mazni?” tanya Encik Haris bila dilihatnya Mazni sibuk mengemas-ngemaskan tempat makan malam itu. Mazni tidak menjawab. ‘Dia tidak berhak menjawab,’ fikirnya. Matanya saja pantas merenung Karim minta bantuan.

“Kata dia, dia dah berhenti sekolah,” Karim menjawab.

“Kenapa pula?” Encik Haris kehairanan.

“Kenapa berhenti, Mazni? Kan ke periksa tak lama lagi?”

Mazni yang ditanya tidak mahu menjawab. Apa yang harus dikatakan. Dia boleh menyatakan keadaan yang sebenarnya, tapi mulut itu belum sanggup mengecilkan hati ibu mertuanya yang sama-sama ada di situ.

“Aku yang suruh dia berhenti,” jawab Puan Rohana berani.

Encik Haris dan Karim berpandangan. Mazni segera melarikan diri ke dapur berpura-pura sibuk dengan kerja. Sebenarnya dia takut melihat bunga-bunga pertengkaran yang akan tercetus di rumah batu dua tingkat ini. Dia tidak mahu melibatkan diri. Tidak.

“Kenapa awak pula yang pandai-pandai menegah orang nak sekolah, Puan Rohana?”

“Saya tak suka menantu saya keluar malam. Tak manis, tak elok. Tempat isteri di rumah. Di rumah melayan suami, bukan seronok-seronok bercampur aduk dengan jantan-jantan lain. Saya tak suka menantu saya jadi buah mulut orang. Kau Karim, memerap di rumah, isteri kau keluar. Kau tak malu ke? Macam orang bodoh, isteri orang tak keluar malam, isteri awak keluar malam,” Puan Rohana terus memetir-metir. Bercakap terus tanpa mengambil nafas dan memberi peluang orang lain bersuara.

“Mazni keluar malam ke sekolah?”

“Sekolah, kata kau? Kau tahu apa yang dibuatnya di sekolah yang

bercampur aduk dengan jantan-betina itu. Kau mana tahu, kau di rumah. Yang jahat tu tak jauh, tak jauh, Karim!" melenting-lenting saja patah-patah yang keluar dari mulut perempuan berpenyakit panas baran ini.

"Ini tentu ada yang didengarnya dari mulut orang keliling! Kalau tidak, tak jadi begini," teka Encik Haris.

"Mak terlalu suka mempercayai cakap-cakap orang."

"Kalau tak cakap orang, cakap siapa lagi nak aku dengar? Kau dengan ayah kau ni keramat hidup. Macam orang tak ada telinga. Selamba saja mendengar orang menjaja anak menantu kita."

"Inilah penyakitnya. Percayakan cakap orang sampai membinasakan diri sendiri," sela Encik Haris.

"Sudah, jangan hendak membising. Aku tak suka menantu aku jadi buah mulut orang. Aku tak suka Mazni sekolah malam. Apa yang dikejar sangat di sekolah tu. Dah berumah tangga buat cara orang dah berumah tangga. Sikit lagi dah beranak-pinak. Apa nak disakit-sakitkan suruh sekolah, nak jadi D.O., nak jadi *lawyer*, nak jadi doktor? Tu … tu di dapur tu tempat orang perempuan," semakin memberang Puan Rohana menegakkan pendapat dengan suara dan muka orang berkelahi.

"Saya tak setuju dengan pendapat dan sikap mak tu. Maz isteri saya. Saya benarkan dia bersekolah."

"Wah! Wah! Mentang-mentanglah dah beristeri, cakap isteri, kehendak isteri saja yang diikut, yang didengar. Cakap mak ni dah buang ke tepi. Inilah dia anak yang tak tahu diuntung. Kita ingat dah beristeri dapat membantu-bantu kerja di rumah ni. Rupa-rupanya nak jadi raja, nak sekolah? Aku tak benarkan dia sekolah, aku tak suka, kau mengerti tak?"

"Saya berhak membenarkannya sekolah. Dia isteri saya."

"Dan, aku tak boleh masuk campur, begitu maksud kau?" sambar Puan Rohana pantas. Marahnya sudah tidak dapat dikawal lagi. Mencerlang biji mata Puan Rohana.

"Itu terpulang pada mak," sela Karim selamba.

Mazni yang mengikuti pertengkaran itu bertambah bimbang. Hatinya kusut. Seluruh anggotanya menggigil, menggeletar. Dia tak mahu kerana dia, Puan Rohana bertengkar anak-beranak. Dia sedar akan dirinya itu. Dia tidak mahu dibela-bela, tak mahu dipenting-pentingkan begitu. Tidak pernah terlintas di hatinya.

Mazni keluar menghidangkan makan malam itu dengan wajah yang

dibuat-buat tenang. Tapi hatinya Tuhan saja yang tahu.

“Kau nak bersekolah juga, ya Mazni?” tengking Puan Rohana.

Tersentak Mazni. Berkocak sedikit mangkuk gulai yang di tangannya.

“Er … tidak … tidak. Maz suka berhenti saja. Maz boleh belajar sendiri di rumah,” jawab Mazni teragak-agak.

Karim merenung Mazni. Mazni tunduk mengalah.

“Hah, Mazni dah suka berhenti sekolah. Apa yang kau susah-susah nak sangat bertegang-tegang urat menentang aku?” kata Puan Rohana bangga. Bangga kerana dia menang dalam menegakkan penipuan yang sangat dibenci oleh Encik Haris, suaminya. Tapi Encik Haris tidak mampu mengatasi kehandalan isterinya dalam pertengkaran-pertengkaran begini. Suara isterinya selalu mengatasi suaranya sebagai suami. Dia sedar akan kelemahannya. Malah sudah lama dia sedar. Sedar saja tidak bangun bertindak tidak apa ertinya! Ini pun dia tahu. Tapi hingga kini dia masih selalu mengalah dengan isterinya. Begini pun ada juga baiknya. Kalau dia tak mengalah, mungkin suara isterinya semakin lantang membelah rumah batu dua tingkat ini. Nasib tidak baik mungkin juga boleh meruntuhkan langsung rumah batu Encik Haris ini!

“Mana pendirian kau, Mazni? Apa benar-benar kau tak mahu sekolah malam tu, atau bagaimana?” tanya Karim separuh kesal. Kesal kerana melihat Mazni tiba-tiba mengalah di hadapan ibunya sebentar tadi.

Mazni dial tidak menjawab. Matanya dilempar jauh ke Selat Tebrau yang indah itu. Air laut bercahaya dek pancaran sang bulan yang tergantung di dada langit Tanjung Puteri malam ini. Indah! Betapa senangnya melihat keindahan alam begini. Tapi sayang! Keindahan begini belum dapat dinikmati oleh hati Mazni. Mazni yang sedang menghadapi satu cabaran hebat dalam perjuangan mencapai cita-cita tingginya.

“Kenapa, Mazni? Apa kau dah tak mahu sekolah lagi?” ulang Karim lagi. Digoncangnya bahu kecil itu dengan penuh kasih sayang.

“Bang …!”

“Hmm.”

“Bukan Maz tak mahu sekolah lagi. Tapi Maz tak mahu kerana Maz, abang dan mak bermasam-masam muka. Bertegang urat leher. Maz tak sanggup menyakiti hati orang tua. Maz tak sanggup melukai hati ibu. Maz tahu betapa kecewanya hati ibu bila melihat anaknya bersikap keras padanya. Maz tak mahu begitu, bang.”

“Kau ni betul lemah hati. Terlalu mementingkan perasaan hati orang.

Hati sendiri tu juga perlu dijaga. Jangan berkorban yang bukan-bukan. Itu menyeksa diri, namanya," balas Karim.

"Bukan begitu, bang! Maz ada pendirian dalam hidup. Abang fikirlah. Bolehkah kita merasa bahagia kalau ada orang lain menderita kerana kita. Maz hanya berbahagia kalau orang lain bahagia," terang Mazni jujur. Karim tersenyum lebar mendengar pengucapan yang begitu kudus.

"Kau terlalu berani berkorban untuk kepuasan dan kebahagiaan orang lain, sedangkan hati kau sendiri abang tahu parah menderita. Janganlah kau cuba berdalih. Abang tahu kau terseksa menerima cabaran ini. Abang tahu."

"Tak apalah, bang, asalkan rumah kita ini aman damai. Hati Maz akan tenteram kalau suasana rumah ini tenteram, kerana pada Maz rumah inilah rumah Maz, dunia Maz. Maz dilahirkan di sini, dibesarkan di sini, dan inilah saja keluarga Maz. Tak ada arah lain yang Maz pandang di dunia ini selain dari abang, mak, ayah, dan rumah ini," Mazni melahirkan perasaan dengan nada yang menyayat hati. Karim terpegun sebentar. Hatinya turut terusik mendengar harapan isterinya. Harapan daripada seorang isteri yang sudah tidak ada ibu dan ayah. Dan tidak ada kaum keluarga untuk mengadu. Terasa Karim akan tanggungjawabnya pada isteri yang di hadapannya itu. Dia tidak harus mensia-siakan harapan isterinya. Tidak.

"Kita mesti pindah dari sini, Mazni. Kalau tidak, kau tidak akan bergerak bebas. Segala langkah perlu dapat persetujuan dari mak. Kalau beginilah tak ada ertinya abang di rumah ini," tiba-tiba saja Karim melahirkan pendapatnya. Mazni terkejut. Dia tidak menyangka Karim berfikir begitu. Kerana Karim adalah anak bongsu dan bakal mewarisi rumah batu dua tingkat itu. Dan Karim juga yang diharapkan oleh Puan Rohana menjaganya yang semakin hari semakin tua itu.

Mazni tidak berkata apa-apa. Dia hanya merenung wajah suaminya yang begitu mengambil berat tentang dirinya terutama sekali dalam soal pelajaran.

"Maz suka pindah dari sini?"

"Bang, Maz menurut saja ke mana abang pergi. Kalau abang fikir kita patut pindah, Maz ikut pindah. Tapi, tak ke ini akan menjadi kemarahan mak?"

"Ah, itu soal kita, soal kita yang sudah berumah tangga! Kita perlu belajar berdiri di atas kaki sendiri, tak perlu mengharapkan nasi mak dan ayah lagi," tegas Karim. Bernyawa.

Mazni bimbang lagi. Entah berapa banyak bimbang yang sedang bermain di kepala Mazni sekarang. Bimbang periksa, bimbangkan Karim yang selalu tidak bersependapat dengan ibunya.

Apa akan jadi kalau manusia terlalu terikat dengan perasaan? Dan apa akan jadi pada manusia yang terlalu terikat dengan fikiran? Soalan-soalan itulah yang bermain di kepala Karim kini.

“Kau terlalu mengikut perasaan Maz!” tuduh Karim bila sudah puas berbincang dengan Mazni berhubungan dengan ura-ura untuk berpindah. Cadangan itu ditentang oleh Puan Rohana. Puan Rohana marah-marah, malah naik angin benar mendengar Karim mahu berpindah. Karim sudah mengambil keputusan tegas untuk berpindah. Dia rindukan sebuah rumah tangga yang benar-benar bahagia, bukan rumah tangga yang pura-pura.

“Bukan begitu, bang. Maz tak mahu hati mak terusik.”

“Tapi hati abang terseksa tak mengapa?” sela Karim pantas.

“Ah! Sudahlah, abang tak mahu dengar segala alasan. Terlalu mengalah, tak bertenaga untuk bertindak. Hidup mesti tegas, Mazni. Tekad di dalam segala hal. Abang tak suka berpura-pura gembira sedangkan hati yang sebenarnya pedih menahan derita,” lantang suara itu menembusi telinga Mazni. Karim benar-benar tegas malam itu. Sudah lama dia tidak mendengar suara keras dari suaminya itu.

“Nampaknya kau lebih perlukan mak dari abang dalam hidup ini?” lagi sekali Karim memuntahkan perasaannya. Biarkan Mazni tahu bagaimana hatinya, kasihnya pada isteri yang selalu mengalah ini.

“Bang …?” Mazni tersentap. “Jangan kata begitu. Abang saya sayang, emak saya hormat. Jangan dikata orang, sayangkan suami, emak mertua diketepikan.”

“Lagi sekali kau salah jalan,” sambar Karim. Kesalnya menggodak di hati.

Direnungnya muka Mazni lama-lama. Wajah manis itu tenang saja. Kemudian Mazni mendongak menatap Karim. Mereka bertenung-tenung. Lama tenung-menenung seperti bermain drama pentas. ‘Apakah wajah yang ayu ini tidak punya jiwa memberontak, bertenaga, selalu lemah dan mengalah? Benarkah wajah yang lemah-lembut dan jelita ini tidak punya daya fikir yang berani, yang dinamik?’ Selalu Karim bertanya sendiri apabila melihat sikap isterinya ini. Tapi bila dia melihat Mazni yang tekun belajar, meskipun sudah berumah tangga itu Karim berfikir sebaliknya. Mazni seorang wanita yang berjiwa besar, bercita-cita tinggi, tabah menerima dugaan hidup. Karim bingung. Di dalam sifat berani, tabah

itu, tidak lepas juga hati perempuannya. Mengalah, menangis, merajuk.

“Kenapa ni?” tanya Mazni sambil tersenyum setelah lama terpaku sambil renung-merenung mata antara satu sama lain.

“Mazni! Mazni!”

“Ya, kenapa?”

“Ah!” Karim mengeluh berat. “Kita tak boleh hidup pura-pura begini, Maz. Membahayakan diri.”

Mazni mendengar saja. Melihat itu Karim menyambung lagi.

“Kita mesti tegas di dalam hidup. Kita mesti pindah dari sini,” putus Karim.

“Bang …,” Mazni mahu bersuara tapi segera ditindas Karim.

“Sudah. Abang tak mahu dengar alasan dari kau, Mazni. Kau isteri aku. Kau mesti ikut perintah aku,” jelas Karim berupa amaran.

“Apa kata mak nanti,” Mazni sempat juga mencelah.

“Mazni nak ikut perintah mak atau perintah abang?”

“Dua-dua.”

“Tak mahu dua-dua. Pilih salah satu, perlukan abang atau mak?” keras saja suara si suami malam ini. Dia sudah tidak kuasa mengalah dengan ibu, dan tidak mahu bersimpati dengan sikap isteri yang lemah hati itu.

“Maz sayangkan abang, tapi ….”

“Tak ada tapi-tapinya lagi. Esok akan abang terangkan pada mak dan ayah.”

“Janganlah gaduh-gaduh, bang. Jangan berkecil-kecil hati dengan mak. Maz tak sanggup begitu,” pinta Mazni.

“Jangan bimbang. Abang tahulah. Sudah, mari kita masuk,” Karim memaut pinggang ramping ini bangun dari kerusi di beranda yang menghala ke Selat Tebrau itu masuk ke dalam.

Esoknya.

Karim benar-benar menunjukkan kehandalannya di hadapan ibunya pagi itu. Serang-balas anak dan ibu bertubi-tubi. Masing-masing menegakkan pendapat. Encik Haris saja yang mencelah-celah sesekali.

“Kalau kau benar-benar mahu belajar hidup sendiri, hah, aku tak menegah. Pindahlah. Dan kalau kau rasa tidak sedap esok, balik … aku sedia menerimanya. Nak pindah, pindahlah. Orang nak mencuba

berumah tangga sendiri." Encik Haris melahirkan sikapnya. Sikap dari seorang ayah yang berfikiran luas, berhati jujur, dan ikhlas.

"Nak belajar hidup berumah tangga! Di rumah ni tak makan, tak minum? Kau betul tak berhati perut, Karim. Sepatutnya kau anak bongsu aku yang bekerja di sini dapat menjaga aku! Ini tidak. Semuanya tak dapat diharap. Dahlah adik-beradik kau yang lain tu jauh, kau yang bekerja di bandar ni pun nak menjauhkan diri? Kita ikut kehendaknya kelmarin supaya dia tetap di rumah ni. Dan Mazni pun dah biasa di rumah ni. Rupa-rupanya tidak. Dah menjadi isteri seorang jurutera dah tak layak duduk di rumah ni. Dah berasa besar diri," Puan Rohana melepaskan geram.

"Soal nak pindah ni jangan mak babit-babitkan dengan Mazni. Ini bukan soal Mazni, tapi soal saya yang ingin hidup sendiri," balas Karim dengan harapan supaya ibunya mengerti akan hasrat hidup bebasnya.

Akhirnya Puan Rohana keluar pagi itu meninggalkan Karim dan Mazni yang sibuk berkemas-kemas untuk berpindah itu. Karim dan Mazni keluar dari rumah itu dengan dihantar oleh Encik Haris saja. Encik Haris memberikan pesanan yang terakhir pada anak dan menantunya di tangga rumah batu dua tingkat ini dengan rasa kesal di dada.

"Usah kau ambil hati sangat dengan sikap mak kau tu, Karim, Mazni. Biarkan dia merajuk dulu, esok lusa tu baiklah. Dan datang-datanglah selalu ke rumah ni, jangan kau tinggalkan terus mak kau tu."

"Tak, ayah. Kami akan selalu menjenguk ayah dan mak," begitu janji Karim dan Mazni. Mereka pergi. Pergi untuk memulakan penghidupan baru, jauh dari gangguan manusia lain.

Mereka menyewa sebuah rumah yang sederhana besarnya di kawasan perumahan tidak jauh juga dari Selat Tebrau yang indah itu.

Kini Mazni merasakan suasana yang benar-benar bebas dan luas untuk bergerak. Tapi tanggungjawab di dalam rumah tangganya bertambah. Segala-galanya mahu diuruskan. Dan pelajarannya juga perlu dijenguk. Perlu dikaji dengan tekun dan teliti kerana peperiksaan tingkatan enamnya hanya tinggal beberapa hari lagi.

Dapatkah aku melayakkan diri untuk memasuki peperiksaan itu? Selalu pertanyaan begitu mengusik hatinya. Di saat-saat begitu dia terkenangkan Zaki. Zaki yang tentunya juga sedang sibuk menghadap buku siang malam untuk peperiksaan tahun akhirnya menjelang tahun baru yang akan datang ini.

Pelajarannya kini terganggu. Siang dia terpaksa menguruskan suami

dan rumah tangga. Dan malamnya terpaksa juga keluar bila diajak oleh Karim. Dan tidak dapat menolak permintaan suaminya yang mahukan hiburan, yang mahukan pertukaran suasana hidup secara orang kota. Kalau dia menolak bermakna dia lebih pentingkan dirinya sendiri, cita-citanya sendiri. Mazni sedar dia sekarang seorang isteri yang perlu menjaga kepentingan dan hati suami. Di dalam saat-saat beginilah dia menutup buku pergi keluar mengiringi suaminya menghiburkan hati mengelilingi bandar Tanjung Puteri yang di bibir Selat Tebrau ini dan kadangkala ke Kota Singa, ke Kota Tinggi bermain air terjun. Dan kalau hari minggu ke Mersing bermain pantai yang luas menghala Laut China Selatan. Begitu gembira hidupnya kini. Tapi bila malam menjelang hatinya kecut semula. Dia membilang hari peperiksaannya. Soalan yang selalu mengganggu hatinya timbul lagi. Layakkah aku masuk periksa dengan keadaan begini? Soalan itu datang bertalu-talu. Dan serta-merta dia bingkas bangun membuka bukunya di samping suami yang sudah lama diayun mimpi. Dia menyengkang mata untuk peperiksaan tingkatan enam.

Hari demi hari menjelang. Masa untuk menentukan nasib dan cita-cita besarnya kian hampir. Mazni terpaksa mengundurkan diri dari suasana hidup gembira bersama suaminya. 'Dia mesti bertindak begitu, kalau tidak dia pasti gagal,' kata hati kecilnya.

"Maz tak mahu pergikah?" tanya Karim yang sudah bersiap-siap untuk ke majlis tari-menari di Dewan Bandaran kerana hari jadi seorang tokoh politik di Tanjung Puteri ini.

"*Sorry*lah. Maz tak dapat bersama abang malam ini. Maz perlu mengkaji pelajaran Maz. Selamat bergembira, bang," kata Mazni sambil mengorak sebuah senyuman manisnya. Karim turut tersenyum.

"Tak takut tinggal seorang?"

"Tak. Jangan balik jauh-jauh malam, ya bang," pesan Mazni.

"Okey, sayang! Abang pergi. Tinggal rumah baik-baik, ya?" pesan Karim pula sambil memberikan ciuman di dahi isteri yang manja dan terburu-buru keluar dengan Volvonya.

Malam itu, Mazni tidak merasa iri hati atau cemburu atau buruk sangka kepada suaminya yang pergi ke majlis tari-menari sendirian itu. Perhatiannya tidak ke suaminya. Tidak. Hatinya, otaknya sedang ditumpukan ke buku yang sedang dihadapnya sejak petang tadi. Dia perlu kerja keras dan hati-hati kerana pelajarannya sudah banyak terganggu, dan dia belajar sendiri pula. Mazni belajar dan terus belajar. Agak mengantuk dia bangun membuat secawan kopi panas untuk menyegarkan mata yang sudah lenguh dan penat menatap huruf-huruf halus yang berbaris-baris di buku-buku tebalnya.

Di majlis tari-menari di Dewan Bandaran berjalan dengan suasana yang hangat dan rancak. Manusia-manusia di dalam bangunan itu sedang diayun irama rancak yang menegangkan urat saraf tua muda. Yang muda memang sudah sedia merasa nikmatnya, yang tua juga terasa mudanya, terasa darah mudanya mengalir lagi di urat saraf yang sudah kendur-mendur itu.

Karim yang sudah lama tidak berkhayal sendirian begini merasai nikmat yang sudah lama dilupakannya. Lebih-lebih lagi bila dia bertemu kawan lamanya, Rosli, Jamil, dan Saleh yang terkenal dengan ganasnya itu. Mereka mabuk-mabuk lagi malam ini. Entah berapa kali sudah dia menari. Menari bersama kawan-kawan lamanya — Syamsiah, Molly, dan Dora. Dora yang tergila-gilakannya sedikit hari dulu bertemu secara kebetulan malam ini. Setelah menari dan berbual-bual itu, tahulah Karim, Dora sudah berkahwin dengan seorang pegawai syarikat di Tanjung Puteri. Malam ini mereka benar-benar melepaskan ketagih yang sudah lama terselit di sudut hati. Mereka menari, mereka berbual, mereka ketawa, mereka berkhayal di dalam dunia syurga ciptaan mereka. Mereka bebas berbuat apa saja. Apa saja tanpa segan silu. Karim datang tanpa Mazni dan Dora datang tanpa suaminya. Suaminya melawat ibu kota kerana urusan syarikat. Apa lagi, karamlah mereka, hanyut dibuai nafsu muda.

Pukul dua pagi itu, baru Karim mengetuk pintu rumahnya. Mazni sudah terlalu ngantuk tidak mempedulikan suami yang pulang jauh malam itu.

Malam esoknya, Karim berpakaian kemas lagi. Cukup kemas. Mazni tersenyum melihat wajah suami yang tampan dan gagah itu.

“Nak ke mana?” tanya Mazni tenang.

“Rumah kawan,” Karim membohongi Mazni. Sebenarnya dia sudah berjanji dengan Dora untuk ke Kota Singa melepaskan sesak yang menjolok-jolok dada. Mazni tenang saja mendengarnya.

“Nak ikut?” pelawa Karim pura-pura berbahasa, tapi hatinya berdoa-doa supaya Mazni menolak pelawaan itu.

“Tak apalah, biar Maz di rumah saja. Maz nak mengulang kaji pelajaran. Abang pergilah, jangan balik jauh-jauh malam,” pinta Mazni ikhlas.

Karim tersenyum puas. Dan sebuah kucupan mesra diberi tanda kasih sayangnya masih ada. Masih suci murni. Itu harapan Karim di dalam menjalani hidup pura-pura yang baru bermula.

Mazni di rumah menghadap buku tebalnya lagi. Hatinya cemas selalu. Bukan cemas kerana suaminya keluar malam, tapi cemas kerana hari

peperiksaan hampir tiba.

Lusa Karim berkemas-kemas untuk berfoya-foya lagi.

“Maz marah abang keluar?” tanya Karim begitu lembut dan mesra suara itu masuk ke lubang telinga Mazni.

“Tak,” senang saja Maz menjawab.

“Kalau Maz cemburu abang keluar sendiri, mari kita pergi sama, tak baik banyak-banyak membaca, Maz,” umpan Karim. Tapi hati Karim sudah mengira-ngira Mazni akan menolak pelawaan itu. Dia tahu hari peperiksaan Mazni tidak lama lagi. Dia tentu menolak dengan baik. Benar sangkaannya.

Mazni merelakan suaminya keluar mencari hiburan kerana dia sendiri tidak berkesempatan untuk melayan kehendak suaminya itu. Dia harus bertimbang rasa terhadap suaminya yang juga manusia biasa, perlu hiburan. ‘Masakan suaminya juga mesti mengurung diri menemani dia menghadap buku setiap malam,’ fikir Mazni. Tentu sekali Karim bosan dengan suasana hidup begitu. Maka itu Karim dibenarkan keluar dengan dada yang terbuka. Pergilah, asal jangan melupakan rumah tangga. Begitu sikap Mazni kepada Karim yang digantungkan segala harapan hidupnya.

Hari peperiksaan tiba.

Hari pertama dia menjejakkan kaki ke dewan peperiksaan itu Mazni merasa kekok dan asing sekali. Tapi segera dilawan perasaan kurang senang itu dengan mengatakan: Apa kurangnya aku dengan orang lain? Dia bernyawa sedikit. Hatinya tenteram semula. Soalan-soalan yang dikemukakan dapat dijawab dengan tenang.

Dua minggu suasana peperiksaan berlalu. Mazni merasakan satu beban yang dipikul sudah diselesaikan. Hatinya senang. Dadanya lapang. Terpulanglah pada takdir yang akan menentukan, sama ada dia akan berjaya atau tidak. Segala daya usaha untuk mencapai cita-cita sudah dilaksanakan dengan sesungguh hati.

Kini dia menanti saat yang akan menentukan cita-citanya untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Kalau dia lulus, maka sudah pasti dia akan mengikut jejak Zaki. Zaki yang selalu mendorong dia belajar. Zaki yang menggalakkan dia supaya mengambil jurusan perubatan kerana anak-anak Melayu, apa lagi wanita Melayu sangat berkurangan dalam jurusan itu.

Mazni menanti!

Karim terus dengan dunia pura-puranya.

Hari demi hari Mazni mula curiga melihat sikap Karim yang terlalu

kerap keluar malam itu. Wajah manis dan sifat lemah-lembutnya sudah jarang-jarang ditunjukkan. Mazni mula bimbang. Hatinya selalu berdebar-debar.

“Abang nak ke mana ni berkemas-kemas benar?” tanya Mazni dengan nada suara yang biasa.

“Hai! Dah tahu cemburu ke?” tekan Karim tiba-tiba saja.

Mazni diam. Hatinya saja menjawab: Memang dia cemburu melihat perubahan sikap suaminya.

“Abang nak pergi mesyuaraat pembangunan luar bandar,” jelas Karim dengan nada suara yang merendah.

“Malam-malam mesyuarat rancangan luar bandar?” Mazni kurang percaya.

“Menteri nak datang melawat ke bandar Tanjung Puteri ni minggu depan, jadi kita adakan berbagai-bagai rancangan untuk menyambutnya, dan mengemaskan lagi perjalanan pejabat,” terang Karim serius. Memang benar ada mesyuarat untuk menyambut ketibaan menteri dari ibu kota. Tapi dia bukan hendak ke situ malam ini. Dia mahu bermesyuarat lebih dekat lagi dengan Doranya.

Karim pergi. Mazni kesepian sendiri. Dia mula mereka-reka sesuatu yang aneh di dalam hidupnya. Jiwa yang kesepian yang memang mudah digodak bimbang yang tidak menentu. Mazni cuba membaca buku-buku cerita. Tapi hatinya terlalu resah. Benar-benar gelisah. Entah mengapa, dia sendiri tidak tahu.

‘Apa yang kurang di rumah ini?’ tanya Mazni. Segala kelengkapan sudah disediakan oleh Karim, segala-galanya ada. Hanya hati ini tidak senang melihat Karim selalu keluar malam. Dia perlu bersama Karim seperti mula-mula kahwin dulu. Dia harus menyatakan hasratnya terus-terang kepada Karim. Tapi malangnya, Karim terus-menerus mengenepikan Mazni dengan alasan dia banyak kerja. Perlu balik lambat. Kadangkala tidak balik terus. Pagi baru balik bertukar baju. Mazni melihat saja dengan sabar. Sejuta sabar kalau boleh. Kalau tidak sabar mungkin hari ini juga keluar dari rumah itu. Tapi untuk keluar dari rumah adalah satu perkara yang sulit. Mazni tidak berkeluarga. Mazni tidak bekerja. Ke mana yang harus dituju kalau dia berkeras-keras dengan Karim. Ini juga selalu terlintas di kepala Mazni. Bertindak mesti berhati-hati, kata orang. Kalau tidak, tindakan itu sendiri memakan diri.

“Abang nak ke mana?” begitu yang selalu terlancar dari mulut Mazni.

“Mesyuarat” atau “ke rumah kawan.” Itu jawapan yang diberi oleh Karim sambil lewa. Mazni sedar akan sikap sejuk suaminya.

Melihat ini hati Mazni luka parah, malah sudah mula bernanah. Dia menahan hati diam-diam. Wajahnya kini berubah. Kalau dulu muka bujur sirih itu selalu mengorak senyum manis, kini bibir manis itu hanya sanggup memberikan sebuah senyuman yang tawar dan hambar. Kerana hatinya sengsara, masakan bisa melahirkan sebuah senyuman yang benar-benar indah. Badannya semakin kurus. Dan cengkung sedikit.

“Kenapa, Mazni? Kau sakit?” tanya Mak Atun yang terkejut melihat perubahan tubuh badan Mazni.

“Tidak.”

“Kau mengandung?”

“Tidak,” Mazni menjawab sambil tersenyum nipis. Geli hati.

“Habis, kenapa kurus benar? Apa yang kau susahkan?” Mak Atun kurang mengerti.

Mazni hanya tersenyum. Hatinya lapang sedikit mendengar soalan-soalan Mak Atun yang bersikap mahu mengambil berat atas penderitaan batinnya. Di kala itu, dia terkenangkan ibunya. Ibu yang pergi tidak kembali lagi. Kalau ada ibu ada tempat mengadu, ada tempat menumpahkan rasa sengsara yang tidak tertanggung di hatinya itu.

“Kenapa, Maz? Cakapkanlah, apa yang kau bimbangkan dengan Mak Atun ni,” pinta Mak Atun ikhlas. Mazni tersenyum lagi. Hanya itu yang dapat dilakukannya. Itu saja. Dia tak mahu mencurahkan segala rahsia rumah tangganya kepada orang lain. Itu lebih merbahaya, fikirnya. Biarlah dia sendiri menguruskannya.

Soalan itu tidak terjawab. Mazni sudah mula membuka tajuk bualan lain.

Puan Rohana juga terkejut melihat perubahan badan Mazni.

“Kau sakit ke, Mazni?”

“Tidak.”

“Kalau tidak kenapa kurus begitu? Kenapa tak ajak Karim ke doktor cuba-cuba tengok badan tu,” nasihat Puan Rohana bila Mazni mengunjungi ibu mertuanya yang dulu marah-marah dia berpindah, lama-kelamaan sejuk semula hatinya bila dijenguk selalu.

“Kenapa Karim tak datang?” tanya Puan Rohana yang selalu melihat Mazni datang sendirian.

“Abang pergi mesyuarat.”

“Hai! Tak berhenti mesyuarat! Tiap kali ditanya Karim pergi

mesyuarat. Benar-benar mesyuarat ke?" tinggi sedikit suara ibu mertuanya petang ini.

Mazni diam tidak menjawab.

"Selalu dia keluar malam?" Puan Rohana mula merisik, menyoal menantunya seperti pegawai *special branch* saja lagaknya.

"Selalu juga."

"Kau tahu ke mana dia pergi?"

"Tidak."

Puan Rohana merenung muka bujur sirih yang terlalu jujur ini. Timbul kasihan di hati. 'Benar-benar budak ini terseksa,' terlintas di kepala orang tua ini. Puan Rohana memang sudah masak benar dengan sikap ganas anak mudanya. Dia tahu. Dia faham.

"Kalau tak pindah dari rumah ni, Karim tak begitu berani keluar malam," kata Puan Rohana tiba-tiba.

'Benar juga!' detik hati Mazni, kerana Karim tentu malu kalau selalu keluar sendiri begitu meninggalkan isteri di rumah. Tapi kini apa yang dimalukan dan apa yang nak disegankan. Di rumahnya, dia raja, dia menteri, segala gerak langkahnya tidak perlu ditegah-tegah. Kesal juga hati Mazni. Tapi apa yang harus dilakukannya. Segala-galanya sudah terlanjur.

Setiap hari Mazni tinggal kesepian. Tengah hari Karim sudah tidak balik makan lagi. Petang Karim sudah tidak menjengah rumah lagi dan kadangkala terus pagi. Pagi balik sebentar tukar pakaian dan pergi kerja pula. Rumahnya kini tidak ubah seperti hotel. Tak lebih dari itu.

Mazni terus memendam rasa. Kadang-kadang dia menyesali nasibnya sendiri. Kenapa dirinya tidak segembira hidup orang. Kenapa? Jangkanya setelah berumah tangga dengan Karim, hidupnya akan terus bahagia. Pelajarannya akan terjamin. Tapi segala-galanya tidak sebagaimana yang dijangka. Keputusan peperiksaan belum keluar lagi. Hatinya semakin cemas. Kalau peperiksaannya gagal, maka hancurlah segala harapan untuk hidup terus seperti orang lain. Kerana matlamatnya sekarang sudah diarahkan kepada keputusan peperiksaan itu saja. Kalau dia lulus, dia akan meneruskan pelajarannya ke universiti. Biarlah Karim dengan dunianya dan dia dengan dunianya. Dia tidak mampu memikirkan soal suaminya lagi. Biarlah dia lepas bebas mencari kepuasan hidup, asalkan Karim tidak menegahnya belajar, sudah!

Suatu hari Mazni tersentak bila membaca nama Zaki sebagai salah seorang mahasiswa yang berjaya di tahun akhir jurusan perubatan di

Universiti Singapura. Dia melonjak kegembiraan. Mazni merasakan bagaimana gembiranya hati Zaki. Zaki! Keluhnya sendiri. Hatinya bertambah resah mengenangkan Zaki di saat kesepian begitu.

Seminggu kemudian didengarnya Zaki sudah bertugas di Hospital Umum di Tanjung Puteri sebagai *houseman*. Mazni bertambah gelisah. Hatinya bagai digaru-garu ingin bertemu muka dengan Zaki untuk mengucapkan tahniahnya yang benar-benar gembira itu.

Petang Isnin itu Mazni memberanikan diri. Dia pergi sendirian ke hospital menemui Zaki.

Zaki terkejut menerima tamu yang sangat dirinduinya itu.

“Mazni, kau datang?” kata Zaki separuh tidak percaya yang di hadapannya itu wanita yang dipujanya selama ini.

“Ya, aku datang. Aku datang untuk mengucapkan tahniah atas kejayaan kau,” merendah saja suara itu. Hatinya sedih, entah mengapa Mazni tidak mengerti. Hampir-hampir dia mengalirkan air mata kegembiraan. Dia gembira dengan kejayaan Zaki, dan dia gembira dapat melihat wajah manusia yang pernah mencintainya.

Sunyi seketika.

Mereka berpandangan. Senyum bertukar. Dan kemudian masing-masing menundukkan kepala. Mengalah. Hati masing-masing berdebar-debar menahan perasaan yang sukar dimengertikan.

“Bagaimana dengan periksa hari tu? Ada harapan?” Zaki membuka mulut. Bersuara untuk mencari jalan yang bijak dalam suasana-suasana yang mendebarkan itu. Memang dirasakan kekok sekali pada Zaki di saat itu, kerana di hadapannya sekarang bukan Mazni yang dia kenal sebagai pelajar, tapi Mazni isteri seorang jurutera yang terkemuka di Tanjung Puteri ini.

“Ada harapan tentunya,” ulang Zaki. Mazni membisu lagi.

“Kenapa diam?” tanya Zaki sambil merenung mata kuyu yang mengilhamkan. Tapi sayang! Mata yang dipujanya selama ini sudah cengkung dan layu. ‘Kenapa?’ fikir Zaki, tapi tidak bersuara.

“Mudah-mudahan berjaya,” balas Mazni yang tenang. Zaki senyum.

Pertemuan itu bernyawa juga akhirnya. Hanya di saat mula bersua tadi dirasakan begitu kaku oleh dua insan yang sudah lama tidak bertemu muka kerana sebab-sebab peribadi. Mereka berbual. Mereka berbincang. Mereka bergurau dan bergelak ketawa dengan riangnya. Maklum sajalah dua insan yang dulu dianggap seperti belangkas oleh teman-teman rapat mereka. Banyak modal yang dibualkan. Lupa sebentar risau di hati Mazni. Dan lupa dia yang dia itu isteri orang,

bukan anak gadis lagi. Dia sudah di dalam ikatan perkahwinan.

Malam itu, Mazni tidak bertanya lagi ke mana suaminya pergi. Dihantari suaminya dengan senyum gembira. Memang hatinya gembira dengan pertemuan petang tadi. Karim kehairanan, tapi tidak ada masa untuk bersoal jawab lebih panjang lagi. Dia mahu segera keluar kerana Dora, kekasihnya sudah lama menanti.

Petang esok Mazni keluar bertemu Zaki lagi. Berbual lagi. Dan hatinya terhibur. Benar-benar terhibur.

Karim juga terus keluar dan keluar. Suami isteri bercabang jalan kini. Masing-masing dengan dunia masing-masing.

“Berapa lama suami isteri sanggup hidup begitu?” soal jiran sekeliling. Apakah mereka tidak tahu akan undang-undang suami isteri atau mereka sudah rela-merelakan? Kalau itulah sikap Karim dan Mazni, betapa bertamadunnya manusia! Betapa besarnya erti kebebasan manusia! Dan betapa hormatnya mereka pada kebebasan manusia! ‘Perlukah jiran-jiran membetulkan jalan rumah tangga yang sudah jauh terpesong dari segi undang-undang agama ini?’ fikir Encik Sanusi, jiran rumah Karim yang tahu segala langkah Karim dan Mazni. Perlukah? Rasa tanggungjawab sebagai saudara Islam timbul tiba-tiba tapi segera hapus bila teringat akan hak kebebasan manusia kota. Mereka tidak suka diganggu. Kau, kau! Aku, aku!

Tapi perkara yang buruk itu segera menjadi buah mulut orang hingga sampai ke telinga Karim. Karim naik angin bila mendengar Mazni, isterinya keluar, waktu dia tidak ada di rumah.

“Kau ke mana petang tadi, Mazni?” soal Karim yang tidak keluar malam itu. Mazni pelik melihat suami yang selalunya tidak lekat di rumah, malam ini memerap pula.

“Kau ke mana?” kuat sedikit suara Karim. Mazni bimbang.

“Pergi ke rumah kawan.”

“Kawan lelaki? Kawan perempuan?”

“Ah, itu pun abang nak tahu?” sela Mazni sambil ketawa kecil. Ketawa yang dibuat-buatnya, untuk melindungkan debaran hati yang bergerak cepat dari biasa itu.

“Jawab!!! Jangan nak tersengih-sengih. Aku nak tahu ke mana kau tadi?” jerit Karim.

“Maz … Maz ke rumah kawan.”

“Siapa? Cakap betul-betul, kalau tidak aku terajang kau kali ini,” amaran Karim. Kuat dan lantang suara itu memecah malam yang baru bermula itu.

“Kawan …,” Mazni masih berlindung. Dia takut dengan bunga-bunga pertengkaran yang akan tercetus itu.

“Siapa???” pekik Karim semakin kuat.

“Zaki.”

“Oh … begitu kau di rumah, ya? Aku keluar pintu depan, kau keluar pintu belakang. Manusia yang tak sedar diuntung,” Karim sudah naik darah benar-benar.

“Memang Maz tak pernah diuntung,” sampuk Mazni perlahan.

“Oh, pandai menjawab, ya? Kita ambil dia dengan baik, sia-siakan, penghargaan kita. Inilah manusia yang tak sedar diri.”

“Abang! Jangan menuduh Maz begitu hina. Segala harapan Maz abang musnahkan. Abang sia-siakan kasih sayang Maz pada abang. Abang lupakan tanggungjawab abang sebagai suami,” Mazni menjawab berani.

“Kau yang tidak menjalankan tanggungjawab kau sebagai isteri! Jangan nak cuba mencari kesalahan orang,” bentak Karim.

“Jangan abang nak membela diri. Maz tahu segala gerak-geri abang selama ini. Jangan nak menghina-hina Maz begitu.”

“Diam! Aku tak mahu dengar kau berleter. Aku nak tahu apa yang kau buat selalu-selalu keluar dengan Zaki tu, apa yang kau buat, hah?”

“Saya tak buat apa-apa, bang. Maz keluar hanya menghiburkan hati. Maz berbual-bual saja.”

“Berbual apa sebilang petang? Bual apa?” Mata Karim sudah merah menyala-nyala bagai mahu ditelan isteri yang menjawab itu.

“Bual biasa saja, soal-soal pelajaran, soal-soal hidup manusia,” jelas Mazni bertenang. Apa yang dikatakannya adalah benar. Dia keluar sebilang petang hanya duduk berbual-bual saja. Dia masih sedar akan dirinya sebagai isteri orang.

“Aku tak percaya. Apa yang dibuat oleh orang lelaki dan perempuan kalau selalu-selalu bertemu begitu. Aku tahu … aku tahu kau berlaku curang,” tuduh Karim.

“Abang?” jerit Mazni. “Abang jangan menuduh Mazni begitu. Mazni tidak seburuk yang disangka. Tak mesti pertemuan-pertemuan antara lelaki dan perempuan tu diisi dengan perbuatan-perbuatan curang sebagaimana yang abang lakukan setiap malam tu!” Mazni tidak dapat menahan hatinya lagi. Dimuntahkan habis-habis segala derita di dada. Biarkan Karim tahu betapa sengsaranya dia sejak akhir-akhir ini.

“Tutup mulut tu, biadap. Jangan cuba nak melawan,” tengking Karim.

Buku Mazni di meja itu dihempaskan ke lantai. Kuat. Mazni merenung saja Karim yang sudah menyinga itu.

“Saya tak berniat nak melawan. Apa yang saya katakan adalah benar. Memang benar. Kalau abang menuduh Mazni curang, abang lebih dahsyat lagi ….”

“Tutup mulut tu, betina. Sedar diri tu siapa?” cemuh Karim. Orang di hadapannya sudah kecil dan kecil dilihatnya.

“Maz tahu, Maz orang miskin, Maz menumpang,” Maz merendah.

“Tahu pun. Hah, jaga diri tu sikit. Jangan jadi perempuan tak senonoh.”

“Dan abang juga perlu jaga diri, jangan jadi suami yang tak bertanggungjawab. Apa abang ingat saya saja mesti patuh pada undang-undang rumah tangga? Abang sesuka hati keluar dengan perempuan-perempuan lain, berseronok-seronok hingga tak balik malam. Adil ke ni? Adil ke???” jerit Mazni yang dari tadi mengalah.

“Kau isteri, aku suami,” jerit Karim pula sambil menghentak buku penumbuknya ke meja. Garang.

“Oh … kerana abang suami, maka abang buat sesuka hati pada saya. Abang kejam! Kejam!” pekik Mazni kuat sambil menangis. Hatinya benar-benar pedih dengan luka lamanya.

“Diamlah!” laung Karim. Kaki bunga di meja dihentakkan. Pecah berderai mangkuk kecil itu.

“Kalau macam ini lebih baik mati!” Mazni tidak dapat menahan sabar lagi. Hatinya benar-benar sakit mendengar ancaman dan tuduhan dari Karim yang tidak-tidak itu.

“Oh, nak mati? Kenapa tak kata lebih baik ceraikan Maz, biar Maz dapat jantan lain?” ejek Karim.

Hati Maz semakin terbakar.

“Abang kejam … kejam!” laung Mazni sekuat hati. Karim bertambah geram melihat Mazni tak sedar diri itu.

“Oh! Kejam? Apa kejam. Bila aku melakukan kekejaman? Bila??? Hah … ini … ini baru dinamakan kejam!” Geram Karim terubat bila tangan gagahnya melayang ke muka Mazni yang halus licin itu. Mazni meraung kesakitan dan jatuh terperosok ke lantai.

“Bunuh saja. Kalau macam ni. Tak guna hidup kalau terseksa.”

“Amboi! Masih bersuara lagi, ya? Mulut tu mesti tutup sedikit, tahu? Mesti diajar. Hah …,” sekali lagi penampar gagah terbang ke kepala Mazni yang mahu bangun itu. Mazni terduduk lagi.

“Heh! Dah mabuk, ya?” jerit Mazni sambil mengaduh kesakitan.

“Apa mabuk? Kau tu yang mabuk jantan!” bentak Karim.

“Awak tu yang dah gila,” balas Mazni masih mahu bangun melarikan diri.

“Gila? Hah … ini dia penangan orang gila,” sela Karim. Sekali lagi tangan gagahnya hinggap ke kepala Mazni. Mazni yang mahu bangun itu terus terduduk dan tersungkur bila diterajang oleh Karim yang sudah naik hantu.

Mazni tidak bangun lagi. Kepalanya pusing dan pengsan. Lama dibiarkan oleh Karim di celah almari biliknya itu. Sangkanya Mazni akan cuba bangun melawan atau melarikan diri. Mazni tidak bangun lagi. Kepalanya menyembah lantai. Badannya lembik tidak bermaya. Karim tersentak sebentar. Dia bingung. Mazni yang terselit di celah almari buku itu diangkat ke katil dan cuba memulihnya semula. Tapi hampa. Jurutera ini sudah benar-benar bingung. Dengan pertolongan Encik Sanusi dan isterinya, Mazni dapat disedarkan. Tapi perjalanan nafasnya tidak betul. Tersekat-sekat. Begitu susah untuk mengambil nafas. Karim takut. Segera dipanggilnya Doktor Lim di Jalan Kenangan. Doktor datang memeriksa Mazni. Dengan wajah yang kesal, doktor tua ini mengatakan Mazni terlalu terkejut. Perjalanan darahnya tidak betul. Dia perlu dirawat di hospital. Dia perlu banyak bertenang. Karim menerimanya sambil merenung wajah isteri yang sudah lebam dengan bekas jari-jari kasarnya.

Mazni dihantar ke hospital esoknya.

Berita Mazni dan Karim bergaduh itu sampai ke telinga Encik Haris dan Puan Rohana. Dua orang tua itu memarahi Karim habis-habisan.

“Kalau betul pun bertekak, janganlah sampai nak membunuh orang! Karim … Karim! Mana perginya otak kau? Dah gila, ya?” Puan Rohana geram.

Karim terpaksa mendengar segala leteran kedua orang tuanya. Di pejabat, dia dimarahi oleh kawan-kawannya kerana berlaku kasar kepada seorang isteri yang lemah seperti Mazni. Kepalanya kusut. Dadanya sebu dengan marah dan leteran. Dia sendiri tidak sedar mengapa dia harus memukul Mazni begitu hebat. Mungkin hatinya sudah terlalu radang melihat mulut comel itu menjawab tengking herdiknya.

Malam itu dia terbaring sendiri tanpa Mazni, tanpa Dora.

Dan Mazni terlantar sendirian di hospital dengan hati yang luka parah.

BAB 19

“Apa sebab boleh jadi begini, Mazni,” tanya Zaki penuh simpati. Mazni tidak menjawab. Matanya saja merenung muka doktor muda yang datang merawatnya pagi itu.

“Aku jatuh,” Mazni berbohong. Sangkanya doktor muda ini tidak tahu akan sebab-sebab yang menjadikan muka kecil itu lebam.

“Jangan berbohong. Aku tahu sebab lebam itu semua,” balas Zaki.

“Dah tahu, sudahlah,” hendak tak hendak saja Mazni membuka mulut.

“Ya … tapi apa yang menyebabkan sampai lebam-lebam tu? Kau bergaduh ya?”

Mazni diam. Kemudian mengeluh panjang dan menudung muka dengan gebarnya. Zaki yang di sisi memerhatikan saja tingkah laku Mazni seperti anak-anak yang malu itu.

Zaki membuka gebar yang menutup wajah manis yang dipujanya sejak bertahun-tahun dulu, tapi hari ini wajah itu sudah layu dan lebam-lebam. Kasihan!

“Mazni,” seru Zaki perlahan, hampir dia mengeluarkan air mata melihat wajah yang membayangkan derita hati yang sudah tidak dapat disorok-sorokkan lagi.

“Sudah, tinggalkan aku sendiri, Zaki. Bintangku tak secerah bintangmu,” jawab Mazni sambil menudung mukanya semula.

Zaki terpaksa berlalu dari situ. Hatinya benar-benar terharu.

Seketika kemudian, Zaki datang semula menghampiri Mazni lagi. Mazni menudung mukanya lagi. Hatinya sedih. Dia mahu melupakan segala-galanya termasuk Zaki yang dipujanya dari jauh itu. Mazni sedar hidupnya terlalu terseksa. Dunia sekeliling terlalu menghimpit dan menyepit jiwanya. Dia lemas, selemas-lemasnya.

“Mazni …,” teriak Zaki lembut.

Mazni mematikan diri.

“Mazni! Pandanglah ke mari. Ada berita baik untuk kau,” kata Zaki sambil duduk di sisinya.

Mazni masih kaku.

“Mazni, pandanglah ke mari. Ada berita baik untuk kau. Kau akan gembira bila mendengar keputusan peperiksaan kau ni,” tambah Zaki.

Mazni membuka tudung mukanya perlahan-lahan. Hatinya berdebar-

debar. Adakah berita keputusan peperiksaan tingkatan enamnya?

Matanya liar ke surat khabar yang ada di tangan Zaki.

“Kau lulus, Mazni. Tahniah dariku,” sambung Zaki dengan senyum gembiranya.

Mazni tenang menerima berita baik itu. Zaki kehairanan.

“Tak gembirakah kau mendengar berita itu?”

“Apalah ertinya aku lulus sedangkan aku terlantar di hospital ni,” rintih Mazni.

“Ah, usah susah hati, Mazni. Kau akan baik tidak lama lagi. Penyakit jantungmu tidaklah serius sangat. Kau terlalu terkejut dan terlalu banyak memendam rasa dan terlalu banyak berfikir yang berat-berat,” terang doktor muda ini ikhlas.

“Usahlah kau bimbang. Senangkan hati. Tak ada apa-apa,” pujuk Zaki, dengan harapan Mazni yang putus asa itu bernyawa kembali.

Petang itu, Karim datang.

Mazni menerima Karim sama dia menerima Zaki. Mukanya ditutup dengan gebar menyerupai mayat yang terbujur kaku.

“Mazni,” seru Karim.

Mazni tidak menyahut. Radangnya masih terlekat di hati.

Seorang jururawat datang menghampiri Mazni kemudian membukakan muka yang lebam-lebam itu.

“Jangan tudung muka begitu. Susah bernafas nanti,” kata jururawat manis sambil membetulkan gebar Mazni kemudian berlalu. Lapang dada Karim sedikit. Ditatapnya muka yang sudah bertukar corak dari merah berseri kepada pucat dan lebam. Ngeri dia. Diramas-ramasnya jari-jari gagah yang terbang ke muka Mazni malam dulu itu. Kenapa dia begitu garang dan ganas malam itu, dia sendiri tidak mengerti. Mungkin kerana bahang air haram yang diteguknya terlalu banyak setelah menerima berita Mazni selalu keluar bersama Zaki itu. Entah! Segala-galanya tak perlu dikesalkan lagi perkara sudah berlaku.

“Bagaimana rasa badan sekarang?” tanya Karim takut-takut.

‘Puaka!’ Mazni menyumpah di dalam hati. ‘Orang sudah terlantar begitu ditanya-tanya lagi,’ kata hati kecil Mazni. Mazni terus membisu. Karim jadi serba salah. Resah. Tak tahu apa yang harus ditanya, dibualkan untuk menyejukkan hati isteri di hadapannya itu.

“Kau lulus periksa,” lagi sekali Karim merasa patah-patah yang keluar dari mulutnya teragak-agak tak tentu arah. Hatinya berdebar-debar.

Mazni terus kaku.

“Bila dah keluar dari hospital nanti boleh kita uruskan soal untuk masuk universiti tu,” Karim diburu bimbang.

Mazni bersahaja seperti tidak ada apa-apa yang didengarnya.

“Maz! Maafkan abang kerana terlalu kasar pada kau.” Malu Karim hendak melafazkan kalimah yang sudah lama diulang-ulang sebelumnya.

Melihat Mazni yang terus mematikan diri, Karim merasa benar-benar bersalah. Apa yang harus dikatakan lagi. Dia sudah mengaku salah. Dia sudah meminta maaf. Dapatkah Mazni memaafkannya?

“Mazni, maafkanlah abang! Janganlah menyimpan dendam. Buangkanlah yang keruh ambil yang jernih,” rayu Karim lembut.

Mazni belum bersuara lagi. Karim menanti mulut kecil itu dibuka. Menanti dan menanti.

Akhirnya masa untuk melawat selesai. Karim berlalu dengan hati yang serba kacau.

Tengah hari esoknya. Karim datang lagi.

“Mazni! Maafkanlah abang. Abang insaf sekarang. Abang tahu kau marahkan abang. Tapi buangkanlah yang keruh, ambil yang jernih. Manusia itu tak sunyi dari silap dan salah,” Karim merayu-rayu lagi. Dan berfalsafahlah dia di sana sini.

Mazni seperti petang semalam juga. Membisu seribu bahasa.

“Maz! Tak mahukah kau memaafkan kesalahan abang?”

Mazni selamba saja mendengar Karim merayu-rayu, memujuk-mujuk.

Mazni mula menoleh ke wajah suami yang dulu sangat dihormatinya, sangat dikasihinya. Tapi kini, segala-galanya sudah tidak ada lagi. Perasaan benci saja yang selalu meluap-luap di kelopak hati.

“Maz maafkan …,” Mazni terhenti sebentar di situ. Karim mula mengorak senyum.

“Maz maafkan dengan syarat lepaskan Maz dan lupakan Maz. Biar Maz hidup sendirian. Dan abang teruslah hidup dengan dunia abang,” tiba-tiba saja itu yang dilafazkan oleh Mazni.

“Kenapa kau kata begitu?” terkejut sedikit Karim.

“Kerana antara kita sudah tidak ada persefahaman. Lepaskan Maz dengan dada yang senang. Inilah permintaan Maz yang terakhir.”

“Aku masih sayangkan kau!”

“Kalau masih sayangkan Maz, tinggalkan Maz sendirian. Biar Maz cuba hidup sendirian tanpa belaian kasih orang.”

“Kenapa itu yang kau ucapkan?”

“Tak ada apa-apa. Hati ini sudah terlalu menderita, bang. Maz mahu pergi jauh dari sini. Tanjung Puteri tidak senang menatap anak terbuang ini,” rintih Mazni sayu. Air jernih mengalir perlahan-lahan membasahi pipi dan jatuh ke bantal.

Hati jurutera gagah ini terusik. Dia sama terharu mendengar keluhan isteri yang terlantar itu.

Sunyi. Pelawat di kiri kanan sibuk melayan saudara-saudara mereka sendiri. Jururawat dengan kerja mereka. Mazni dan Karim melayan perasaan masing-masing hingga selesai masa melawat tengah hari itu.

Karim tidak makan tengah hari itu. Dia terus ke *bar* mencari seteguk air haram untuk menghilangkan gelisah di dada. Biar lapang sedikit kepala yang terlalu buntu menerima kata akhir dari Mazni, isterinya. Kemudian dia balik ke pejabat.

Di pejabat dia tidak dapat berbuat apa-apa. Kepalanya pening. Dadanya panas. Karim keluar.

Di Jalan Sena, dia bertemu Dora. Dora tersandar kemas di sebelah suaminya. Karim iri hati tiba-tiba. Cemburunya meluap-luap, mendesak-desak di tasik hati. Karim menekan minyak kereta Volvonya mahu melepasi kereta yang di hadapannya. Biar dilihat oleh Dora bahawa dia lebih berani, lebih hebat, lebih gagah dari suaminya yang sudah separuh umur itu.

Volvo meluncur laju memotong Opel Dora. Karim menjeling pantas ke tingkap kereta orang tua itu. Keretanya sudah di hadapan. Apa lagi yang harus dilakukan? Fikirannya benar-benar buntu. Kepalanya sakit menghadapi persoalan yang perlu diselesaikan. Kepalanya berdenyut-denyut pantas. Dadanya panas membahang. Matanya kian berpusing. Pokok-pokok di tepi jalan raya itu dilihat menari-nari ke tengah ke tepi menghadang-hadang jalannya. Dia tergamam.

Stereng keretanya dipaut ke sana ke mari dan akhirnya … Volvo merah menyodok pokok ketapang yang masih gagah berdiri. Volvo gagah tidak berupa Volvo lagi. Pemandunya tersepit di tempat duduknya sendiri. Karim diumpil keluar dengan keadaan pengsan dan berlumuran dengan darah panas yang merah-merah.

Dua hari kemudian tersebar berita di seluruh bandar Tanjung Puteri;

KARIM BIN HARIS, JURUTERA DI

LEMBAGA PUSAT ELEKTRIK MATI
TERBUNUH AKIBAT KEMALANGAN
MELANGGAR POKOK KETAPANG DI
JALAN SENA.

Mazni menerima berita itu dengan lelehan air mata. Dia tidak tahu mengapa dia menangis. ‘Begitu hitam corak dan warna suasana hidupnya,’ keluh Mazni kesal. Entah pada siapa yang dikesalkan. Pada dirinyakah? Pada nasibnyakah? Atau memang sudah celaka badan? Mazni terus menangis dan menangis.

Encik Haris terkaku beberapa minit menerima berita kematian itu. Air mata Puan Rohana turun bercucuran. Sedih. Pilu.

BAB 20

“Selamat tinggal, Zaki. Terima kasih atas segala budi baikmu pada aku selama ini. Dan maafkan aku atas segala salah dan silap selama kita bergaul. Maafkan aku, Zaki!” kata Mazni di hari dia keluar dari hospital itu.

“Kau nak ke mana, Mazni?” Zaki bimbang.

“Aku …,” Mazni terhenti di situ. Tak sanggup dia meneruskan kata-katanya. Hatinya tersayat. Kerongkongnya terasa ada batu besar yang tersengkang di situ.

“Kau nak ke mana?” Zaki bingung.

“Aku akan pergi jauh dari sini, jauh dari Tanjung Puteri yang kucintai. Tapi Tanjung Puteri juga telah terlalu banyak mengukir sejarah hitam hidupku! Biarlah badan ini mengadu nasib di tempat lain. Mungkin tanah Tanjung Puteri sudah jemu dengan aku,” suara kecil Mazni mencucuk-cucuk kelopak hati Zaki.

“Mazni! Jangan lekas putus asa. Anggaplah segala peristiwa sedih hari semalam sebagai asas mengenal telatah dunia. Jadikanlah kegagalan hari semalam sebagai pendorong jalan kemajuan hari esok. Janganlah terlalu mengikutkan perasaan hati yang sedih itu,” pujuk Zaki.

“Kau tak tahu bagaimana lukanya hati ini, Zaki,” suara itu keluar tertahan-tahan. Wajahnya muram sekali lebih muram lebih mendung dari langit yang menanggung hujan.

“Mazni, aku hidup lagi. Aku ada lagi. Aku tak akan membiarkan kau sendirian dalam menempuh hidup ini. Aku sedia menerimamu kembali. Kasihku, sayangku pada kau masih membara. Percayalah! Hati ini masih senang menerima kau meskipun kau sudah bergelar janda,” Zaki melahirkan perasaan tanpa malu, tanpa silu. Dia benar-benar kasihkan Mazni. Kasih yang sudah lama terselit di kelopak hati.

Mazni merenung Zaki, kemudian tersenyum pahit.

“Sudahlah, Zaki. Usah disebut lagi soal kasih, soal sayang. Aku takut bermain kasih, bermain sayang.”

“Kenapa? Apa kau tak percaya dengan kata-kata aku ini?”

“Percaya. Tapi … usahlah kau sogokkan cintamu kepadaku lagi, Zaki. Biarlah aku sendirian. Dan berilah cintamu kepada gadis lain, yang lebih suci, yang lebih sesuai untukmu sebagai doktor. Lupakan aku, lupakan,” rayu Mazni.

“Aku masih sayangkan kau, Maz! Percayalah.”

“Aku hargai kasih sayangmu. Tapi, usah kau harap balasannya. Hati ini terlalu jemu dengan suasana cinta. Biarlah aku pergi jauh dari sini. Mudah-mudahan bintang hidupku cerah di tanah lain.”

“Mazni, kau nak ke mana?” tanya Zaki lagi. Bimbang.

“Belum dapat kukatakan sekarang. Esok aku akan telefon kau. Dan esok kau akan tahu ke mana arah yang kutujui. Esok, Zaki,” kata akhir Mazni sebelum meninggalkan Zaki yang tertanya-tanya sendiri. Wajahnya cemas tanda gelisah di hatinya itu. Zaki takut kalau-kalau Mazni mengambil keputusan membunuh diri. Kerana dari cakap-cakapnya, lain benar maknanya. Benar-benar melambangkan manusia yang putus harap.

Hari ini, Mazni mengemas-ngemaskan kain bajunya. Kemudian esoknya ke rumah bekas ibu mertuanya di Jalan Kenangan.

Encik Haris suami isteri menyambut kepulangan Mazni dengan lelehan air mata. Mazni turut menangis kerana melihat orang tua itu menangis.

Setelah lepas segala terbuku di dada, Mazni bersuara.

“Mak, ayah, maafkan Mazni. Halalkan segala yang termakan terminum selama ini.”

“Kenapa? Kau nak ke mana, Mazni?” tanya Encik Haris terkejut.

“Saya akan pergi jauh,” suara itu sayup didengar Encik Haris.

“Ke mana?”

“Saya akan ke Kuala Lumpur,” terang Mazni.

“Kenapa terburu-buru nak ke sana? Apa ada di sana? Ke rumah siapa yang nak kau tuju?” soal Puan Rohana.

Mazni terdiam. Ke rumah siapa yang mahu dituju?

“Usahlah membawa diri, Mazni. Aku sedia menerima kau balik. Duduklah di rumah ni seperti dulu-dulu. Anggaplah rumah ini seperti rumah kau sendiri.”

“Terima kasih, mak … ayah. Bukan Maz tak mahu tinggal di sini, tapi Maz sudah buat keputusan untuk belajar di Kuala Lumpur. Maz akan ke sana untuk menguruskan soal mendaftar diri sebagai siswa baru. Dan kalau dapat, Maz akan cuba mendapatkan biasiswa.”

“Tindakan kau ni terlalu berani, Mazni. Kau ada duit untuk belajar tu?”

“Ada sikit untuk hidup dua tiga bulan sebelum mendapat bantuan,” kata Mazni perlahan. Perasaan cemas menghadapi masa depannya dibuangkan jauh-jauh. Dia sekarang perlu bertindak atas dasar fikiran.

Fikiran yang berani dan dinamik. Bukan atas dasar perasaan. Bukan. Dia sudah nekad kini. Pahit maung hari semalam mengajar dia bersikap begitu. Berkira-kira sangat selama ini pun dia gagal mencapai kebahagiaan hidup yang dirinduinya.

“Apa hal dengan rumah kau tu?”

“Itu terpulanglah segala-galanya kepada ayah dan mak. Maz tak mengambil apa-apa selain dari kain baju dan buku-buku Maz.”

Encik Haris berfikir, Mazni adalah isteri Karim, dan dialah orang yang sama berhak menerima segala harta peninggalan Karim termasuk wang insurans Karim. Apakah dia sanggup melihat Mazni yang tidak punya harta dan saudara-mara menjalani hidup terkapai-kapai sendirian? Tidak! Hatinya tidak tergamak membiarkan Mazni begitu. Tidak.

“Mazni, kalau itu keputusan kau, aku tak boleh berbuat apa-apa. Belajarlah sampai tercapai segala cita-cita. Dan terimalah cek ini untuk belanja ke universiti itu,” Encik Haris mencatat sesuatu di kertas itu kemudian menghulurkan kepada Mazni. Mazni menyambut dengan terharu. Matanya merah menahan sedih di hati. Cek berharga dua ribu ringgit itu digenggam erat-erat.

Mazni bersalam-salaman dengan Mak Atun, ayah, dan ibu mertuanya dengan cucuran air mata yang sudah tidak dapat ditahan-tahan lagi. Hatinya sayu meninggalkan rumah batu dua tingkat. Tempat dia dilahirkan, tempat dibesarkan. Dan inilah dunia bagi ibu yang telah pergi.

Mazni singgah sebentar ke kubur ibu yang mungkin lama lagi akan dijenguknya. Entah bila dia akan menziarahi kubur ibu ini lagi dia sendiri tidak tahu. Lama dia bertafakur di hadapan nisan kerdil itu. Setelah puas menatap nisan kaku itu, dia ke pantai Selat Tebrau kesayangannya. Dari pondok telefon di bibir selat itu dia menelefon Zaki. Zaki memang cemas sejak semalam itu terburu-buru keluar mendapatkan Mazni di bibir selat.

“Mazni, benar-benar ke kau akan pergi jauh dari sini?” Zaki kurang percaya dengan tindakan Mazni.

“Ya, aku akan pergi jauh membawa hati yang luka parah. Dan kuharap bintangku akan cerah bila di sana nanti,” tenang saja Mazni menjawab. Pandangannya dilemparkan jauh ke tengah Selat Tebrau.

“Kau nak ke mana?”

“Aku akan ke universiti.”

“Singapura?”

“K.L.”

“Kenapa ke K.L? Kan di Singapura ada,” Zaki kesal.

“Aku tak sanggup melihat Tanjung Puteri lebih lama lagi.”

“Kau benci dengan tempat lahirmu?”

“Tidak.”

“Dah tu kenapa membawa hati jauh begitu?”

“Zaki, hati mana tak cinta, hati mana yang tak sayang pada tanah kelahiran? Hati mana? Tapi, Tanjung Puteri terlalu banyak mencatatkan sejarah hitam aku, Zaki. Aku terharu, biarlah aku mencuba untung nasibku di ibu kota.”

“Mazni, tindakan kau ti menghancurkan hati aku, Maz. Aku masih mengharapkan kasih sayangmu. Aku sedia menerimamu. Aku sedia membantu di dalam segala-galanya.”

“Jangan … jangan diulangi kisah cintamu, Zaki. Aku takut.”

“Sampai hati kau sia-siakan harapan aku.”

“Jangan terlalu banyak menggantungkan harapan kepada orang lain, Zaki. Kalau terlalu mengharapkan orang, bantuan orang, inilah jadinya, kecewa seperti aku. Aku terlalu pentingkan hati orang, harapan orang kepada aku. Akhirnya kau sendiri kecewa.”

“Kau tak percaya dengan akuan lidah aku ni?”

“Percaya, malah lebih dari percaya. Tapi tinggallah dulu. Kalau ada jodoh kita akan bertemu. Kalau tidak, banyak lain sebagai gantinya,” putus Mazni.

“Kau menyeksa aku.”

“Tidak. Aku lahir bukan untuk menyeksa hati orang. Tapi kalau kau merasa terseksa maka itu bukan salah aku. Cuba salahkan diri sendiri. Dan cuba belajar kenal diri sendiri.”

“Mazni … Mazni, aku tak sangka kau bersikap begitu.”

“Dan aku juga tak sangka hidupku begini.”

“Kau saja bertindak mengikut perasaan.”

“Tidak. Aku bertindak mengikut fikiran. Aku tak mahu bertindak mengikut perasaan. Kau tahu, kerana bertindak mengikut perasaanlah aku jadi begini. Tapi, sekarang aku dah tahu baik-buruknya sukap mengalah, pentingkan orang lain dari hati sendiri.”

“Kau saja mahu membalas dendam!”

“Tidak. Tidak terlintas di hati ini. Aku hanya mahu belajar hidup

sendiri. Mengenal diri sendiri. Berjuang mencapai cita-cita hidup aku sendiri. Cita-cita mahu belajar terus sebagaimana yang kau persetujui. Aku akan mengambil jurusan perubatan."

Zaki terdiam, hanya mata bulatnya saja meneliti muka bujur sirih yang bakal menjadi siswa.

Zaki tidak menyangka wanita yang selalu menangis ini mempunyai jiwa yang gigih untuk terus hidup sendirian tanpa mengharapkan pertolongan orang lain. Dan lebih mengejutkan Zaki ialah wanita yang baru kehilangan suami ini sanggup bangun dan meneroka terus ke alam hidup yang serba kompleks ini.

"Bila kita akan bertemu lagi, Maz?" Zaki memecah ketenangan suasana Pantai Tebrau. Angin laut terus berhembus senang.

"Panjang umur kita akan bertemu, Zaki."

"Kau sia-siakan cinta dan harapan aku," Zaki merendah.

"Tidak, Zaki. Aku hargai kasih sayangmu."

"Tapi kenapa menjauhkan diri dari aku?"

"Zaki! Usahlah berjauh hati. Kalau takdir mengatasi tadbir, kita akan bertemu. Dan akan sama-sama ke bibir Selat Tebrau ini."

Zaki menatap wajah Mazni sepuas-puasnya. Itu saja yang dapat dilakukannya. Segala usaha untuk memujuk Mazni tidak berjaya. Mazni tetap dengan keputusannya.

Mazni bertolak dengan kereta api malam itu dengan meninggalkan ucapan yang selalu mengusik perasaan doktor muda ini.

"Selamat tinggal Tanjung Puteri. Kalau ada jodoh bertemu lagi …."